

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA**

**Selasa, 2 Mei 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Dato' Poo Yew Choy.

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap agar Ahli yang baru dilantik dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan demi mengekalkan hubungan mesra dan mempereratkan lagi tali silaturahim di antara negeri ASEAN, bagaimanakah pendirian kerajaan untuk menyelesaikan isu Spratly.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:**  
Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Luar Negeri. Saya tertarik hati dengan perkataan 'demi' mengekalkan hubungan mesra dan mempereratkan lagi tali silaturahim di antara negeri ASEAN'. Yang Berhormat Dato' Ting Chee Sii yang menanyakan isu Spratly. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan terus mengekalkan kedaulatan kita ke atas pulau-pulau yang dituntut yang dianggap sebagai wilayah Malaysia. Namun demikian, Malaysia telah menyatakan persediaan untuk menyelesaikan apa-apa perselisihan berkaitan dengan tuntutannya melalui perundingan. Malaysia akan terus berusaha untuk mencari penyelesaian kepada isu

tuntutan bertindih di Laut China Selatan ini secara damai di mana di antara pihak-pihak yang terlibat. Malaysia berpendapat bahawa buat masa ini adalah wajar sekiranya isu ini diselesaikan secara dua hala atau pelbagai hala yang hanya melibatkan negara-negara yang menuntut wilayah di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Malaysia akan mempertahankan serta menggalakkan pendirian Malaysia dan juga pendirian ASEAN selaras dengan Deklarasi ASEAN mengenai Laut China Selatan ataupun Deklarasi Manila Tahun 1992 supaya negara-negara yang terlibat tidak menggunakan kekerasan untuk mengukuhkan tuntutan masing-masing. Selaras dengan matlamat ini, Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam usaha ASEAN untuk menggubal Kod Tatalaku Serantau (Regional Code of Conduct) di Laut China Selatan di antara ASEAN dan Republik Rakyat China bagi mengurangkan ketegangan berhubung isu ini.

Malaysia juga akan sentiasa menyokong langkah-langkah membina keyakinan (confident building measures) seperti siri workshop on managing potential conflict in the South-China Sea, dengan izin, yang diadakan setiap tahun dan disertai negara-negara pesisir Laut China Selatan termasuk negara-negara Asia Tenggara yang tidak terlibat dengan tuntutan. Malaysia akan terus mengambil bahagian dalam workshop ini mengikuti perkembangannya secara aktif dan secara terdekat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Luar tidak hadir dan Timbalan Menteri, saya dimaklumkan terpaksa bercuti kerana anaknya uzur. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh jawab soalan tambahan agaknya?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Boleh, insya-Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik soalan mengenai tali silaturahim di antara negara ASEAN dan kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab, saya akan bertanya yang ada kaitan dengannya. Soalannya, apakah kata sepakat ASEAN mengenai tiga perkara yang berkaitan dengan kewangan. Satu, proses pemantauan ASEAN mengenai kewangan. Kedua, tentang Tabung Kewangan Asia yang selalu diperkatakan oleh kepimpinan negara termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan ketiga, yang ada berkaitan dengannya juga tentang architecture sistem kewangan antarabangsa mengenai hal ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, nasib soalan mengenai Kementerian Kewangan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, tentang proses pemantauan serantau ataupun ASEAN civilian process (ASP) ini sedang dilaksanakan oleh negara-negara ASEAN bagi memantau dan memberikan amaran terawal mungkin ataupun early warning system kepada negara-negara ASEAN mengenai kesan perubahan, perkembangan, mengenai ekonomi dan kewangan bukan sahaja di peringkat serantau, malah di peringkat antarabangsa yang mungkin mempengaruhi ekonomi-ekonomi negara ASEAN ini. Ini bertujuan untuk memastikan krisis kewangan baru-baru ini tidak berulang lagi. Setakat ini proses ini berjalan lancar dan menunjukkan perkembangan yang aktif dan berikutan itu rakan dialog ASEAN seperti China, Jepun dan juga Korea berminat untuk menyertai program pemantauan ini. Walau bagaimanapun, perkara ini belum diputuskan secara muktamad dan kita akan berbincang lagi mengenai proses pemantauan ASEAN ini, insya-Allah, di Chiang Mai pada 6 Mei 2000 ini.

Tentang Tabung Kewangan Asia juga, pada awalnya dicadangkan oleh Jepun pada bulan September 1997 dahulu tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada IMF. Maklumlah IMF mengatakan bahawa ini merupakan satu duplikasi ataupun pergandaan ataupun pertindihan dan Amerika Syarikat juga menentang cadangan ini. Namun, kegagalan Jepun ini tidak melemahkan Malaysia dan ASEAN juga untuk berusaha mewujudkan tabung seumpama ini untuk memberi bantuan segera kepada negara-negara Asia yang mungkin dilanda krisis di masa-masa yang akan datang. Keperluan ini timbul berikutan dengan pengalaman kita dahulu di mana bantuan kewangan kepada Indonesia dan sumbangan secara bilateral diperlukan di antara negara-negara ASEAN apabila Thailand dan Indonesia dilanda kegawatan ekonomi, maka pengunjuran tabung ini sangat dirasakan.

Yang ketiganya, mengenai architecture sistem kewangan, International Financial Architecture (IFA) ini nampaknya negara-negara ASEAN semua bersetuju dan kita berharap bahawa kata sepakat ASEAN ini akan kita salurkan melalui negara Jepun untuk Jepun berbincang dengan Kumpulan G-7 dan kata sepakat ASEAN ini termasuk pertamanya piawaian ketelusan dan pendedahan maklumat. Ini yang dikatakan transparency; yang kedua, pengawasan ke atas agensi penerapan kredit; yang ketiga, pengawasan anggaran modal dan jangka pendek – ini yang kita takut mereka masuk dan mereka keluar bila-bila mereka hendak dan akan meredumkan

ekonomi negara kita; dan keempat, pembaharuan institusi kewangan antarabangsa; kelima, kestabilan rejim kadar pertukaran; dan keenam, liberalisasi akaun modal yang teratur. Negara-negara ASEAN sepakat mengenai perkara ini dan kita hendakkan bahawa International Financial Architecture (IFA) dapat kita suarakan ke enam-enam perkara ini melalui G-7 melalui Jepun apabila mereka bersidang kelak.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya haraplah soalan ini kalau dapat diterangkan sedikit. Soalan saya, masalah Pulau Sipadan tetapi bukan isu pencolekan. Sebagaimana yang telah kita maklum bahawa di akhir-akhir ini sedang kita gawat dengan masalah pencolekan ini, Indonesia sudah menyuarakan bahawa tuntutan terhadap Pulau Sipadan. Namun, kita percaya bahawa kerajaan mempunyai bukti yang kukuh dan kekuatan dari faktor sejarah dan lain-lain sehingga kita lihat Kerajaan Malaysia sudah pun membuat investment di Pulau Sipadan dan juga mengusir orang-orang luar yang bukan rakyat daripada Pulau Sipadan, bukan sahaja masalah keselamatan, kita rasa ini adalah sebahagian daripada bukti hak kita. Jadi, tanda tanya kita bagaimana kedudukan pulau ini dari segi haknya, adakah hak kita sudah jelas ataupun masih lagi dipertikaikan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya sorot kebelakang balik tentang persejarahan, ini ditimbulkan kerana pada permulaan ada konvensyen tahun 1981 di antara Great Britain, UK dan Netherland. Di situ konvensyen itu menentukan boundry di antara British dan Dutch hak mutlak masing-masing. Apabila perkara ini berlaku kita mengatakan bahawa Pulau Ligitan dan Sipadan ini tidak termasuk dalam konvensyen itu kerana konvensyen itu hanya menentukan the main land ataupun Borneo sahaja, tidak termasuk pulau-pulau pesisiran di situ. Apa yang telah berlaku pada 7 Oktober 1996 Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir dan Presiden Suharto pada masa itu telah pun mengadakan beberapa pertemuan dan isu tentang Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan ini telah dipersetujui untuk kita ketengahkan kepada International Court of Justice (ICJ). Dua pertemuan (meeting) di antara peringkat pegawai kepada dua negara – di Kuala Lumpur pada 6 hingga 7 Januari 1997 dan di Bandung pada 28 hingga 30 April 1997 untuk membincangkan terms dan special agreement yang hendak dibawa ke tengah ke ICJ ini. Ini sedang dilihat di ICJ. Terima kasih.

2. **Dato' Dr. T. Marimuthu [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan Malaysia mempunyai sejumlah 35 buah syarikat pengurus tabung amanah saham di samping Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang mengendalikan 100 tabung bernilai RM30 bilion, bilakah kerajaan akan mencadang supaya mereka bergabung untuk meningkatkan kepakaran sumber pengurusan dan dapat bersaing di luar negara (antarabangsa).

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai 33 buah syarikat pengurusan yang menguruskan 100 buah tabung unit amanah bernilai RM15.7 bilion selain daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang menguruskan 5 tabung bernilai RM54.701 bilion pada 29 Februari 2000. Setiap tabung unit amanah mempunyai matlamat untuk memberikan pulangan terbaik kepada para pelabur dalam bentuk dividen dan peningkatan modal. Bagi mencapai objektif tersebut, pelbagai tabung unit amanah yang mempunyai strategi pelaburan yang tersendiri ditubuhkan. Oleh itu, terpulanglah kepada para pelabur untuk memilih sendiri tabung unit amanah yang selaras dengan objektif pelaburan masing-masing dan tahap risiko yang mereka sanggup hadapi sama ada untuk mendapatkan pulangan jangka masa sederhana ataupun panjang dalam pelaburan berteraskan hukuman syariah ataupun conventional.

Kerajaan tidak bercadang untuk menggabungkan syarikat pengurusan tabung unit amanah memandangkan setiap tabung mempunyai surat ikatan amanah yang tersendiri dan sebarang cadangan untuk menggabungkan syarikat itu memerlukan pegangan amanah mendapatkan kelulusan daripada pelabur-pelabur terlebih dahulu. Bilangan syarikat pengurusan yang besar juga menggalakkan persaingan yang sihat untuk meningkatkan khidmat pelanggan dan kepakaran sumber manusia terutamanya dalam bidang pengurusan pelaburan untuk memberikan pulangan yang tinggi kepada pelabur juga bagi menghadapi sebarang persaingan di peringkat antarabangsa.

Secara tidak langsung para pelabur juga menerima manfaat daripada persaingan ini kerana syarikat-syarikat pengurusan dijangka menurunkan yuran pengurusan dan caj jualan yang dikenakan kepada pelabur. Suruhanjaya Sekuriti sebagai badan induk yang mengawasi industri unit amanah Malaysia telah menetapkan kriteria yang perlu dipenuhi oleh syarikat pengurusan dari segi sumber kewangan, sumber manusia dan kawalan dalaman melalui garis panduan tabung unit amanah bagi memastikan hanya syarikat-syarikat pengurusan yang berwibawa mengurus tabung unit amanah demi menjaga kepentingan tabung.

Dengan adanya garis panduan dan pengawasan yang rapi daripada Suruhanjaya Sekuriti ini kita berharap industri unit amanah di negara ini akan menjadi lebih mantap, berwibawa dan memiliki daya saing yang tinggi untuk kepentingan para pelabur dan untuk berhadapan dengan cabaran hari muka. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negara-negara yang maju kita dapati dana seperti yang wujud di negara kita menerusi KWSP, PNB dan sebagainya sebagai trust dalam pelaburan saham-saham seperti di Amerika Syarikat, Eropah, United Kingdom dan sebagainya. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan apakah peranan tabung-tabung ini di dalam menentukan supaya penglibatan pelaburan secara jangka panjang terhadap saham-saham yang dipasarkan di BSKL dapat menjadi pemangkin (catalyst) dan tidak hanya mengikut turun naiknya harga saham di Dow Jones misalnya, kerana kita dapati KWSP sendiri tidak memenuhi kuota pelaburan di dalam saham-saham di BSKL. Saya difahamkan mengikut fakta yang diberitahu kepada kita hanya 18.9% sungguhpun KWSP sepatutnya boleh melabur sehingga 25% di dalam pasaran saham Kuala Lumpur. Jadi, apakah peranan yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi menentukan supaya kuota pelaburan dana-dana ini dapat dipenuhi dan menjadikan dana-dana ini sebagai pemangkin dan sebagai teras pelaburan di negara ini dan tidak kita hanya diumbang-ambingkan oleh Index Dow Jones sebagai pengikut sahaja.

Dan pada masa yang sama, dalam keadaan begini berapa ramai pula pengurus-pengurus dana kewangan seperti ini yang telah melanggar syarat-syarat dan amanah yang didapati oleh Suruhanjaya Sekuriti kerana ini juga akan mencerminkan kedudukan yang kurang sihat di negara kita.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat BSKL kita, kita mempunyai dua unsur, satu unsur dalaman dan satu unsur luaran. Unsur dalaman selalu kita katakan bahawa kita hendakkan pelabur-pelabur kita melihat fundamental kaunter yang hendak kita melabur, bukannya kita melihat dan kita mendengar risikan-risikan dan bisikan-bisikan daripada rakan-rakan yang lain.

Oleh kerana itu, kita berkali-kali menyatakan bahawa jika seseorang itu hendak melabur di BSKL, lihatlah kaunter dan lihatlah agensi-agensi yang fundamentalnya bagus, tetapi nampaknya masing-masing terikut faktor-faktor yang kedua iaitu faktor-faktor luaran. Jadi, kalau Dow Jones itu jatuh, maka kita pun jatuh,

kalau misalnya negara-negara luar jatuh, kita pun jatuh. Ini ada 'hurt instinct' yang selalu diperkatakan kerana kita selalu melihat dan mendengar bukannya melihat dan menganalisis sesuatu kaunter yang hendak kita laburkan.

Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mengatakan kalau boleh Unit Amanah Saham ini sebagai teras di BSKL supaya ianya dijadikan pemangkin dan tidak terikut-ikut dengan Dow Jones yang kerap kali turun naik. Oleh kerana negara kita ini baru dan rakyat kita kebanyakannya tidak mengkhususkan pemusatannya kepada kaunter-kaunter blue chips dan sebagainya, Unit Amanah Saham ini diwujudkan untuk orang-orang yang tidak berminat langsung bermain di BSKL. Jadi, dengan adanya ia masuk ke Unit Amanah Saham ini, walaupun slow and steady, maknanya tidaklah turun naik yang begitu mengejut, ia akan mendatar dan terus menaik sedikit demi sedikit kerana kita memandangkan dari segi jangka panjang dan bukan jangka pendek. Itu sebabnya, kita Amanah Saham pun kita ada macam di PNB kita ada dua, satu ASN dan satu ASB. ASN ini boleh dijual beli di kaunter tetapi ASB kepada orang-orang yang tidak berminat untuk bermain tetapi ingin melabur, kita masukkan dalam Amanah Saham Bumiputera.

Dan sekarang ini kita ada pula Amanah Saham Malaysia, saiznya RM2 bilion dan bernilai RM1 sesaham dan kita ada dua kategori, pertamanya individu Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan keduanya, enam bulan hingga di bawah umur 18 tahun dan pengurus dananya Amanah Saham Malaysia Berhad (ASB), pengurusan pelaburnya adalah PNB dan setakat ini sebanyak RM1.4 bilion telah dilanggan. Kita berasa bangga kerana ramai di antara orang-orang kita rajin menabung dan kita mempunyai 40% penabungan negara yang agak terbesar di Tenggara Asia ini. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah tabung-tabung unit amanah ini beroperasi khususnya bagi umat Islam untuk melabur serta memastikan ianya bersih dari unsur-unsur yang diharamkan mengikut syariah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat, oleh kerana satu daripada perkara yang terpenting, pelaburan Amanah Saham ini ialah mengikut pandangan dan unjuran serta nasihat daripada apa yang dikatakan Jawatankuasa Syariah. Jadi, kita ada Jawatankuasa Syariah ini di Security

Commission (SC), kita ada juga Jawatankuasa Syariah kita di BSKL dan kita juga ada satu Jawatankuasa Syariah di Bank Negara dan juga di Bank Islam.

Jadi dengan adanya Jawatankuasa Syariah ini dapat memantau dari masa ke semasa, mana-mana kaunter yang halal. Jadi, kalau sekiranya ada satu kaunter itu halal, lepas itu ia menceburkan pula dalam perkara-perkara yang tidak halal, dari segi syarak, maka Jawatankuasa Syariah ini akan memutuskan supaya saham-saham kita ditarik balik daripada kaunter yang haram itu dan dimasukkan ke kaunter yang halal. Alhamdulillah, setakat ini Jawatankuasa Syariah menjalankan tugasnya dengan baik dan kita pecayalah dan kita yakinlah bahawa apa-apa sahaja duit ataupun tabungan kita di Amanah Saham ini, alhamdulillah, nampaknya di bawah pemerhatian Jawatankuasa Syariah yang sentiasa memberikan nasihat, supaya dapat kita melabur dalam kaunter-kaunter yang halal. Terima kasih.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pokok telah dijawab dengan satu perkataan iaitu kerajaan tidak ada rancangan untuk bergabung, syarikat amanah saham, itu kiranya satu jawapan yang memuaskan, tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pinjam satu perkataan yang Timbalan Menteri tadi kata itu 'is a herding psychology', dengan izin. Kita tahu tindakan yang diambil oleh kerajaan khususnya Kementerian Kewangan baru-baru ini untuk menggabungkan bank-bank dan juga syarikat insurans boleh dikatakan kerana lesen telah banyak disukan pada tahun lepas. Itu juga nampaknya satu psychology herding juga, jadi kita mahu gabungkan kerana kita tahulah memang jumlah bank-bank dan syarikat insurans begitu besar. Di sini saya mahu tanya, adakah kerajaan mempunyai polisi ataupun kriteria-kriteria untuk memohon mendapat lesen tabung amanah saham kerana nampaknya pasaran Malaysia bukan pasaran begitu besar seperti USA dan lain-lain. Apanya kelayakan-kelayakan untuk dapat lesen jenis ini dan adakah kerajaan sudah tahu atau ada buat satu 'study' berapa patutnya lesen jenis ini yang optimum untuk negara kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penggabungan ini perlu seperti mana yang kita katakan dahulu sebelum datangnya WTO ke negara kita, kita perlu bergabung. Pertamanya, gabungan yang kita katakan bergabung di antara bank, di antara banyak bank dan sekarang kita gabungkan sepuluh dan juga sekarang ini kita pula hendak menggabungkan pula insurans dan selepas insurans, kita hendak gabungkan stock brokers. Ini suatu perkara yang saya



rasakan satu perkara yang strategik dalam rancangan kita supaya dapat kita mempertahankan badai-badai yang akan datang apabila WTO datang ke negara kita.

Mengenai amanah saham, kita katakan bahawa kita belum ada lagi tujuan untuk bergabung, oleh kerana saya rasakan walaupun kita katakan tadi bahawa market kita kecil, tetapi orang-orang kita secara instinctnya suka menabung. Ini satu perkara yang saya rasa bagus kalau dibandingkan di negara-negara Barat yang mereka suka membeli tetapi kita lebih suka menabung untuk masa-masa di hari muka. Kalau kita hendak menggabungkannya, terpaksa kita gubah balik semua syarat-syarat di antara syarikat-syarikat yang berkenaan atau dalam keadaan ini PNB dengan pelabur-pelabur. Jadi, kita kena buat balik semula syarat-syarat berkenaan. Dan untuk penggabungan ini, apakah kriteria-kriteria untuk mendapat lesen. Saya rasakan saya akan jawab di luar nanti kepada Yang Berhormat, mungkin agaknya ramai hendak minta lesen penggabungan permodalan Amanah Saham ini dan saya akan berikan kriteria-kriterianya secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**3. Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan peratusan "buang bayi" di seluruh negara semenjak tahun 1995. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah "buang bayi" ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes pembuangan bayi yang dilaporkan dan diselamatkan oleh polis antara 1995 hingga 1999 adalah seramai 298 bayi. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil beberapa tindakan dan langkah perlindungan dan menyelamatkan bayi yang terbuang ini. Antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan menempatkan bayi yang terbuang itu di tempat-tempat selamat iaitu rumah kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sungguhpun begitu, langkah pencegahan yang diambil oleh pegawai-pegawai kebajikan masyarakat melalui bimbingan dan nasihat kepada ibu bapa dan penjaga yang tidak mampu menjaga anak-anak, menyerahkan kepada jabatan secara sukarela untuk penjagaan. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah memulakan perkhidmatan telefon bebas tol (Teledera) nombor 1800-883040 sejak 19 Disember 1999 dengan kerjasama Telekom Malaysia bagi membolehkan orang ramai melaporkan kejadian

penganiayaan, pengabaian dengan serta merta melalui pegawai kebajikan masyarakat di tempat kejadian.

Sebagai langkah pencegahan juga, jabatan ini di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 telah menubuhkan pasukan perlindungan kanak-kanak disetiap negeri dan daerah dan pusat aktiviti kanak-kanak di kawasan-kawasan berisiko tinggi yang mana penderaan atau pengabaian mungkin berlaku. Terima kasih.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, seorang bayi bernama Selvi dilaporkan tidak dibawa pulang dari hospital kerana bayaran hospital. Apakah kedudukan bayi itu?

Soalan yang kedua, untuk menyediakan dokumen-dokumen...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, macam mana dia boleh tahu? Lebih baik secara bertulis ya. Tulis suratlah!

**Tuan N. Marimuthu:** Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahu perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana Yang Berhormat tahu dengan nama yang sepsifik itu.

**Tuan N. Marimuthu:** Mungkin dia tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh jawabkah?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini baru-baru berlaku dan dilaporkan dalam surat khabar bahawa seorang yang bernama Selvi, ibu bapa menuduh Hospital Besar Ipoh, mereka kata apabila anak ini dilahirkan, pihak hospital telah memohon bayaran dan kerana dia tidak mampu membuat bayaran, dia terpaksa tinggalkan bayi itu di hospital dan selama lima bulan dia tidak menuntut bayi itu. Jadi, perkara ini dilaporkan di surat khabar, tetapi anak itu pihak hospital telah menyerahkan anak itu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan saya telah menyiasat hal ini kerana ianya disiarkan dalam surat khabar. Pihak hospital tidak akan menahan sesiapa kerana tidak mampu membayar.

Jadi, ini adalah satu laporan yang tidak benar kerana jika orang-orang miskin, mereka boleh dapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga biasanya di hospital besar ada seorang pegawai kebajikan masyarakat. Orang yang ada masalah, tidak dapat membayar, mereka boleh terus berjumpa dengan pegawai kebajikan itu supaya mereka boleh membawa balik anak dan biasanya hospital juga akan menghantar bil ke rumah. Jadi, tuduhan ini tidak benar dan anak ini telah

diserahkan kepada pihak kebajikan masyarakat di Ipoh dan ibu bapa baru-baru ini telah menuntut anak dan perkara ini akan dibawa ke mahkamah dan mahkamah akan membuat keputusan untuk memberi anak ini balik kepada ibu bapa atau tidak, mereka akan membuat penyiataan terlebih dahulu. Terima kasih.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah satu kajian yang mendalam dijalankan oleh pihak kementerian untuk menentukan sebab-sebab mengenai masalah buang bayi, jika ya, apakah penemuan-penemuan daripada kajian itu, jika tidak, mengapa?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, bagi masa ini, pembuangan bayi tidak menjadi satu masalah besar di negara kita. Ini adalah sebab beberapa rancangan yang telah dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri, di mana kita ada kursus bimbingan kepada remaja-remaja, kursus-kursus selain keibubapaan, kekeluargaan dan lain-lain dan ini telah membawa kesedaran kepada orang ramai dan pentingnya bahawa anak-anak yang tidak ada bapa, di luar nikah, jika ada orang-orang yang ada masalah untuk melahirkan dan membesakan anak-anak, mereka boleh menyerahkan anak ini kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjaga anak-anak itu.

**4. To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan masalah babi dan kera adalah merupakan musuh dan perosak utama kepada petani dan petani-petani mengalami kerugian besar dan walaupun ada usaha-usaha mencegahnya tetapi tidak berhasil, adakah kerajaan memikirkan satu cara yang lebih berkesan bagi mencegah kedua-dua musuh petani ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang menyedari masalah kerosakan tanaman disebabkan oleh kera dan babi. Walau bagaimanapun, oleh kerana kedua-dua binatang ini adalah dalam kategori binatang yang dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Kementerian Pertanian memerlukan kerjasama Jabatan Perhilitan untuk mengawal masalah ini.

Oleh itu, kementerian ini mencadangkan supaya petani yang menghadapi masalah yang disebabkan oleh babi dan kera melaporkan kepada Jabatan Pertanian yang berdekatan dengan segera supaya Jabatan Pertanian boleh bekerjasama dengan Jabatan Perhilitan untuk memerangkap binatang tersebut.

Di samping itu, para petani boleh juga mengambil langkah-langkah pencegahan seperti:-

- (i) memagar kawasan ladang mereka dengan plastik berwarna putih atau zink keping supaya babi tidak nampak kawasan penanaman dan dengan itu tidak akan menghampiri kawasan ladang;
- (ii) memagar kawasan atau meranam pokok berduri atau pokok yang mempunyai banyak dahan atau ranting, seperti pokok buluh, di sempadan ladang untuk mencegah babi memusnahkan tanaman; dan
- (iii) menyembur kawasan sekeliling kebun atau ladang dengan racun berbau busuk seperti racun Malathion. Bau busuk daripada semburan ringan ini dapat menjauhkan kera dan babi dari ladang.

Jabatan Pertanian sedang menjalankan pemerhatian bagi memperoleh cara-cara lain yang berkesan dalam mencegah kerosakan tanaman oleh kera dan babi hutan.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya. Masalah Akta Hidupan Liar 1972 untuk menjaga hidupan liar kita. Tetapi soalnya ialah ada beberapa haiwan yang sememangnya menjadi musuh dan menjadi perosak utama kepada pekebun-pekebun kita dan petani-petani kita. Jadi, soalnya ialah, apakah kementerian dengan mencadangkan pertambahan kos ini dengan tidak mencadangkan bantuan-bantuan yang sepatutnya disalurkan kepada petani, kerana ramai yang bercakap sekarang di akar umbi di kampung-kampung, babi dan kera ini sahaja sekarang ini lebih advanced teknologinya, daripada teknologi yang disediakan oleh kementerian dan kerajaan. Sebagai contohnya ada kera di hutan di kampung sekarang ini ia suka makan ice cream, maknanya ia lebih advanced daripada teknologi yang kita sediakan.

Apakah masalah ini masalah yang berterusan yang harus kita lihat kerana akta yang kita sendiri luluskan tetapi kita sendiri yang menyekat kemampuan kita untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para petani kita ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli. Seperti yang

saya telah sebutkan tadi, bahawa kedua-dua jenis makhluk perosak ini kera dan babi hutan ini adalah termasuk dalam binatang yang dilindungi. Jadi, pihak kementerian tidak boleh menasihatkan para petani supaya menembak babi dan kera ini, oleh kerana ini bercanggah dengan akta.

Bagi menangani masalah ini, kita perlu bersihkan kawasan kebun-kebun kita, kalau kawasan kebun dibersihkan, sudah tentu ia dapat menghindar makhluk-makhluk perosak ini daripada merosakkan tanam-tanaman yang ditanam oleh para petani. Setakat ini, seperti yang saya sebutkan tadi, kita telah menasihatkan para petani supaya mengambil langkah-langkah memagar kebun dengan menggunakan bahan-bahan tempatan, ia tidak melibatkan kos oleh kerana bahan-bahan tempatan boleh digunakan sebagai pagar untuk menghalang musuh-musuh daripada merosakkan kebun-kebun yang diusahakan oleh para petani.

**Dato' Haji Mazlan bin Abu:** Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di kawasan saya ada berpuluh-puluh ribu kera yang merusuh. Kenapakah binatang-binatang perosak ini perlu dilindungi padahal ia menyusahkan rakyat? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kera dan babi ini bukan di bawah Jabatan Pertanian, ini di bawah Jabatan Perhilitan. Jadi, oleh kerana di bawah akta ini binatang-binatang ini tidak boleh dimusnahkan. Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya jawab tadi, supaya petani menghubungi pegawai pertanian daerah yang berdekatan bagi membolehkan pegawai pertanian daerah mengatur perbincangan dengan pegawai daripada Jabatan Perhilitan untuk diambil tindakan bagi menangani masalah ini. Mungkin ada jalan yang membolehkan binatang-binatang ini dimusnahkan. Ini di bawah Jabatan Perhilitan untuk menentukannya.

Dari segi Kementerian Pertanian, kita menasihatkan petani-petani, seperti mana saya sebutkan tadi, dengan langkah-langkah yang diambil dapat menghalang makhluk perosak ini daripada merosakkan tanaman kita. Jadi, saya cadangkan supaya petani, pegawai pertanian daerah dan pegawai daripada Jabatan Perhilitan berbincang bagaimana menangani masalah yang sedang dihadapi kerana kita tidak mahu tanaman petani-petani kita rosak, mereka akan kerugian. Dalam masa yang sama Jabatan Perhilitan perlu memberi cadangan bagaimana hendak mengatasi masalah ini, apakah boleh makhluk perosak ini dimusnahkan.

5. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Pertahanan menyatakan program permodenan Angkatan Tentera Malaysia termasuk Angkatan Simpanan Tentera Laut, Darat dan Udara serta:-

- (a) termasuk penggunaan senjata moden yang berkeupayaan tinggi; dan
- (b) peluang latihan bersama Angkatan Tentera Simpanan dengan Angkatan Tentera Tetap.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Program Permodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah berlandaskan kepada ciri-ciri keupayaan pertahanan yang sesuai dan perlu dibangunkan bagi tujuan mempertahankan kepentingan utama strategik negara. Objektif utama di dalam Program Permodenan ATM adalah untuk melahirkan sebuah angkatan yang berupaya dan seimbang sama ada di peringkat ATM mahupun di peringkat ketiga-tiga perkhidmatan – Darat, Laut dan Udara.

Bagi mencapai matlamat ini, program permodenan yang dirangka menitikberatkan kepada tiga faktor utama yang menjadi penentu keupayaan ketenteraan iaitu tenaga manusia, sistem senjata dan infrastruktur.

Sehubungan itu, ATM telah menggubal satu rancangan pembangunan yang tersendiri untuk mengatur program pembangunannya. Rancangan pembangunan jangka panjang ini dinamakan Struktur Angkatan Tentera 2000. Strategi yang diatur bagi membina keupayaan ATM merangkumi keupayaan strategi dan tektikal melalui kuasa tembak dan juga mobiliti.

Bidang lain yang diberi keutamaan adalah pembangunan peperangan elektronik, peperangan teknologi maklumat, peningkatan stok simpanan peperangan, bantuan logistik dan peningkatan infrastruktur dan kelengkapan pusat-pusat latihan.

- (b) Pada masa ini senjata-senjata yang digunakan oleh angkatan sukarela adalah sama dengan senjata yang digunakan oleh

anggota angkatan tetap. Walaupun pasukan angkatan sukarela belum lagi mempunyai senjata moden yang berkeupayaan tinggi, namun anggotanya telah diberi pendedahan dan kemahiran menggunakan senjata tersebut ketika menjalani latihan bersama pasukan angkatan tetap dan melalui kursus-kursus senjata yang dianjurkan oleh perkara masing-masing.

Peluang untuk melaksanakan latihan bersama antara anggota angkatan sukarela dan anggota angkatan tetap memang telah wujud dan dijalankan dari masa ke semasa. Anggota angkatan sukarela sering dilibatkan untuk mengambil bahagian di dalam eksekusi yang dianjurkan oleh angkatan tetap bagi ketiga-tiga perkhidmatan ATM. Peningkatan tahap profesionalisme turut dilaksanakan menerusi konsep afiasi dan integrasi unit-unit angkatan sukarela dan angkatan tetap mengikut kepakaran masing-masing.

Adalah diharapkan menerusi kedua-dua konsep ini angkatan sukarela dapat membantu angkatan tetap melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab dalam semua tahap peperangan, tugas ketenteraman awam dan gerakan membantu pihak berkuasa awam dengan lebih berkesan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan satu skim latihan pegawai simpanan yang dianjurkan oleh kementerian bersama dengan IPT iaitu dinamakan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES). Sejauh yang diketahui, saya hendak bertanya tentang kejayaan skim ini selepas pelajar-pelajar universiti ini berijazah, berapa ramai daripada mereka masih mengambil bahagian dalam program yang telah dianjurkan semasa mereka berada di universiti ini dan sama ada program itu benar-benar berkesan. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat yang telah membangkitkan satu persoalan yang amat penting sekali untuk meramaikan dan melibatkan generasi muda dalam peranan mereka untuk mempertahankan negara. Seperti Yang Berhormat sebut tadi iaitu penglibatan kementerian memang sedia ada di hampir semua institusi pengajian tinggi, tidak silap saya 9 sekarang ini, dan

bilangan yang menyertai nampak semakin meningkat, minat di kalangan anak muda khususnya di peringkat persekolahan tinggi amatlah mendorong kita untuk menokok-tambah dari segi latihan-latihan yang diadakan.

Bagi soalan Yang Berhormat tadi mengenai dengan apa sudahnya selepas mereka menamatkan pengajian mereka di peringkat tinggi ini, adakah mereka menceburkan diri. Di sini ada sedikit prestasi yang kita agak tidak berpuas hati oleh kerana ada di antara mereka seperti yang saya jawab pada minggu sudah, kerana tawaran di pihak swasta agak menarik sedikit daripada apa yang ditawarkan di peringkat ketenteraan ini dan tarikan dengan gaji lumayan menjadi satu faktor utama yang mendorong anak-anak kita, walaupun di peringkat awal mereka berminat untuk menceburkan diri dalam sektor pertahanan negara tetapi ada juga di antara mereka yang memasukinya. Untuk menjawab secara terperinci bilangan sebenar saya tidak dapat fakta itu dan saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat sekiranya perlu.

Walaupun demikian, yang penting kursus yang telah kita adakan sebetulnya telah memberi manfaat kepada anak-anak kita, bukan hanya dari segi untuk mereka menggunakan peralatan persenjataan dengan melahirkan kemahiran yang ada di kalangan anak-anak ini tetapi yang penting daripada itu ialah nilai-nilai semangat cintakan negara dan ingin mempertahankan itu adalah satu yang kita rasa amat penting sekali kepada anak bangsa yang ingin melihat agar kemerdekaan ini ada kelangsungannya.

**Datuk Christina Tibok Vanhouten:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, dalam usaha Kementerian Pertahanan memodenkan lagi kemudahan tentera, saya ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian Pertahanan untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan ketenteraan di Sabah dan khususnya di kawasan Pantai Timur Perairan Timur Sabah. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat Christina. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, kerajaan memang amat prihatin untuk mempertahankan persempadanan negara kita dan dalam rancangan yang terdahulu, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan sudah pun meluluskan pelbagai rancangan/projek yang besar termasuklah untuk membina Pengkalan Sepanggar yang kerajaan sudah punersetujui. Ini menelan belanja berbilion ringgit dan sudah pasti



dengan adanya pengkalan di Sepanggar ini kelak akan boleh menokok-tambah kekuatan untuk mempertahankan negara kita di perairan yang ada hubung-kait dengan Lautan China Selatan dan negara-negara yang berjiran dan juga seperti jawapan yang dijelaskan oleh rakan saya bila mana tadi menjawab bagi pihak Kementerian Luar khususnya bersabit dengan Spratly Island, kepulauan-kepulauan yang menjadi persoalan dan pertikaian di antara negara-negara jiran kita dan di perairan Pantai Timur, kerajaan telah meluluskan sejumlah RM120 juta untuk pengkalan hadapan di kawasan Semporna – di kawasan saya sendiri. Dengan adanya pengkalan ini akan memberikan kekuatan lebih kurang dalam 300 dan 400 anggota yang ada di samping dari segi peralatan moden – kapal-kapal dan juga peralatan persenjataan akan dapat ditingkatkan.

Kita yakin dengan adanya, bukan hanya Pengkalan Sepanggar, di Sandakan dan di Semporna, akan wujud dan siap kita anggarkan pada masa, mungkin, insya-Allah kalau tidak ada halangan dalam tiga tahun yang mendatang ini akan menjadi satu form of deterrent iaitu dengan adanya sistem pertahanan ini bukanlah tujuan kita untuk menggalakkan peperangan tetapi konsep pendekatan dan dasar kita ialah untuk mempertahankan dan to form of deterrent di persisiran-persisiran perairan persempadanan negara kita. Kita berharap dengan terlaksananya rancangan ini akan dapat menokok-tambah kekuatan negara kita.

6. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah hasil siasatannya terhadap agensi pelancongan yang menawarkan pakej kos sifar kepada pelancong luar negeri dan apakah tindakan yang telah diambil supaya imej industri ini tidak terjejas.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah menerima laporan mengenai penjualan Pakej Kos Sifar atau Zero Tour Fair yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat pelancongan tempatan kepada pelancongan luar negeri. Walau bagaimanapun, selepas siasatan yang teliti dijalankan tidak terdapat bukti yang nyata perkara ini berlaku. Kementerian ini memandang serius terhadap aduan yang berkaitan dengan amalan penjualan Pakej Kos Sifar. Dengan itu, kementerian ini telah mengadakan satu mesyuarat pada bulan November 1999 dengan Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATA) dan Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan China/Malaysia di mana dalam mesyuarat

berkenaan, persatuan-persatuan telah bersetuju bahawa akan mengambil tindakan supaya tidak ada ahli yang menjual Pakej Kos Sifar. Jika ada ahli didapati menjual kos sifar ianya akan dilaporkan dengan bukti kementerian ini untuk diambil tindakan mengikut undang-undang Akta Industri Pelancongan 1992. Sekian.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di beberapa negara yang lain seperti di Filipina, pelancong-pelancong tempatan yang menginap di hotel-hotel dikenakan bayaran bilik yang murah dibandingkan pelancong-pelancong asing. Di Malaysia ini nampaknya, pelancong-pelancong asing yang datang secara pakej membayar sewa bilik lebih murah daripada pelancong-pelancong rakyat Malaysia sendiri. Adakah kerajaan sedar perkara ini dan kiranya sedar, apakah langkah supaya pelancong-pelancong dalam negeri mempunyai kemudahan pembayaran lebih murah daripada pelancong-pelancong asing untuk menggalakkan rakyat Malaysia mengadakan pelancongan dalam negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kementerian ini sangat risau dan mengambil perhatian berkaitan dengan perkara ini tetapi kos sewa bilik atau penginapan tidak di bawah kuasa kementerian tetapi sekarang kita ada berbincang untuk mencari satu cara yang sesuai untuk mengatasi perkara ini. Sekian.

7. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bertambahnya bilangan kakitangan kerajaan berpencen dari Semenanjung Malaysia yang telah berkhidmat di Sarawak dan berkahwin dengan orang tempatan dan ingin menetap di Sarawak:-

- (a) adakah permohonan mereka untuk taraf pemastautin tetap disokong oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) berapa permohonan telah dilulus dalam tempoh lima tahun yang lalu kepada bekas kakitangan kerajaan dan juga dari sektor swasta dan permohonan yang belum diluluskan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Perkara 161(e)(iv) Perlembagaan Persekutuan kemasukan dan pemastautinan warganegara Malaysia dari Semenanjung ke Sarawak adalah tertakluk kepada kawalan pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Memandangkan

kawalan kemasukan di Sarawak terletak di bawah pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak, maka permohonan untuk mendapat taraf penduduk tetap Sarawak adalah tidak memerlukan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan

- (b) Dalam tempoh 5 tahun yang lalu, permohonan daripada warganegara untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap yang telah pun diluluskan seramai 772 orang di mana 770 adalah wanita yang menjadi isteri kepada warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak, sementara 2 orang lagi ialah warganegara Malaysia yang bergiat di dalam bidang perniagaan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan Akta Pencen ini terutamanya melibatkan hak-hak pencen kepada ibu-ibu tunggal. Rata-rata menjadi rungutan bahawa tindakan kerajaan menamatkan bayaran pencen kepada ibu tunggal yang berkahwin semula selepas suami meninggal dunia seolah-olah kerajaan tidak adil. Soalannya, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula baik buruknya akta ini dikekalkan atau sebaliknya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan Yang Berhormat adalah di luar daripada soalan pokok tetapi soalan ini akan saya ambil perhatian dan akan diserahkan kepada jabatan yang berkenaan untuk dikaji dan jika Yang Berhormat masih berminat, mungkin saya akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah barangkali pasal masa kita terhad.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tidak, berkenaan dengan ibu tunggal ini, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam soalan ini tidak ada ibu tunggal.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Soalan pencen ini tadi. Saya tertarik hati sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Terima kasih. Soalan saya di mana soal pencen ini terlibat kepada ibu-ibu tunggal yang menyara anak-anak di bawah potongan pencen, masalahnya dia bercerai, dia ada potongan pencen kepada anak. Apabila suami ini sudah pencen, potongan gaji tidak dapat disalurkan kepada anak-anak ini. Apakah tindakan pihak kementerian supaya pencen ini dapat disalurkan walaupun potongan gaji telah ditamatkan kerana pencen. Itu sahaja soalan saya.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya soalan Yang Berhormat pun macam soalan tambahan pertama tadi iaitu daripada Yang Berhormat yang duduk di tepi – Yang Berhormat Haji Karim bukan? Untuk makluman Dewan yang mulia ini, masalah-masalah dan soal-soal mengenai pencen ini bukan di bawah Kementerian Dalam Negeri tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan pun ada, begitu ramai kawan-kawan daripada macam-macam kementerian ada di sini. Kita akan mengambil perhatian, kita akan salurkan pertanyaan-pertanyaan ini kepada kementerian yang berkenaan. Sekian.

8. **Puan Siti Hawa binti Mohd. Nor** minta Menteri Pertanian menyatakan semasa negara menghadapi alaf baru, adakah kementerian bercadang untuk mengganti pasar tani yang ada sekarang dengan pasar tani moden, di mana petani dapat memasarkan hasil pertanian secara yang teratur dan menjadi pusat pemasaran dalam negeri dan eksport ke luar negara.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, FAMA telah mewujudkan institusi pasar tani semenjak tahun 1985. Sehingga hari ini sebanyak lebih kurang 2,000 pasar tani telah diwujudkan di seluruh negara.

Pada masa sekarang FAMA sedang merangka pelaksanaan pasar-pasar tani yang berciri moden khususnya dari segi infrastruktur, peralatan pemasaran, persembahan produk, pembungkusan serta pelabelan yang lebih sempurna dan sesuai dengan kehendak-kehendak pasaran alaf baru ini sambil menambah jumlah pasar tani di negara ini yang lebih merangkumi lokasi-lokasi pemasaran di seluruh negara. FAMA sedang menggantikan infrastruktur peralatan seperti rak-rak dan pembungkusan barang-barang yang akan dijual di pasar tani supaya sejajar dengan ciri-ciri moden seperti yang dikehendaki dalam senario alaf baru ini.

Dengan adanya pasar-pasar tani alaf baru yang dinaikkan taraf ini adalah dijangkakan persembahan barang yang dipasarkan di pasar tani akan lebih menyerlah,

lebih ceria dan lebih menarik di lokasi-lokasi. Dalam jangka masa yang sama juga dengan perkembangan pasar tani moden yang lebih sempurna, FAMA akan dapat bekerjasama dengan pasar raya-pasar raya hyper market bagi menempatkan beberapa pasar tani di lokasi-lokasi atau di premis-premis pasar raya hyper market berkenaan. Dengan adanya kolaborasi ini pasar tani moden ini akan terus menjadi salah satu ruang pasaran utama bagi menyerlah produk-produk hasil pertanian di negara ini dan sekaligus juga meningkatkan taraf hidup petani, penternak dan nelayan. Dalam jangka masa yang panjang adalah dianjurkan supaya pasar tani alaf baru ini akan dapat menjadi pusat pemasaran dalam negeri yang ulung.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya walaupun kita telah mendengar jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi kita masih rasakan pasar-pasar tani kita masih lagi berada di tahap yang rendah. Misalnya, mereka masih lagi menggunakan payung dan juga melambakkan barang-barang mereka dan tidak ubah macam pasar lambak, yang membezakan pasar tani dengan pasar lambak kerana payung mereka. Dan apakah pasar tani ini yang seperti mana dalam soalan ini meminta supaya ada usaha dibuat yang lebih gigih walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan pembungkusan yang baik, bahan-bahan yang bermutu tetapi kita belum nampak pasar tani ini dengan tersergam, dengan lebih berdaya maju lagi. Barangkali soalan ini ditujukan ke arah itu supaya petani-petani kita dapat faedah daripada promosi seumpama ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kita mewujudkan pasar-pasar tani di seluruh negara pihak kementerian memerlukan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa kerajaan tempatan. Tanpa kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa kerajaan tempatan amat sukar bagi kementerian untuk menubuhkan pasar-pasar tani.

Alhamdulillah, setakat ini kita mendapat kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa kerajaan tempatan bagi membolehkan pasar-pasar tani ini diwujudkan dengan menggunakan tanah-tanah kepunyaan kerajaan negeri, pihak berkuasa kerajaan tempatan yang belum lagi dibangunkan. Ada setengah tempat kita hanya menggunakan tempat-tempat meletak kereta dijadikan sebagai pasar tani.

Tuan Yang di-Pertua, konsep pasar tani pada mulanya ialah untuk kita ketemukan antara pengeluar dengan pengguna iaitu petani yang mengeluarkan hasil-hasil pertanian dengan pembeli secara langsung di mana hasil-hasil pertanian ini merupakan hasil-hasil yang segar dan harga yang dijual adalah berpatutan ataupun lebih rendah daripada harga-harga sayur-sayuran ataupun lain-lain makanan jenis keluaran makanan, sayur-sayuran ternakan dan sebagainya lebih murah daripada yang dijual di pasar.

Persoalan kita, kita memang sedar bahawa tempat-tempat ini satu hari kelak akan dibangunkan, maka kita terpaksa pindah. Dalam kita merangka satu tempat yang sesuai saya sebut di awal tadi kita memerlukan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa kerajaan tempatan. FAMA sedang mengambil langkah ini supaya kita mempunyai tempat yang kekal. Dalam proses kita mendapatkan tempat yang kekal, kita juga berusaha supaya produk-produk yang dijual oleh petani-petani ini dapat ditingkatkan dari segi kualitinya, melalui pembungkusan, melalui penyediaan tempat-tempat kita sediakan bukan sahaja payung tetapi kita akan memberi kemudahan yang lain, rak-rak dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita hanya mengenakan bayaran RM2 sahaja kepada petani. Jadi, kementerian memang sedar tentang hal ini kita akan berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa kerajaan tempatan bagi mendapatkan tapak yang sesuai boleh dijadikan sebagai tapak yang kekal untuk membolehkan petani-petani kita menggunakannya sebagai medan untuk mereka menjual hasil-hasil daripada kampung.

9. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah konkrit dan selamat yang akan diambil dari segi penggunaan wang rakyat di dalam penyusunan semula hutang korporat (CRDC) bagi membantu projek-projek penswastaaan yang gagal oleh kerana pelbagai sebab termasuk salah rancang dan sebagainya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menggunakan wang rakyat untuk menyusun semula hutang korporat tetapi usaha ini adalah dibuat melalui Jawatankuasa Penyusunan Semula Pinjaman Korporat (CDRC). CDRC ditubuhkan pada 14 Julai 1998, khususnya untuk membantu syarikat-syarikat yang terjejas oleh kegawatan ekonomi dan CDRC bertindak sebagai orang tengah menyelesaikan masalah di antara pihak penghutang dan pemiutang

supaya kedua-duanya dapat manfaat dan dipulihkan dan mampu berdiri semula dengan teguh selepas dilanda oleh masalah ekonomi yang lalu.

Modus operandi CDRC dan membantu syarikat-syarikat yang bermasalah ini ialah untuk mengurangkan kerugian pihak penghutang dan memaksimumkan bayaran balik atau recoveries kepada pemiutang. Penyusunan semula hutang distrukturkan berlandaskan asas-asas pertimbangan komersial seperti penjualan aset syarikat yang terlibat dan penerbitan bon tanpa melibatkan peruntukan kewangan daripada kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengenai penglibatan CDRC dalam usaha untuk mengurangkan bebanan peminjam. Kes khusus yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai syarikat apa yang dipanggil 'Time Dot Com'. Baru-baru ini kita baca dalam akhbar usaha untuk mengubah struktur dari segi ini berjalan dengan hebat, Syarikat SingTel daripada Singapore menjadi salah satu syarikat yang sedang dalam pertimbangan dan akhir-akhir ini syarikat tempatan Sapura membuat tawaran juga.

Soalan saya ialah dalam soal keuntungan komersial basis yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri boleh kita terima tetapi kadang-kadang soal kebangsaan nasional patut juga diberi perhatian dalam membuat penyelesaian sesuatu permasalahan. Jadi, apakah peranan kementerian secara langsung ataupun tidak langsung oleh CDRC dari segi cadangan penguasaan oleh Sapura umpamanya, sehingga mewakili 40% dari soal SingTel. Pada saya kalau pilihan ini lebih baik diutamakan syarikat tempatan walaupun mungkin ada kekurangan, kelambatan dari segi timing dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, masalah 'Time dot com', SingTel dan juga Sapura ialah transaksi pihak swasta (private sector) dan kerajaan tidak akan masuk campur tentang transaksi berkenaan.

Walau bagaimanapun, selalunya 'Time' ataupun 'Dot Com' ini selalunya apa yang kita lihat bukan sahaja permasalahan yang ada tetapi potensi di masa akan datang dan oleh kerana itu kerajaan akan melihat sama ada Sapura ataupun SingTel memenuhi kriteria-kriteria dan dasar-dasar yang telah pun ditetapkan oleh BSKL dan Securities Commission. Sekiranya kriteria-kriteria itu penuh, dapat memenuhi syarat-

syarat yang ditetapkan oleh BSKL dan Securities Commission dan dasar itu dapat dipatuhi, maka transaksi ini akan berjalan.

Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian dari segi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, syor Yang Berhormat tadi mengenai kenegaraan kita dalam transaksi ini. Terima kasih.

10. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan [Di bawah S.O. 22(3)]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh program Teleperubatan MSC sejak ia dilancarkan pada tahun 1997 dan apakah kawasan operasinya dan apakah faedah yang telah diperolehi oleh penduduk luar bandar.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, konsep Aplikasi Perdana Teleperubatan MSC telah dilancarkan pada tahun 1997 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Aplikasi ini terdiri daripada empat projek iaitu:

- (i) kesihatan sepanjang hayat (life time health plan);
- (ii) maklumat dan pendidikan kesihatan untuk awam dan individu (mess customize personal life health information and education);
- (iii) pendidikan berterusan perubatan (continuous medical education); dan
- (iv) teleperundingan (teleconsultation).

Setakat ini kelulusan telah pun diberi kepada projek teleconsultation pada April lalu dan perkhidmatannya pada kawasan terpilih akan bermula pada bulan September 2000 ini. Bagi projek life time health plan, mess customize personal life health information and education dan continuous medical education masih belum dilaksanakan lagi. Faedah yang tinggi dari projek ini terutamanya kepada kawasan luar bandar adalah apabila keempat-empat projek ini dilaksanakan secara sepadu kelak.

Ini adalah kerana kesemua perkhidmatan yang dirancang di bawah Aplikasi Perdana Telekesihatan MSC akan memberi capaian tambahan kepada penduduk luar bandar serta membantu membawa perkhidmatan kepakaran ke pusat kesihatan atau klinik desa. Juga beberapa perkhidmatan akan dapat diakses dari rumah atau lain tempat yang sesuai dengan menggunakan Internet. Dengan adanya perkhidmatan



daripada perkhidmatan life health plan, mess customize personal life health information and education dan continuous medical education, penjagaan kesihatan penduduk luar bandar kini bukan lagi episodic tetapi adalah secara berterusan daripada kandungan sehingga ke liang lahat.

Selain daripada itu pihak doktor, jururawat, pembantu kesihatan di mana juga mereka berada dapat meningkatkan lagi kepakaran atau skill serta mengemaskinikan ilmu perubatan melalui projek Customize Medical Education (CMA). Ini akan secara langsung membantu memberi perkhidmatan terbaik kepada individu di luar bandar.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita turut bangga dengan pandangan jauh kerajaan pimpinan kita yang melahirkan teleperubatan ini. Namun begitu, pada masa yang sama adakah kementerian sedang mengatasi masalah-masalah yang kecil-kecil dari segi perkhidmatan kesihatan ini seperti klinik-klinik perbidanan di kampung-kampung, masih lagi terdapat kekurangan perkhidmatan di sana-sini.

Jadi, oleh itu kita tidak mahu di satu pihak kita berjaya di satu pihak lain nampak kelemahannya. Kita ingin tahu langkah yang Kementerian Kesihatan ambil terhadap masalah-masalah orang kampung ini.

**Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dalam pada kita meningkatkan teknologi perubatan, kita tidak meninggalkan pertumbuhan atau perkembangan perubatan yang sedia ada malah kita sentiasa ingin menaikkan taraf agar ia dapat diimbangi perkhidmatan ini kepada luar bandar ataupun di bandar dan sama ada teknologi tinggi melalui penswastaaan atau yang dijalankan oleh kementerian sendiri.

Saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kesihatan yang dimaksudkan tidak akan tertinggal tetapi akan dinaikkan taraf.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 27 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [27 April 2000]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jaya Partiban sila sambung ucapan.

**11.16 pagi.**

**Puan Jaya Partiban:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ketika Dewan ditangguhkan pada hari Khamis lalu, saya telah merayu kepada pihak Kementerian Penerangan supaya mengadakan rancangan-rancangan yang mengandungi unsur-unsur agama Hindu melalui Radio 6 supaya siaran Radio 6 hanya diikuti oleh mereka yang memahami bahasa Tamil sahaja dan kebanyakannya beragama Hindu.

Saya merasa usaha kerajaan membanteras gejala-gejala sosial dan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan akan mempunyai lebih makna sekiranya panduan agama dan pendidikan moral juga diberi perhatian.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa ia bukanlah bertentangan dengan Perlembagaan atau Rukun Negara yang mana prinsip pertamanya ialah Kepercayaan Kepada Tuhan. Jika kepercayaan ini dapat disemai di hati sanubari sejak kecil lagi, tidak kira agama apa juga sudah tentu mereka tidak akan sesat jalan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang sama juga wujud di sekolah-sekolah. Pelajar-pelajar Islam menghadiri kelas-kelas agama tetapi bagi pelajar-pelajar bukan Islam, pengajaran agama dinafikan. Kelas pendidikan moral yang sepatutnya dijalankan hanya wujud atas kertas sahaja. Ini bermakna sebilangan kanak-kanak yang juga rakyat negara ini tidak menerima pengajaran agama yang merupakan adalah asas pembentukan sifat seseorang. Mereka inilah yang menjadi punca gejala-gejala sosial. Mereka yang berani menentang undang-undang ataupun sebarang peraturan juga pada suatu ketika akan tunduk kepada hukum-hukum agama.

Saya percaya semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tanpa mengira parti yang memerintah ataupun pembangkang pasti bersetuju dengan

saya bahawa agama adalah asas ataupun dengan izin, foundation yang membentuk sifat, kelakuan, tingkah laku dan juga prinsip hidup seseorang. Kekuatan ekonomi dan kemajuan sesebuah negara tidak ada makna jika rakyat negara itu tidak mempunyai nilai hidup, moral serta disiplin. Pembangunan rohani dan jasmani adalah sama pentingnya. Apabila bercakap tentang perkara agama, saya teringat perbincangan Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin yang telah mensifatkan permintaan cuti Thaipusam sebagai mencari political mileage.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk permintaan cuti Thaipusam bukanlah satu isu yang baru,.....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** *[Bangun]*

**Puan Jaya Partiban:** ...ia begitu lama dikemukakan sehingga lima buah negeri telah pun memberi cuti. Saya rasa tidak adil membandingkan keadaan di India di mana banyak lagi cuti diberi untuk perayaan agama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Zainudin bangun. Yang Berhormat minta laluan nampaknya.

**Datuk Zainudin Maidin:** Tan Sri Yang di-Pertua, saya memohon untuk memberikan penjelasan. Saya tidak secara khusus memfokuskan permohonan cuti Thaipusam itu sebagai suatu permainan politik tetapi saya telah mengemukakan bahawa tidaklah seharusnya semua cuti termasuk juga cuti lain di negara ini yang juga dianjurkan oleh kerajaan sendiri tidak dijadikan sebagai suatu senjata politik atau permainan politik atau untuk mencari pengaruh politik. Saya tidak tujukan hanya kepada Thaipusam.

**Puan Jaya Partiban:** Terima kasih tetapi apabila keadaan di negara ini dibandingkan dengan keadaan negara lain memang saya tidak bersetuju kerana di negara India banyak cuti diberi kepada perayaan-perayaan yang beragama Hindu.

Tan Sri Yang di-Pertua, lagipun ramai pelancong dari luar negeri melawat Malaysia pada musim perayaan Thaipusam dan ada juga yang menunaikan niat. Sebagai rakyat Malaysia saya berpendapat kami yang beragama Hindu berhak minta cuti satu hari untuk perayaan agama. Untuk makluman Dewan ini Deepavali bukanlah satu perayaan agama. Ia adalah hari bila mana kejahatan dan penganiayaan ditewas dengan izin, the good triumphs over the evil.

Tan Sri Yang di-Pertua, berhubung dengan sekolah-sekolah Tamil, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk

menjadikan semua sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh. Walaupun perkara ini telah banyak kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, setiap kali jawapan yang diberi ialah ini tidak boleh dilakukan kerana tanah terletaknya sekolah-sekolah Tamil itu adalah dengan izin, private land. Selepas merdeka selama 43 tahun saya merasa alasan ini menunjukkan bahawa tidak ada keikhlasan dari pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Jika kerajaan membuat keputusan tidak akan menjadi masalah untuk memperolehi tanah itu dari ladang-ladang. Keadaan fizikal yang tidak kondusif ini telah mengakibatkan 80 buah sekolah Tamil mengalami keputusan kadar kelulusan 0%.

Tan Sri Yang di-Pertua, kekurangan pusat perkhidmatan kemudahan kesihatan atau perubatan di kawasan pedalaman memang merupakan satu masalah yang berterusan sehingga hari ini. Kejadian kekurangan perkhidmatan kemudahan kesihatan asas yang menyeluruh dan terancang di ladang memang merupakan masalah yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan. Pihak kerajaan harus memainkan peranan dalam memastikan penduduk di ladang menerima perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang menyeluruh. Pembantu hospital ataupun estate hospital assistant harus diberi peluang untuk menjalankan latihan dan latihan ini harus diseliatkan oleh Kementerian Kesihatan bagi melatih lebih ramai pembantu perubatan yang berkualiti.

Tan Sri Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan yang tidak berkualiti di klinik desa merupakan satu lagi isu yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan. Perkhidmatan kesihatan yang tidak berkualiti di kawasan luar bandar menyebabkan ramai pesakit termasuk juga yang miskin menerima rawatan di klinik swasta. Pengagihan doktor yang tidak seimbang di antara bandar dan luar bandar menyebabkan kekurangan doktor di kawasan pedalaman. Walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia berusaha untuk mengagih semula bilangan doktor tetapi pencapaian yang diperolehi tidak begitu baik. Ia menyebabkan setiap negeri di Malaysia menghadapi masalah kekurangan doktor terutamanya di kawasan luar bandar kerana sebahagian besar doktor berkhidmat di kawasan bandar yang utama. Pusat rawatan atau klinik di ladang-ladang hendaklah terletak di bawah Kementerian Kesihatan. Hanya langkah ini boleh menentukan kualiti perkhidmatan perubatan di sektor tersebut.

Tan Sri Yang diPertua, kajian juga menunjukkan bahawa tidak ada pegawai perubatan di sektor perladangan. Biasanya semua masalah perubatan dirujuk kepada pegawai penolong perubatan yang kebanyakannya tidak terlatih. Tugas mereka termasuk 'mengdiagnos' penyakit dan memberi rawatan. Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kebanyakan pembantu hospital ini adalah berasaskan pengalaman dan bukannya berkelayakan akademik. Hal ini bertentangan dengan Akta Perubatan 1971 yang hanya membenarkan pegawai yang bertauliah menjalankan tugas perubatan Sektor perladangan juga tidak mempunyai jururawat terlatih dan inspektor kesihatan. Kehadiran pegawai perubatan lawatan juga tidak memuaskan. Kajian Institute of Social Analysis Kuala Lumpur menunjukkan pegawai-pegawai ini tidak melawat lebih dari 87% hospital di perladangan yang bukan di bawah MAPA. Pegawai-pegawai ini lebih sibuk dengan klinik masing-masing dan hanya membuat lawatan sekali sebulan sahaja ke sektor perladangan.

Kajian Persatuan Perubatan Malaysia pula menunjukkan penyakit-penyakit seperti cirit birit, malnutrition, anemia dan sebagainya di kawasan ladang adalah akibat masalah sanitasi yang membimbangkan di samping proses imunisasi yang tidak sempurna. Berat badan dan ketinggian populasi perladangan menunjukkan tahap nutrasia yang lemah di kalangan mereka.

Satu kajian Malaysian Medical Association di kalangan kanak-kanak yang berumur 5 tahun di ladang-ladang menunjukkan kanak-kanak ini jauh kurang memuaskan berat badannya dan kesihatannya berbanding dengan kumpulan umur yang sama dari kawasan bandar, setingan bandar dan juga kampung-kampung. Malah sumber-sumber Kementerian Kesihatan sendiri mengakui akan kelemahan kemudahan kesihatan di ladang-ladang. Walaupun terdapat 64 buah hospital dan 1571 katil hanya 22 hospital ataupun 33% masih boleh digunakan. Hospital-hospital ini yang dibina antara tahun 1900 dan 1957 adalah dalam satu keadaan yang membimbangkan.

Selain hospital-hospital ini juga terdapat 586 buah dispensari yang memberi perkhidmatan kepada pekerja-pekerja ladang dan di bawah pengurusan pembantu hospital. 362 dispensari beroperasi sepenuh masa dan 262 yang lain beroperasi separuh masa. Dalam tahun 1997 hospital dan dispensari ini telah memberi rawatan kepada 311,123 orang pesakit sebagai pesakit luar dan 12,642 orang pesakit yang

diwadkan. Biasanya perkhidmatan yang ditawarkan adalah tidak memuaskan. Hanya segelintir daripada mereka terletak di bawah Kementerian Kesihatan.

Masalah kemudahan perubatan telah menjadi satu masalah yang berpanjangan walaupun terdapat beberapa usaha membaikinya. Kementerian Kesihatan telah memperuntukkan RM3.2 juta untuk membangunkan kecekapan kualiti perkhidmatan hospital-hospital di sektor ini. Peruntukan ini telah digunakan untuk membeli peralatan perubatan untuk kegunaan dispensari. Peruntukan yang diberi tidak mengatasi masalah asas sistem penjagaan kesihatan di sektor perladangan. Keadaan ini sering memaksa golongan pekerja dan keluarga mencari khidmat perubatan di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan. Kajian menunjukkan bahawa 31.3% daripada mereka menggunakan hospital kerajaan. 17.1% menggunakan klinik swasta dan hanya 17.8% mengharapkan perkhidmatan klinik di ladang-ladang. Ini adalah kajian Institute of Social Analysis.

Walau bagaimanapun masalah utama berhubung asas perubatan ialah masalah pengangkutan. Kebanyakan pusat perubatan atau hospital terdekat adalah antara tujuh....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat menurut Peraturan Mesyuarat 61 saya menjemput Yang Berhormat Dato' Michael Chen Wing Sum untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Sila sambung Yang Berhormat.

**Puan Jaya Partiban:** Datuk Yang di-Pertua, kebanyakan pusat perubatan atau hospital-hospital terdekat adalah antara 7 hingga 50 kilometer jauh dan pihak pengurusan perladangan tidak menyediakan kemudahan pengangkutan atau membayar perbelanjaan perubatan. Walaupun ia termaktub dalam Rump Labour Code. Saya pun kurang faham kenapa Rump Labour Code ini yang diperkenalkan pada tahun 1933 masih digunakan untuk hal-hal yang berkaitan dengan perubatan dan juga tempat tinggal.

Datuk Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang berkaitan dengan isu kesihatan ialah bahawa pekerja tidak akan mendapat gaji sakit jika sekiranya mereka menggunakan kemudahan di luar perladangan. Untuk mendapat gaji sakit, mereka terlebih dahulu mesti mendapat kelulusan pihak pengurusan perladangan. Ini tidak menggalakkan pekerja mendapatkan perubatan yang sebaiknya malah ia merupakan

masalah besar khususnya di kalangan wanita yang perlukan medikasi pre-natal dan post-natal. Kerajaan harus mengkaji dasarnya supaya boleh menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti dengan mengambil doktor yang berpengalaman dan teknologi perubatan yang lebih canggih di bawa masuk untuk kegunaan hospital awam. Ini akan membolehkan golongan miskin juga mendapat peluang yang sama untuk mendapat perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang lebih baik dan setanding dengan hospital swasta.

Pihak kerajaan harus mengambil langkah yang wajar supaya doktor yang berkhidmat di hospital awam dibayar gaji yang lebih tinggi. Ini penting bagi mengelakkan mereka yang telah tamat latihan selama 5 tahun di hospital awam membuka klinik sendiri atau bekerja di hospital swasta dengan itu masalah kekurangan doktor di hospital awam dapat diatasi. Pihak kerajaan harus menjadi lebih bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan kesihatan asas kepada rakyat. Pihak kerajaan tidak boleh hanya bergantung pada penswastaan kemudahan kesihatan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat. Sepatutnya pihak kerajaan harus memperbaiki kualiti hospital awam di mana ini memberi manfaat yang lebih kepada golongan miskin daripada penswastaan kesihatan.

Datuk Yang di-Pertua, kemudahan perumahan merupakan satu lagi masalah di negara ini. Golongan berpendapatan antara RM500 dan RM1000 tidak mampu memiliki rumah. Penawaran rumah lebih tertumpu kepada masyarakat mampu membayar daripada masyarakat memerlukannya, dengan izin, those who can afford to buy and not those who really need to buy.

Kedudukan harga rumah yang melambung tinggi memang merupakan satu lagi isu yang perlu ditangani dengan segera. Statistik di antara tahun 1990 dan 1997, memang menunjukkan aliran harga rumah terus meningkat sebanyak 4.1% hingga 25.5% setiap tahun. Kerajaan perlu memberi subsidi terhadap setiap pembelian rumah terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Kemudahan penambahan kredit dari KWSP dengan menurunkan kadar faedah perlu disediakan. Pembinaan perumahan awam kos rendah untuk tujuan menyewakan kepada golongan yang berpendapatan kurang daripada RM750 sebulan perlu dilaksanakan terutamanya di kawasan perbandaran. Sistem pengagihan dan penawaran rumah kos rendah juga perlu diperkemas dengan memastikan rumah kos rendah dijual kepada golongan

sasaran yang memenuhi kelayakan pembeli. Kerajaan juga perlu mengenakan syarat wajib untuk pembinaan rumah kos rendah sebanyak 25% daripada keseluruhan unit perumahan yang akan dilaksanakan dalam sesuatu projek. Peraturan terhadap *red tape* atau birokrasi di kalangan pihak berkuasa tempatan perlu dikurangkan agar pemaju perumahan boleh menjalankan projek perumahan kos rendah dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, skim perumahan alternatif perlu disediakan kepada penghuni setinggan di kawasan bandar dan luar bandar. Pelan pembangunan rancangan pelaksanaan dan jadual pembangunan ke atas sesuatu kawasan setinggan terpilih juga perlu dilaksanakan lebih awal dan secara tersusun. Sebenarnya melalui skim pemilikan perumahan yang mudah dan berkesan, usaha menghapuskan kemiskinan dan pembahagian pendapatan yang lebih adil dapat dilakukan kerana agihan pendapatan seimbang dapat diwujudkan. Penyediaan rumah yang lebih murah, iaitu sekitar RM20,000 dengan penggunaan bahan mentah tempatan seperti batu-bata, simen, kayu dan kaca yang dilakukan oleh beberapa pakar dari Universiti Putra Malaysia perlu diberi perhatian yang sewajar oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pekerja 1966 dan Peraturan Pekerja memerlukan standard minimum berhubung soal perumahan di samping menghendaki majikan menyediakan rumah, tadika dan sebagainya demi kepentingan golongan buruh perladangan.

Dalam tahun 1990, akta ini telah digantikan dengan Peraturan Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja. Peraturan ini menjamin setiap pekerja dan keluarganya berhak mendapat rumah yang sesuai dengan suasana persekitaran yang sihat. Namun secara keseluruhannya keadaan perumahan pekerja ladang kini jauh di bawah standard ini. Hampir 80% pekerja ladang tinggal di rumah disediakan oleh pengurusan yang mana secara amnya berkeadaan yang kurang memuaskan. Kebanyakan rumah hanya berbilik satu atau dua dan perlu dikongsi seisi keluarga dengan purata isu rumahnya enam orang. Malah yang lebih menyedihkan ialah keadaan rumah yang teruk tanpa dapur dan tandas yang sesuai.

Bancian Jabatan Buruh dalam tahun 1991 di Semenanjung Malaysia pula, menunjukkan bahawa daripada 85,729 buah rumah ladang yang dikaji 12,002 buah rumah, iaitu 14% hanya berbilik satu dan 30,000 keluarga ladang terpaksa hidup dalam keadaan rumah yang tidak diiktiraf melalui Akta Standard Minimum 1966.



Kajian kerajaan ini tidak menghasilkan sebarang inisiatif untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Dalam tahun 1994 pula, 45% daripada rumah-rumah ini didapati perlu diganti. Selain daripada itu, 78% daripada 833 pusat penjagaan kanak-kanak perlu digantikan memandangkan usia bangunan yang melebihi 25 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, satu tahap kehidupan yang baik termasuk bekalan air, elektrik dan kemudahan asas dalam keadaan persekitaran yang sihat memerlukan perancangan teliti, komitmen serta penguatkuasaan kedua-dua pihak, kerajaan dan majikan. Kini pihak pengurusan menunjukkan rasa kurang minat untuk membuat komitmen yang sewajarnya dalam menjaga kepentingan pekerja walaupun mereka dikehendaki berbuat demikian.

Pada awal dan pertengahan tahun 1990, beberapa langkah membaiki keadaan hidup di sekitar ladang telah diambil. Malah yang lebih pentingnya ialah rancangan pembangunan 5 tahun oleh Kementerian Sumber Manusia dan Persatuan-persatuan Penanam Malaysia (UPAC). Skim ini dilancarkan pada tahun 1991 dengan matlamat membina 25,444 unit rumah berharga RM212 juta dan 332 buah pusat penjagaan kanak-kanak bernilai RM3 juta di samping bekalan air dan elektrik dengan kos RM19.7 juta. Namun begitu, skim ini tidak dilanjutkan ke ladang-ladang yang bukan di bawah MAPA. Hampir 75% daripada matlamat yang ditentukan masih tidak dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, strategi penyusunan semula masyarakat yang dilancarkan sejak permulaan tempoh Dasar Ekonomi Baru dan turut diterapkan dalam Dasar Pembangunan Nasional memang bermatlamatkan penyertaan seimbang di kalangan etnik dalam semua bidang dan aspek di negara ini.

Apa yang dibimbangkan di sini ialah adakah pihak berkuasa benar-benar ikhlas dengan langkah penyusunan semula kaum India di negara ini. Keadaan ketidakseimbangan di antara kaum di mana kedudukan kaum India dalam pelbagai aspek seperti pendapatan, tenaga, pemilikan ekuiti, pengurusan dan sebagainya masih ketinggalan dan perlu diperbaiki.

Faktor-faktor yang menyebabkan ketidakseimbangan ini merangkumi pelbagai aspek. Secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa majoriti kaum India yang berpendapatan rendah berada dalam sektor yang kurang berdaya maju, bekerja di peringkat-peringkat bawah dan tinggal di estet dan kawasan setinggan. Contohnya,

mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, 54.1% guna tenaga kaum India masih bergantung kepada pekerjaan sektor pertanian dan pengeluaran yang berpendapatan rendah dan tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu elemen yang paling penting dalam usaha penyusunan semula masyarakat ialah pengagihan pemilikan ekuiti dan kekayaan negara secara adil. Malangnya, penyertaan ekuiti kaum India di negara ini hanya berada dalam lingkungan 1% hingga 1.5% sejak kemerdekaan. Sebenarnya dalam konteks penyusunan semula masyarakat, keupayaan sesuatu kaum memiliki modal yang tinggi boleh membantunya mengukuhkan penyertaannya secara berterusan dalam aktiviti ekonomi negara. Keadaan ketidaksimbangan ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan. Dalam konteks ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan, apakah langkah spesifik yang dilakukan untuk memperbaiki keadaan ini?

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000. Terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Puan Chew Poh Thoi.

**11.46 pg.**

**Puan Chew Poh Thoi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat bangga kerana diberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000 ini. Bagi saya, belanjawan ini cukup layak digelar 'belanjawan rakyat' kerana kandungannya telah diperiksa oleh rakyat dan mendapat sokongan daripada rakyat dalam pilihan raya yang lalu. Belanjawan ini boleh dikatakan daripada rakyat untuk rakyat dan demi rakyat. Saya ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi menyatakan sokongan saya kepada Belanjawan 2000 yang digubal khusus untuk menjayakan aspirasi rakyat jelata dan pelbagai lapisan masyarakat.

Saya dapati Belanjawan 2000 ini mempunyai beberapa tambahan kemudahan yang mempunyai ciri, sikap penyayang seperti memberi 10% kenaikan bagi pencen kepada kira-kira 400,000 pesara. Penekanan tentang kepentingan teknologi maklumat dengan membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan wang untuk membeli komputer dan sebagainya. Selain daripada itu kakitangan kerajaan dalam skim pencen boleh mengeluarkan simpanan KWSP sebelum 55 tahun.

Satu lagi berita yang baik pada minggu yang lepas bahawa pekerja awam yang pencen awal boleh dapat segala *benefits* dengan izin. Saya berasa amat gembira

mendengar berita bagus ini. Mengikut Laporan Tahunan 1999, bagi insurans daripada Bank Negara, ia menyatakan bahawa tidak ada ramai pesara di negara kita membeli insurans yang pada umumnya digelar Insurans Pencen. Laporan tersebut juga menyatakan ianya kurang popular di kalangan rakyat dan tidak juga banyak syarikat insurans yang menawarkan skim ini. Pada umumnya pesaralah yang banyak membelanjakan wang untuk kesihatan kerana sampai saat-saat seperti ini, seseorang merasa badannya tidak sekuat macam dahulu kerana sudah uzur.

Tambahan lagi kos perubatan sekarang makin tinggi dan bagi pesara yang sudah tidak berupaya bekerja lagi, inilah masa kritikal bagi mereka diliputi oleh syarikat insurans. Malangnya syarikat insurans tidak minat memberi liputan kepada mereka yang melebihi 65 tahun sebab risikonya jauh lebih tinggi daripada golongan muda. Orang-orang tua terpaksa berbelanja tinggi untuk menjaga kesihatan mereka. Ramai yang bergantung kepada anak-anak mereka sebab tidak mempunyai sebarang pendapatan lagi. Saya ingin mengalu-alukan syarikat-syarikat insurans mengenakan satu skim yang meliputi orang tua terutamanya dalam bidang perubatan seperti yang diadakan di negara Barat. Sikap syarikat insurans tempatan yang hanya mementingkan pulangan yang lebih tinggi dan enggan menanggung risiko tinggi. Apa yang mereka minat ialah insurans pendidikan, insurans kesihatan dan sebagainya. Ini semua untuk meliputi orang muda sahaja.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng juga mengumumkan bahawa satu tabung akan ditubuhkan untuk membantu golongan yang kurang mampu membayar perbelanjaan hospital. Dari ini kita juga boleh menganggap bahawa kos perubatan akan meningkat di masa depan dan tidak akan berada di paras sekarang. Kadar inflasi harus diambil kira kerana wang simpanan yang dipunyai oleh rakyat mungkin tidak sama nilainya daripada masa sekarang. 20-30 tahun dahulu, wang RM50 begitu besar nilainya dan boleh membeli banyak bahan pada masa itu tetapi sekarang RM50 ia boleh dihabiskan sekelip mata sahaja. Ini bermakna nilai Ringgit susut disebabkan oleh inflasi dan kos kehidupan yang semakin berat.

Di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan kadar yang begitu murah untuk rakyat. Tetapi hospital-hospital dibanjiri oleh pendaatang tanpa izin, walaupun mereka dikehendaki membayar sekadar dengan perbelanjaan wad pertama bila dirawat.

Orang-orang Singapura pula pergi ke Johor Bahru mengambil kesempatan ini untuk rawatan yang sangat murah ini, terutamanya ubat-ubat untuk penyakit seperti kencing manis, tekanan darah tinggi dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua pernah berkata di Dewan Rakyat bahawa terdapat ramai pendatang tanpa izin yang tidak bayar perbelanjaan yang dikenakan oleh pihak hospital. Kemudahan kerajaan yang disediakan untuk orang ramai tidak harus dimonopolikan oleh pendatang asing dan saya mengalu-alukan kerajaan mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini.

Berhubung dengan kemudahan dan perk hidmatan kesihatan juga saya gembira dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hospital yang sedia ada serta pembinaan hospital baru untuk menyediakan perkhidmatan yang mencukupi kepada rakyat. Memandangkan keadaan sesetengah hospital seperti Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Universiti yang sering menghadapi bilangan pesakit yang begitu ramai, perkhidmatan yang optimum tidak dapat disediakan. Pesakit menghabiskan banyak masa untuk menunggu giliran mereka baik untuk mendapat rawatan dan khidmat nasihat doktor, mengambil ubat mahupun membuat bayaran. Perkhidmatan seperti ini harus dipertingkatkan dan keadaan ideal tidak dapat dicapai selagi hospital menghadapi kesesakan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyeru kerajaan agar prihatin terhadap warga Malaysia yang berkahwin dengan rakyat China ataupun Taiwan. Ramai di kalangan mereka terpaksa berulang alik di antara dua negara sebab mereka tidak dibenarkan berada di Malaysia pada jangka masa yang panjang. Mereka hanya dibenarkan oleh pihak imigresen selama beberapa minggu hingga beberapa bulan dan selepas itu mereka terpaksa meninggalkan Malaysia. Ada di kalangan mereka terpaksa berpisah ataupun bermastautin di negara asal mereka dan hanya jumpa suami mereka beberapa kali setahun. Di sini saya ingin membezakan kes bahawa mereka bukan semacam pendatang asing yang berkahwin dengan wanita tempatan semata-mata untuk berada di Malaysia. Ada ramai di antara mereka ini sudah berumah tangga dan mempunyai anak tetapi masih tidak dibenarkan untuk tinggal di sini. Kehidupan mereka yang berkahwin dengan wanita asing ini penuh dengan sengsara dan jelas keharmonian rumahtangga tidak dicapai di sini.

Saya pernah lihat seorang warga Malaysia yang berkahwin dengan doktor dari China dan akhirnya mereka terpaksa bermastautin di Singapura. Isterinya hanya

dibenarkan tinggal di Malaysia selama dua minggu setiap kali permohonan dibuat kepada pihak imigresen. Bukankah keadaan ini amat menyusahkan mereka. Kalau boleh saya berharap pihak imigresen boleh mempertimbangkan kesusahan yang mereka harus hadapi selepas berkahwin dan carilah satu jalan untuk menyelesaikan dilema bagi mereka.

Begitu juga bagi pelancong-pelancong dari China yang ingin melawat Malaysia. Ada laporan akhbar yang mengatakan mereka terpaksa tunggu berjam- jam di Johor. Walaupun keselamatan negara harus diambil kira, kemudahan dan kecekapan juga penting supaya mereka akan mempunyai suatu ingatan yang baik terhadap Malaysia dan akan membantu Malaysia berkempen kepada kawan-kawan mereka di negeri China. Ini secara tidak langsung boleh menggalakkan lebih ramai pelancong melawat ke Malaysia. China mempunyai penduduk yang begitu ramai iaitu satu bilion orang. Jika kita berjaya menarik satu peratus daripada jumlah penduduk, bilangan pelancong ialah sepuluh juta dan ini hanya daripada negeri China sahaja. Potensi untuk menambahkan lagi pendapatan dari segi pelancongan masih banyak dan ini secara tidak langsung akan membantu negara mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Industri pelancongan juga akan meransangkan perkembangan sektor lain seperti hotel, restoran, bahan kraftangan, pengangkutan dan sebagainya. Pada hakikatnya kebaikannya melebihi kelemahan.

Negeri China mempunyai bilangan penganut Muslim yang ramai dan kalau tidak silap saya, ia merupakan salah satu negara yang mempunyai penganut Islam yang teramai di dunia ini. Bagi Muslim dari China mereka juga boleh melawat Malaysia di mana agama rasmi kita juga merupakan Islam. Di samping itu, sebagai kaum yang bukan Islam juga boleh hidup aman damai. Ini boleh dijadikan salah satu selling point dengan izin, kepada pelancong China yang juga berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya menyentuh hal berkenaan dengan pelancongan, ingin saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan atas usaha menonjolkan kebudayaan negara kepada para pelancong. Saya berasa amat besar hati kerana berpeluang menyaksikan sebuah pertunjukan pentas yang begitu menarik dan menghiburkan. Pada hemat saya pertunjukan seperti ini adalah satu cara untuk menunjukkan kekayaan kebudayaan yang kita nikmati di Malaysia kepada para pelancong.

Oleh itu pertunjukkan pentas seperti ini terutamanya pertunjukkan pentas yang diadakan untuk para pelancong harus dapat melambangkan kekayaan kebudayaan berbagai kaum di Malaysia. Kita harus berbangga dengan perpaduan kaum dan keharmonian yang kita nikmati. Saya pasti banyak negara asing kagum dengan keharmonian berbilang kaum di Malaysia dan pertunjukan pentas seperti yang diadakan untuk pelancong perlu menonjolkan keistimewaan ini.

Saya juga bersyukur dengan Belanjawan 2000 yang telah memperuntukkan sejumlah RM6.9 juta untuk meningkatkan kemudahan di kampung-kampung baru. Namun peruntukan seperti ini mungkin kurang memadai memandangkan kampung-kampung baru memang tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan rekreasi seperti dewan serbaguna yang dapat menempatkan gelanggang badminton untuk aktiviti sukan masyarakat. Perpustakaan juga amat diperlukan kerana ini membantu dan mendorong para pelajar dalam usaha mereka menimba ilmu serta menanam tabiat membaca di kalangan masyarakat.

Tahniah saya ucapkan kepada Datuk Dr. Zeti Akhtar Aziz atas perlantikan beliau sebagai Gabenor Bank Negara. Saya sebagai wanita sangat berbangga atas pelantikan ini. Saya yakin Dr. Zeti akan menyambung usaha gigih dalam perkhidmatan beliau dengan jawatan baru ini.

Dalam hal pembangunan wanita, berbagai-bagai program telah dirancang dan dilaksanakan untuk membantu ibu tunggal. Program-program ini wajar diberi lebih publisiti. Program ibu tunggal yang sedang dilaksanakan untuk membantu golongan ibu tunggal mendapatkan perkerjaan perlu mencapai golongan ibu tunggal dan juga bakal majikan yang dapat memberi bantuan dan sokongan kepada program tersebut. Ibu-ibu tunggal merupakan golongan yang terpaksa berusaha keras untuk membesarkan anak mereka dan sebarang bantuan akan memanfaatkan mereka serta anak mereka.

Sebagai contoh, golongan ibu tunggal harus diberi keutamaan dalam proses memperuntukkan rumah kos rendah. Kita dapati kebanyakan keutamaan dalam peruntukan kediaman kos rendah diberi kepada mereka yang telah pun mempunyai keluarga tetapi saya berpendapat golongan ibu tunggal walaupun tidak berkeluarga besar, juga memerlukan penginapan pada harga yang mereka mampu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh sedikit tentang pendidikan. Minggu yang lepas Dato' Aziz telah menyentuh berkaitan dengan kelebihan

pencapaian sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dalam matematik. Sekolah rendah jenis kebangsaan Cina juga mempunyai kelemahan persendirian. Jumlah 110 buah sekolah, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Semenanjung Malaysia yang mencapai kelulusan UPSR yang rendah daripada 10% dan ada yang di antaranya mendapat 0%. Didapati kebanyakan mereka gagal kerana Bahasa Malaysia. Mereka lemah dalam penulisan iaitu karangan Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan kita, kita mahu rakyat kita bangga dengan menggunakan Bahasa Malaysia kita dengan lancar dan ia jangan menjadi satu halangan kepada masa hadapan mereka. Saya ingin bercadang sukatan lebih menekankan penulisan diwujudkan untuk membaiki keadaan ini.

Ada juga pertanyaan di Dewan yang mulia ini tentang bekalan komputer untuk tadika, malahan banyak lagi sekolah menengah terutamanya sekolah bantuan modal di luar bandar yang belum lagi mempunyai komputer. Sekolah-sekolah ini mempunyai sebuah atau dua komputer untuk kegunaan pentadbiran atau guru-guru. Sekolah-sekolah seperti ini sangat kekurangan kemudahan. Saya berharap kemudahan di sekolah-sekolah ini dapat dipertingkatkan kerana pelajar-pelajar memasuki sekolah-sekolah ini mengikut arahan Jabatan Pendidikan Negeri bukan pilihan sendiri.

Saya juga ingin menyatakan satu isu berkenaan kelas Tingkatan Enam. Terdapat sekolah-sekolah yang menyediakan kelas-kelas Tingkatan Enam tetapi tidak mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi. Keadaan ini menimbulkan masalah apabila pelajar tidak mendapat bimbingan yang diperlukan dan selepas beberapa bulan mereka dipaksa memohon pertukaran ke sekolah lain untuk menyambung pendidikan mereka. Saya menyeru pihak Kementerian Pendidikan agar memberi perhatian kepada keadaan seperti ini, supaya ia tidak berlaku lagi kerana keadaan seperti ini hanya membazir masa para pelajar yang sedang pun kesuntukan masa dalam persediaan mereka untuk peperiksaan STPM.

Saya bersyukur kerana kerajaan Malaysia menyediakan berbagai kemudahan dan perkhidmatan termasuk dalam hal pendidikan. Skim Pinjaman Buku Teks yang disediakan untuk mengurangkan beban ibu bapa yang kurang mampu dengan meminjamkan buku-buku teks kepada mereka yang layak harus dipuji tetapi kebanyakan sekolah telah menggunakan buku-buku yang sama selama lebih pada 15 tahun. Buku-buku yang sudah lama itu tidak lagi selaras dengan sukatan pelajaran dan ketinggalan masa. Malahan buku-buku lama yang dipinjamkan kepada mereka

lazimnya sudah kotor dan koyak. Ini menjadikan mereka kurang minat membaca buku-buku ini. Diharap Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Sekian sahaja dan saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi dan saya turut menyokong.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Hassan bin Haji Shukri.

### **12.12 tgh.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah mengizinkan saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 22 Februari 2000 dan dibentangkan ke dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 24 April 2000 bagi bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin berbeza dengan sahabat-sahabat saya yang lain yang saya kira sudah menyentuh seluruh aspek yang tidak perlu lagi saya ulang banyak-banyak. Cuma di sini saya hendak menyentuh perkara-perkara yang saya kira kita perlu mengambil perhatian bahawa kita semua di negara ini tidak boleh menafikan bahawa sesungguhnya negara kita telah menghadapi kegawatan ekonomi bermula daripada tahun 1997 hinggalah pada penghujung tahun 1998. Ahli-ahli Yang Berhormat telah banyak memberikan pujian kepada pihak yang berkuasa kerajaan di atas daya usaha yang telah diambil bagi memulihkan kegawatan ekonomi tersebut.

Saya di sini ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pegawai-pegawai awam ataupun pegawai-pegawai kerajaan dan juga pekerja-pekerja di sektor swasta yang begitu sabar untuk memberikan sumbangan dan bantuan mereka untuk sama-sama memulihkan ekonomi negara kita. Selain daripada itu, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa negara kita seperti yang dicatatkan dalam penyata kewangan yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan bahawa negara kita masih lagi dibebankan dengan hutang yang begitu besar di mana dalam anggaran Belanjawan tahun 2000 ini saya saksikan peruntukan untuk urusan membayar hutang kita akan membelanjakan lebih daripada RM9 bilion iaitu kira-kira 12.3% daripada anggaran perbelanjaan yang disediakan



oleh Kementerian Kewangan dengan tujuan yang disebutkan sebagai perbelanjaan kerana hutang negara.

Saya ingin menarik perhatian semoga kerajaan ataupun pemerintah kita pada masa yang akan datang melaksanakan atau menetapkan suatu dasar had keberhutangan negara. Kerana jika sekiranya negara kita terus dilanda oleh hutang yang begitu besar, saya bimbang bahawa negara kita akan mudah ditundukkan oleh kuasa-kuasa asing terutama sekali kuasa-kuasa yang memberikan hutang kepada negara kita itu. Oleh yang demikian, kita mahu melihat supaya negara kita ini berusaha dengan sungguh-sungguh, mudah-mudahan dengan usaha yang demikian itu negara kita akan terlepas daripada beban hutang. Sebagai orang Islam memanglah kita sentiasa berdoa supaya kita in tidak dibebankan oleh hutang, kerana hutang itu biasanya boleh menimbulkan orang lain akan memaksa si yang berhutang. Jadi dengan sebab itulah kita amat prihatin terhadap hutang negara ini.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya ini diambil sebagai suatu peringatan penting terutama sekali bagi orang-orang Islam bahawa berhutang seperti yang pernah diriwayatkan oleh Nabi kita Muhamad s.a.w. kalau seseorang itu mati berjihad untuk menegakkan Islam, mati di medan perang sepatutnya dia terus masuk syurga, ini menurut Islam, tetapi kalau dia ada hutang maka dia akan dihalang oleh hutangnya untuk terus masuk ke syurga. Saya sebutkan di sini ialah bahawa sesungguhnya Islam sangat mengambil perhatian yang berat terhadap persoalan hutang ini. Mudah-mudahan dengan peringatan ini kita akan dihindarkan daripada terus menerus berhutang terutama sekali kepada negara-negara luar.

Yang kedua, saya ingin juga menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan yang tidak disentuh oleh mana-mana Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Kalau adapun hanya sentuhan secara seimbis lalu oleh sahabat saya Dato' Haji Ahmad bin Ismail tetapi tidak menyentuhnya secara meluas. Kalau tadi kita dengar rata-rata daripada golongan orang India menyentuh tentang sekolah bantuan Tamil, dan sahabat-sahabat kita dari kalangan orang-orang Tionghua juga menyebut tentang sekolah bantuan jenis kebangsaan Cina. Saya rasa adalah wajar saya menyebutkan di sini tentang bagaimana pula nasib sekolah-sekolah agama rakyat di Malaysia ini.

Untuk pengetahuan Dewan ini, bahawa sekolah-sekolah agama rakyat di Malaysia ini turut memelopori kemerdekaan negara ini walaupun mereka tidak mempunyai apa-apa organisasi tetapi menanamkan semangat kemerdekaan sejak sebelum perang dunia yang kedua, sekolah-sekolah agama rakyat inilah yang memainkan peranan, melatih, mendidik, terutama sekali anak-anak umat Islam di negara kita ini supaya mereka berani menentang penjajahan Inggeris. Kemudian sekolah-sekolah ini seperti yang dinyatakan oleh Datuk Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pendidikan, ia mempunyai lebih kurang seramai 70 ribu murid diseluruh negara. Kalau kita melihat nasib sekolah-sekolah agama rakyat ini walaupun ianya mendapat bantuan modal dan barangkali masalah yang dihadapi samalah seperti sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina. Apabila ada bantuan untuk membangunkan sekolah-sekolah agama rakyat ini, persoalan yang dihadapi oleh pihak kementerian atau oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri ialah persoalan tanah tapak tempat hendak membangunkan sekolah-sekolah tersebut.

Tetapi saya percaya bahawa ini boleh diatasi jika sekiranya kita benar-benar mahu melihat bahawa sekolah-sekolah agama rakyat ini juga setanding dengan sekolah-sekolah yang lain. Saya yakin bahawa tidaklah semua pengurus sekolah agama rakyat ini mahu bantuan penuh, mereka tidak mahu bantuan penuh. Mereka mahu supaya sekolah itu terus dikendalikan oleh pihak lembaga pengurus, tetapi yang saya mohon kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya mempertimbangkan tentang bantuan modal ini ditambah daripada masa yang sudah-sudah dan juga peruntukan bantuan mengikut kepala kepada pelajar-pelajar dinaikkan.

Misalnya sekolah rendah sekarang ini, saya difahamkan hanya mendapat....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya kepada sahabat kita Yang Berhormat Senator Hassan bin Haji Shukri berkenaan dengan sekolah rakyat atau mana-mana sekolah, adakah pihak Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini dengan mewujudkan sekolah-sekolah menengah agama dan sebagainya sudah pun menampung keperluan dan sekolah-sekolah biasa pun menampung keperluan dari segi pengajian agama itu sendiri kepada rakyat. Apakah bezanya, adakah Yang Berhormat hendak meneruskan sistem sekolah rakyat ini berbeza ini dengan arus sistem pendidikan yang diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun berjaya melahirkan ulama, wujudnya Universiti Islam,

misalnya dan menghantar pelajar-pelajar ke Al-Azhar dan mana-mana tempat sekalipun menunjukkan bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional pun mampu semampu-mampunya untuk menampung keperluan keagamaan anak-anak kita.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Abdul Aziz yang telah menimbulkan ataupun membangkitkan persoalan sekolah agama rakyat. Kita tidak menafikan bahawa sesungguhnya kerajaan telah menubuhkan beberapa sekolah menengah agama kebangsaan. Tetapi jika sekiranya sekolah itu sudah cukup tentulah tidak akan ada lagi orang-orang yang hendak masuk ke sekolah-sekolah agama rakyat, terutama sekali pelajar-pelajar yang tercicir yang disebutkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, pelajar-pelajar yang tercicir ini sesetengahnya lepak, sesetengahnya menjadi penagih dadah dan sebagainya.

Kita harus berterima kasih atas usaha-usaha orang-orang perseorangan ataupun orang-orang yang sentiasa berkhidmat untuk rakyat, mereka sanggup mengeluarkan perbelanjaan sendiri semata-mata untuk menampung pelajar-pelajar kita yang begitu mudah dibawa oleh arus suasana yang ada sekarang ini. Sekurang-kurangnya 70,000 pelajar sekolah-sekolah rendah dan menengah agama rakyat ini sekarang sudah dapat tempat untuk mereka belajar. Kalau semua 70,000 ini memohon masuk ke sekolah-sekolah menengah agama kebangsaan kerajaan yang ada sekarang, saya yakin sekolah menengah kebangsaan agama itu sendiri pun tidak boleh menampung bilangan yang seramai itu. Sebab itulah saya tegaskan di sini bahawa sekolah-sekolah agama rakyat ini dari segi sejarahnya memainkan peranan yang sangat penting. Ramai di antara pelajar-pelajar, malah ada menteri pun, menteri sekarang ini yang berasal daripada sekolah agama rakyat.

Sebagai saya katakan tadi, saya mempunyai keyakinan kerana saya mempunyai minat yang sangat tinggi dan saya juga pernah berparanan dan berkhidmat untuk mengembangkan sekolah-sekolah agama rakyat di negeri Perak yang lebih kurang ada 120 buah sekolah agama rakyat di negeri itu. Di Wilayah Persekutuan saya terlibat.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk bertanya, adakah Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri bersetuju kalau sekiranya untuk mengatasi masalah inilah, masalah yang saya sendiri sedari, kita menghargai

usaha-usaha untuk menubuhkan sekolah-sekolah agama persendirian bagi menampung mereka yang telah tercicir dan sebagainya, ini adalah satu usaha yang mulia. Tetapi bolehkah tidak, kalau sekiranya untuk menyelesaikan masalah ini, membenarkan kerajaan mengambil alih semua sekolah agama ini kerana kerajaan berhasrat, kita ambil dan diuruskan oleh kerajaan sendiri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang diPertua, sekarang ini pun memang ada sebuah Jawatankuasa namanya LEPAI, kalau tidak silap saya Lembaga Pendidikan Sekolah-sekolah Agama Islam Malaysia, yang dipengerusikan oleh Tun Speaker sendiri. Dalam usaha-usaha yang dijalankan oleh LEPAI sekarang ini, pertama sekali LEPAI telah berusaha untuk menyelaraskan sukatan pelajaran bagi seluruh sekolah-sekolah agama rakyat yang ada dan saya difahamkan LEPAI telah berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan daripada Universiti Al-Azhar supaya sijil-sijil yang dikeluarkan oleh LEPAI sahaja dengan nama, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Saya juga difahamkan kebanyakan negeri telah pun menerima sukatan pelajaran itu bagi dilaksanakan di sekolah-sekolah agama rakyat negeri-negeri masing-masing.

Apa yang saya difahamkan bahawa sesungguhnya pengurus-pengurus sekolah-sekolah agama rakyat yang ada sekarang ini hanya memohon satu perkara sahaja kepada pihak LEPAI iaitu supaya pengiktirafan-pengiktirafan yang telah dibuat oleh beberapa buah universiti luar negara supaya ianya dikekalkan bahawa dengan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah menengah itu membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di universiti-universiti luar negara seperti Universiti Al-Azhar, Universiti Baghdad, Universiti Umurdarman di Sudan dan sebagainya tidak disekat.

Saya rasa Datuk Zainudin Maidin sangat faham tentang hal ini. Misalnya Maahad Mahmud, tempat Datuk bersekolah dahululah, ia telah diiktiraf oleh Al-Azhar sudah sekian lama. Pelajar-pelajar dari Maahad Mahmud, tingkatan empat ataupun empat Senawi dengan syarat mereka ada sijil SPM boleh melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar tanpa mendapatkan sijil STAM. Sijil Tinggi Agama ini adalah satu sijil yang baru yang sedang dirangka oleh Lembaga Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang dipengerusikan oleh Tun Speaker Dewan Rakyat.

Tuan Yang diPertua, saya mengambil satu contoh di Wilayah Persekutuan misalnya, di Wilayah Persekutuan ini ada lebih kurang 52 buah sekolah rendah agama dan pihak pengurusan telah memohon kepada pihak yang berkuasa Jabatan Agama

Islam Wilayah Persekutuan supaya menubuhkan sebuah sekolah menengah bagi menampung pelajar-pelajar yang keluar daripada 52 buah sekolah rendah yang ada di Wilayah Persekutuan ini. Saya ingin menyorot sedikit tentang sejarah bagaimana sekolah-sekolah rendah agama di Wilayah Persekutuan ini dibentuk dan ditubuhkan. Dua hari sudah saya minta izin kepada Datin Seri Puan, isteri kepada Almarhum Datuk Wan Abdul Kadir Ismail, kerana waktu negeri Selangor meninggalkan sekolah-sekolah agama yang dahulunya ditadbirkan ataupun di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam negeri Selangor, banyak sekolah agama yang ditinggal oleh kerajaan negeri Selangor. Kami telah melawat dengan beberapa orang, di bawah sebuah Jawatankuasa task force yang telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Almarhum Datuk Hussein Onn dan task force ini dipengerusikan oleh Datuk Wan Abdul Kadir Ismail, kami telah melawat sekolah-sekolah ini dan kami dapati sekolah-sekolah ini kebanyakannya dijadikan sarang penagih-peragih dadah dan apabila kami berbincang, kami mohon supaya pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang baru ditubuhkan pada waktu itu mengambil alih semua sekolah ini, tetapi pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, kerana tidak ada peruntukan maka pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan tidak berani, tidak mampu untuk mengambil alih sekolah-sekolah yang tersebut.

Dengan demikian Jawatankuasa ini berfikir supaya buat sementara waktu semua bangunan sekolah itu dibuka atau sekolah itu kita buka atas nama sekolah-sekolah agama rakyat Wilayah Persekutuan. Sekarang ini sekolah-sekolah agama rakyat Wilayah Persekutuan boleh dikatakan kita sudah tidak mampu lagi untuk menampung permintaan pelajar-pelajar. Tiap-tiap sebuah sekolah ada yang 1,400 murid dan ini saya juga mohon kepada Kementerian Pendidikan supaya mengambil perhatian terutama sekali di Wilayah Persekutuan ini kerana memanglah sukar untuk kita hendak membangunkan sebuah sekolah agama secara persendirian terutama sekali kita menghadapi masalah tanah. Tanah di Wilayah Persekutuan harganya antara RM25 hingga RM30 sekaki persegi kadang-kadang sampai RM1.2 juta hingga RM2 juta seekar.

Tentulah pengurus sekolah-sekolah agama rakyat tidak mampu untuk membeli tanah-tanah yang tersebut. Apa yang kita harapkan supaya Kementerian Pendidikan khusus di Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah

Persekutuan supaya dapat mengambil perhatian yang berat, guna untuk memberikan ruang anak-anak kita belajar di sekolah-sekolah ini supaya anak-anak kita tidak berkeliaran tak tentu hala di sana sini terutama sekali pada waktu petang dan pagi jika sekiranya sekolah-sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan itu sekolahnya dibuka pada waktu petang dan pagi.

Oleh yang demikian, saya memohon supaya peruntukan ataupun bantuan yang diasaskan kepada bilangan kepala murid itu ditambah. Sekolah-sekolah rendah kita tambah kepada RM90. Sekolah-sekolah menengah rendah yang sekarang ini mendapat bantuan RM90 saya cadangkan supaya dinaikkan kepada RM120 dan sekolah-sekolah menengah atas saya cadangkan supaya dinaikkan kepada RM150 satu tahun, ini bukan satu bulan, bagi membolehkan sekolah-sekolah agama rakyat itu berada dalam keadaan selesa walaupun ianya tidak diambil alih seluruhnya oleh pihak kerajaan Kementerian Pendidikan dan saya juga difahamkan bukanlah semudah itu Kementerian Pendidikan hendak mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat tersebut.

Pertama sekali mungkin akan berhadapan dengan guru-guru yang ada, dengan bangunan yang ada, dengan suasana dan keadaan sekeliling yang ada di sekolah-sekolah agama rakyat itu yang memungkinkan ataupun yang tidak memungkinkan Kementerian Pendidikan untuk mengambil alih seluruh sekolah-sekolah agama rakyat yang ada di negara kita ini. Walau bagaimanapun sebagai rangsangan daripada Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah agama rakyat ini seperti juga rangsangan yang akan diberikan kepada sekolah-sekolah Tamil kepada sekolah-sekolah Cina dan sebagainya, saya difahamkan bahawa sesungguhnya Kementerian Pendidikan boleh menghantar guru-guru Bahasa Inggeris dan matematik kerana sekolah-sekolah agama rakyat ini ada mata pelajaran Bahasa Inggeris dan mata pelajaran Matematik.

Jadi kalau kita hantar guru-guru dari Kementerian Pendidikan dengan gaji yang dibayar oleh Kementerian Pendidikan, insya-Allah kedudukan sekolah-sekolah agama rakyat ini akan terbela kerana sekarang ini kita tidak dapat menafikan ramai daripada pelajar-pelajar sekolah agama rakyat ini yang dapat melanjutkan pelajaran mereka bukan sahaja di universiti-universiti tempatan dan bukan sahaja dalam bidang syariah dan usuluddin atau dakwah dan juga bahasa Arab tetapi mereka juga ada yang mengambil bidang-bidang yang lain daripada itu. Saya difahamkan ada yang

mengambil bidang kedoktoran misalnya, walaupun mereka itu pada peringkat permulaannya begitu susah payah, dilatih oleh guru-guru yang sabar yang gajinya atau elaunnya hanya sekadar RM300 satu bulan, pada zaman kita ini barangkali Yang Berhormat semua tahu, tetapi mereka dengan sabar, dengan penuh keyakinan bahawa anak-anak yang dihantar oleh ibu bapa yang anak-anak mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah menengah kerajaan mereka dengan penuh yakin mendidik semula, melatih semula anak-anak ini dan sehinggalah anak-anak itu dapat melanjutkan pelajaran sampai ke peringkat pengajian tinggi, bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara.

Memang kita tahu di negeri-negeri, ada sekolah-sekolah menengah ini. Di Perlis, misalnya, Yang Berhormat dari Perlis kala u saya salah, tolong betulkan. Ada Madrasah Alawiyah Perlis. Dari Madrasah Alawiyah Perlis inilah dapat dihantarkan pelajar-pelajar ke Universiti Al-Azhar dan ke beberapa buah universiti di luar negara terutama sekali di negara-negara Timur Tengah. Di Kedah, terkenal dengan Maahad Mahmud, asalnya sekolah agama rakyat. Kemudian diambil alih oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri.

Ini juga banyak mengeluarkan pelajar-pelajar yang saya kira sudah ramai yang memberikan sumbangan dan khidmat kepada Kerajaan Malaysia ini. Kita tidak usah bimbanglah, mereka akan masuk, PAS akan masuk UMNO, ramai yang dari sekolah agama rakyat ini pun masuk UMNO juga. Dato' Zainudin jangan bimbanglah. Yang penting kita memberikan pelajaran kepada anak-anak kita. Itu yang penting. Kemudian di Kedah ini, yang saya tahu sekarang ini ada sekolah persendirian, sekolah agama rakyat. Semuanya orang kenal – Madrasah Nahdhah Wataniah yang dipimpin oleh Tuan Guru panggil Pak Man, yang menjadi perintis kepada perjuangan kemerdekaan Malaya tetapi yang muda-muda kini tidak tahu dan tidak kenal.

Sebuah sekolah lagi, ialah Sekolah Tuan Haji Hussin Che Dol, pernah menjadi Yang Berhormat zaman Perikatan dulu, Bukan daripada PAS, tetapi daripada Perikatan. Dia juga mempunyai sekolah tetapi sekolahnya sekarang ini telah digabungkan dengan sebuah sekolah yang lain di Batu 16 Kedah. Minta maaf saya sebut, Datuk kepada Timbalan Perdana Menteri kita sekarang ini pun ada memimpin sekolah yang terkenal di Kuala Kangsar, sekolah agama rakyat. Cuma dia mendapat dukungan daripada kerabat diraja iaitu iaitu Madrasah Idrisiah. Kalau saya tidak betul, minta Datuk Aziz Shamsuddin betulkan.

Malah bapa beliau sendiri ada sebuah sekolah yang bernama Da'iratul Ma'arif Al-Wataniah di Kepala Batas yang pernah menjadi tempat membimbing anak-anak memasukkan semangat kemerdekaan di Malaysia ini. Saya sebutkan ini sekadar untuk menyatakan bahawa demikianlah peranan sekolah-sekolah agama rakyat yang seakan-akan dipinggirkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tidak boleh disebut Yang Berhormat, sebagai dipinggir. Umpamanya sekolah JAIS, sekolah rakyat yang asalnya sekarang dipimpin oleh Kerajaan Negeri Selangor, kita membelanjakan RM60 juta setahun. Dimanakah yang dikatakan dipinggir? Jadi, saya harap perkara ini kita perhatikan dan insya-Allah mana yang baik kita akan perbaiki. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang saya maksud pinggirkan itu, maknanya pinggirkan dalam Dewan ini. Bukan saya sebut dipinggirkan dari segi bantuan kerajaan. Memang sudah mendapat bantuan. Dipinggirkan di dalam Dewan ini kerana tidak ada orang yang menyuarakan di Dewan yang mulia ini tentang nasib sekolah-sekolah agama rakyat. Itu yang saya maksudkan. Tidak lain daripada itu.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, bagi kerajaan tidak payah disebut sebab kerajaan memang sedia membantu. Apa kita hendak sebutkan lagi. Jadi, bagi pihak Yang Berhormat mungkinlah menyuarakan supaya ada *political mileage*. Bagi kami, tidak perlu lagi *political mileage*. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya ingat tidaklah menjadi hasrat saya hendak mengambil keuntungan politik dari segi sekolah-sekolah ini. Itu bukanlah menjadi niat dan hasrat saya. Saya sebutkan di sini ialah kerana melihat nasib yang perlu kepada pembelaan. Saya berterima kasih atas langkah-langkah yang sudah diambil. Sebab itulah saya kata tadi bahawa sesungguhnya pengurus-pengurus sekolah agama ini pun, tidak berhasrat supaya pihak yang berkuasa membantu sepenuhnya. Cuma hasrat mereka, yang mereka beritahu kepada saya supaya disampaikan, dinaikkan bantuan, itu sahaja. Kalau boleh naik, barangkali selesalah mereka itu.



Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sebutkan di sini sebagaimana yang sedikit sebanyak disebutkan oleh sahabat saya, Dato' Haji Ahmad bin Ismail, baru-baru ini tentang bagaimana belia-belia kita, remaja-remaja kita, dalam keghairahan kita hendak membangunkan IT dan nampaknya orang lain yang berkepentingan telah mengambil kesempatan lebih awal daripada kita.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh kepada soal IT, saya ingin berkongsi pengalaman dan juga pemikiran saya serba sedikit secara ikhlas mengenai pembangunan sekolah-sekolah agama rakyat yang telah berkembang sekian lama daripada sebelum merdeka dan sesudah merdeka. Ucapan Yang Berhormat tadi telah merupakan satu nostalgic atau mengingatkan balik saya kepada bagaimana pembangunan sekolah-sekolah agama rakyat terutamanya yang berkembang kemudian menjadi satu institusi melahirkan pejuang-pejuang kemerdekaan tanah air, melahirkan mereka yang telah menyumbangkan jasa yang besar kepada pembangunan dan kesedaran kepada agama dan kesedaran kepada bangsa dan negara ini.

Umpamanya kita masih ingat konsul kita Malaysia pertama ke Jeddah ialah Ustaz Syeikh Osman dilantik di zaman Tuanku Abdul Rahman untuk menjadi konsul Malaysia yang pertama di Jeddah. Dan hal-hal ini telah juga kita lihat banyak pembuka agama yang telah menganjurkan seminar-seminar dan sebagainya yang memberikan kesedaran kepada kebangkitan kebangsaan kita. Tetapi satu hal yang saya rasa agak jelas menerusi pengalaman saya ialah apa yang telah berlaku iaitu apabila Ustaz Syeikh Abdul Halim, mudir sekolah agama Maktab Mahmud, seorang yang progresif, yang balik dari Mesir, dia membawa pembaharuan, suatu kesedaran melahirkan masyarakat ataupun melahirkan pelajar-pelajar Islam yang progresif dan dinamik.

Umpamanya di sekolah kami, Maktab Mahmud, kami diajar tidak sekadar hanya untuk bersyarah dan melahirkan pelajar-pelajar Islam yang hanya pandai untuk sembahyang jenazah ataupun pergi membaca talkin ataupun dijemput untuk kenduri-kenduri di rumah-rumah orang, membaca doa dan sebagainya. Tetapi kesedaran yang dibawa oleh Syeikh Abdul Halim ialah memodenkan sekolah agama, Maktab Mahmud itu iaitu menghapuskan sistem pondok dan yang paling progresif sekali ialah menukarkan kopiah putih. Itu saya tidak boleh lupakan, menukarkan kopiah putih yang melambangkan kekolotan kepada kopiah hitam. Itu satu langkah yang paling

drastik sebab Syeikh Abdul Halim sendiri memakai tarbus merah setelah kembali daripada menuntut di Cairo.

Jadi, masalahnya ialah membawa pembangunan untuk melahirkan masyarakat Islam yang terbuka, yang dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan negara itu sendiri dan banyak langkah yang diambil, menukarkan daripada pakai baju Melayu dengan kain sebagai lambang sekolah pondok, menukarkan kepada pakai seluar panjang berwarna brown dan juga baju putih dan kemudian memakai songkok. Itu juga melambangkan satu sikap yang progresif untuk menukarkan bahawa kesedaran bahawa sekolah-sekolah agama itu tidak ke mana perginya. Kami golongan yang pertama yang keluar atas kesedaran bahawa kami tidak boleh bersaing dengan pelajar-pelajar Inggeris. Kami keluar dan kami pergi ke sekolah Inggeris malam dan itulah melahirkan Halim Ismail sebagai Pengerusi Bank Islam, Yaakob Lazim dan banyak.

Pada masa itu, masalah kami lebih besar daripada masalah yang dihadapi oleh anak-anak Melayu sekarang. Kami terpaksa memerangi atau bersaing dengan golongan-golongan pelajar Inggeris. Itu masalah yang paling besar, satu cabaran yang paling besar. Tetapi kami tidak mengambil langkah untuk mengundurkan diri atau *withdrawal attitude*, dengan izin. Kami *fight* kami melawan. Kami mahu bahawa kami diterima dan ini masalahnya. Tetapi sekarang apa yang menyedihkan ialah kita hendak kembali kepada satu keadaan yang telah kita tinggalkan. Itu yang menyedihkan. Itu yang saya paling bimbang.

Apa yang saya lihat ialah hendak kembali kepada sistem yang lama. Tidak menimbulkan kesedaran, keyakinan diri. Kita akan membiarkan pelajar-pelajar ini terus dengan perasaan *inferiority complex*, dengan izin. Ini masalah yang paling besar. Kalau kita hendak keluar daripada keadaan ini, inilah yang saya rasa suatu yang kita harus terima di mana, maaflah. Golongan saya keluar daripada keadaan ini. Keluar untuk menjadi pelajar-pelajar Islam, orang Islam yang ada kesedaran kebangsaan, kesedaran keagamaan yang boleh diterima, yang boleh bersama dalam suatu pembangunan masyarakat yang moden. Tetapi keadaannya jadi lain. Kita melahirkan satu masyarakat yang *withdrawal society*.

Ini yang saya bimbang. Ini bukan tidak sahaja berlaku di sekolah-sekolah agama tetapi juga di tempat yang lain. Inilah yang saya rasa balik kepada soal daripada songkok tadi sampailah kepada sekarang dan ustaz, maaflah saya panggil ustaz, lebih senang sebab dari dulu pun saya panggil ustaz, Yang Berhormat Ustaz

Hassan, saya melihat sikap yang progresif dan sikap yang menerima keadaan ini dan saya tahu bahawa ramai lagi yang mempunyai pandangan-pandangan yang ikhlas ini saya terima dengan baik secara peribadi dan saya harap dalam soal inilah di mana kita tidak harus berpisah daripada matlamat kita dan kita dipisahkan oleh perkara-perkara yang kecil di antara yang saya telah katakan iaitu yang tidak perlu, yang juga memisahkan kita lebih jauh dari soal-soal agama dan sebagainya kerana masalah ini bukan masalah pokok.

Jadi, masalah melahirkan satu masyarakat Islam yang progresif dan kerajaan dalam kebimbangan bahawa sekolah-sekolah agama ini akan melahirkan golongan-golongan agama yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan yang ada. Itu yang paling membimbangkan. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** *[Bangun]*

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Boleh mendapat keizinan?

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya beri Yang Berhormat Hassan jawab dahululah.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Saya hendak mencelah pandangan Datuk Zainudin, dengan izin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Datuk Zainudin tadi ada menyebutkan masalah pakaian. Bolehkah setuju dengan saya suatu pandangan syair Arab yang berbunyi *[Membaca beberapa baris syair Arab]* “Nilai manusia itu bukan duduk di pakaiannya tetapi nilai manusia itu duduk dari segi ilmu dan kesopanannya.” Saya minta pandangan Datuk Zainudin. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Dengan izin daripada Yang Berhormat Ustaz Hassan, saya bersetuju penuh bahawa keperibadian Islam itu tidak terletak pada pakaiannya tetapi terletak kepada ketakwaan. Saya tidak yakin kepada pakaian. Apa juga bentuk tetapi ketakwaan itulah yang melambangkan ketakwaan yang tidak dapat dilihat dengan mata, baik bagi perempuan atau bagi lelaki. Pakaian ketakwaan itulah pakaian yang paling kebal daripada pakaian-pakaian luaran yang melambangkan tetapi di sebalik semua pakaian itu tidak melambangkan keimanan, ketakwaan dan kejujuran. Itu yang paling penting. Saya bersetuju penuh.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Datuk Zainudin Maidin yang telah membuat ulasan-ulasan terhadap ucapan saya. Saya ingin jawab sedikit tentang songkok. Sebenarnya saya tidak mahu

bangkitkan hal-hal yang kecil, songkok putih atau hitam, saya tidak mahu bangkitkan sebab dalam Islam, pakaian ini ialah tutup aurat. Itu sahaja. Pakai songkok putihkah, tidak pakai songkok putihkah, hendak pakai takah, itu terserah. Yang penting menutup aurat. Bagi saya hendak pakai apa pun tak mengapa asal menutup aurat.

Kita perlu juga sedar tentang bagaimana orang dulu-dulu berhadapan dengan Inggeris. Saya difahamkan kenapa tok guru-tok guru, dulu-dulu ini, mereka arahkan murid-murid pakai kopiah putih kerana mereka kata mereka hendak lawan budaya Inggeris secara praktikal. Penjajahan Inggeris dahulu hantar pegawai-pegawai seperti merinyu Parit dan Taliair, dia pakai topi bulat. Topi apa pun saya tidak tahu. Kami sebelah Sabak Bernam panggil “topi tuntung” macam tuntung. Kemudian dia pakai seluar pendek.

Jadi, salah satu cara untuk lawan budaya yang di bawa masuk ini, tok guru arahkan murid-murid pakai baju Melayu. Di Kedah, terkenal dengan baju Fatimah. Ramailah orang pakai, dan kokurikulum dulu sesuai dengan zaman dulu. Misalnya dulu, sekolah-sekolah ada buat bengkel. Bengkel tukang kayu, cara dahululah. Bengkel pertanian, saya masih ingat bengkel pertanian ada di sekolah-sekolah. Selain daripada itu, kerana masyarakat masa itu apabila ada kematian, ada rombongan sembahyang jenazah ramai-ramai. Jadi, tok guru ajar murid-murid supaya tahu sembahyang mayat, itulah kokurikulum dahulu.

Saya juga ingin menarik perhatian, sekarang ini di bandar raya Kuala Lumpur ini, hendak cari tukang tahlil pun sudah payah. Saya kadang-kadang sampai pergi Petaling Jaya untuk bertahlil. Padahal tahlil itu bukanlah susah sangat. Tetapi itulah suasana yang ada sekarang, jadi kita tidak boleh konderkan langkah-langkah yang diambil oleh orang zaman dahulu kerana itulah yang sesuai dengan zaman mereka.

Sekarang sekolah-sekolah itu sudah mengikut arus perkembangan, saya rasa ada sekolah-sekolah agama rakyat yang mengadakan, kelas sains sepenuhnya seratus peratus. Misalnya di Kota Bahru sekarang ini, Maahad Muhammadi dan kelulusan peperiksaan pada tahun ini pun di peringkat SPM seratus peratus walaupun ia sekolah agama tetapi aliran sains seratus peratus diadakan. Ini bermakna kita tidak boleh menafikan bahawa pemikiran, pengurus dan juga guru-guru sekolah agama rakyat itu tidak terbuka. Saya di sini cuma hendak menyampaikan supaya bantuan kepada sekolah-sekolah ini ditingkatkan dan difikirkan juga tentang bantuan modal bagi

membangunkan sekolah-sekolah yang tersebut. Itu sahaja yang saya hendak sampaikan.

Tuan Yang diPertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa kadang-kadang dalam semangat yang begitu tinggi, seolah-olah kita kesal dengan apa yang kita berikan. Misalnya, ada yang menyebutkan bahawa korporat-korporat, pegawai-pegawai tinggi, kita suap kemudian dia gigit tangan kita. Saya rasa perkataan-perkataan, kalimah-kalimah, ungkitan-ungkitan yang seperti itu tidak wajar kita timbulkan dalam Dewan yang mulia ini. Kerana kalau dari segi Islam itulah yang mengosongkan ganjaran Tuhan atas usaha-usaha yang kita buat. Tidak ada ganjaran yang setimpal dengan usaha-usaha yang dibuat. Kalau boleh, kita jangan terlalu banyak mengungkit-ungkit apa telah kita berikan ataupun apa yang telah didapati oleh mereka yang telah berusaha begitu gigih dan mereka yang telah pun memberi sumbangan kepada negara.

Golongan profesional, kita tidak harus menafikan sumbangan yang telah mereka berikan. Hasil daripada perniagaan mereka tentulah mereka bayar cukai. Dan belanjawan yang kita bentangkan ini pun adalah belanjawan hasil daripada sebahagian pungutan cukai, hasil daripada kegiatan ekonomi yang disertai oleh pelbagai golongan, termasuklah petani, buruh, pekerja ladang dan sebagainya. Kerajaan hanya sebagai pemegang amanah, kemudian diagihkan, dicampur dengan hasil-hasil lain yang boleh diperolehi oleh pihak yang berkuasa melalui cara-cara yang lain. Kita hanyalah mengagihkan.

Saya ucap terima kasih kerana pengagihan, peruntukan yang begitu besar pada kali ini diberikan kepada Kementerian Pendidikan di mana Kementerian Pendidikan untuk pengurusan sahaja diperuntukkan lebih daripada RM11 bilion, hampir mencapai RM12 bilion. Kemudian, untuk pembangunan pendidikan, RM3.6 bilion. Saya tidak menafikan tentang keprihatinan Kementerian Pendidikan untuk membina, membangun sebuah masyarakat yang betul-betul mampu memberikan sumbangan kepada pembangunan ummah dan pembangunan rakyat, seterusnya kepada pembangunan negara tanpa mengketepikan perkara-perkara yang boleh meruntuhkan semula apa yang kita telah bangunkan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menyebutkan tentang jenayah yang makin hari makin bertambah. Dari sudut jenayah ini saya hendak mencadangkan sedikit sahaja di mana kita sudah banyak meminda undang-undang mengenai perkara-perkara

yang berkaitan dengan kesalahan jenayah – kesalahan mencuri kita telah tambah dendanya, kita tambah hukuman dan deraannya. Apa salahnya kita cuba undang-undang yang berteraskan kepada Islam, baru boleh kita kata Islam itu tidak baik. Sekarang ini tidak ada, dan tidak buat apa-apa tentang hukum jenayah Islam.

Saya rasa semua agama boleh bersetuju. Tidak ada agama yang hadir dalam Dewan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat ada yang menganut agama Islam, agama Kristian, agama Hindu, agama Budhist, semua bersetuju bahawa kegiatan jenayah seperti mencuri dan merompak itu tidak baik dan ia adalah mengancam ketenteraman awam dan kehidupan rakyat. Sekarang ini kadang-kadang kalau kita tinggal di rumah, tikus masuk dalam tin beras pun kita rasa bahawa pencuri sudah masuk. Demikian, tidak tenteramnya kita. Sebab tenteram itu mempunyai kaitan dengan jiwa seseorang.

Jadi, saya menyarankan kalau boleh, kita jalarkan satu dahulu daripada kanun jenayah Islam mudah-mudahan dengan yang demikian itu kita akan dikawal oleh Allah.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Karim minta penjelasan.

**Datuk Haji Karim bin Salleh:** Terima kasih. Saya ingin meminta sedikit penerangan daripada Yang Berhormat. Saya kurang jelas dan kurang faham sistem pendidikan agama di sekolah-sekolah pondok. Adakah pelajaran di sekolah-sekolah pondok ini menyediakan orang-orang Islam ini untuk pergi ke syurga sahaja atau menyediakan orang-orang Islam ini supaya hidup melalui pelajaran di sekolah agama, bagaimana hidup di syurga dunia ini dengan cara-cara supaya sekolah agama ini serupa atau bertaraf seperti zaman penjajah dahulu, mission school di mana orang-orang yang bukan beragama Kristian pun pada masa itu boleh belajar di sekolah-sekolah ini, mendapat pendidikan sehingga dia menjadi warganegara yang berguna.

Adakah sekolah-sekolah agama Yang Berhormat katakan itu seperti mission school di mana bukan sahaja orang-orang Islam pergi belajar mendapat pendidikan untuk penyediaan hidup di akhirat dan hidup di dunia, terbuka kepada orang-orang yang bukan Islam juga sehingga orang-orang bukan Islam memahami falsafah Islam dan boleh membaca buku-buku agama seperti Yang Berhormat Tuan Marimuthu beberapa hari lalu menyebut tentang gaji yang berdasarkan daripada katanya Al-Quran, yang sebenarnya hadis. Apakah pada ketika ini melalui sekolah agama kita mengajar sains dan ilmu-ilmu agama dunia yang berlatarbelakangkan falsafah Islam

yang membolehkan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia ini memahami antara satu agama, satu kebudayaan antara satu sama lain supaya penghidupan kita lebih selesa di dalam negara yang kita cintai ini.

Kalau tak saya faham bahawa orang Islam ini yang sempurna hidup di dunia ini juga, saya percaya kalau sempurna hidupnya di dunia, di akhirat nanti pun sempurna juga hidupnya. Yang sempurna seorang Islam di dunia ini yang diberitahu kepada saya ialah seorang yang mempunyai rumah selesa, isteri yang cantik, kenderaan yang baik di dunia ini dan kalau orang Islam mempunyai perkara serupa ini di dunia dia tidak akan mencuri, merompak, menipu dan membuat perkara-perkara yang lain dan bila dia mati nanti, dia akan ke syurga. Jadi, bagi saya adakah sekolah-sekolah agama ini menyediakan orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam yang faham kedudukan Islam supaya di dunia ini mereka hidup berlatarkan falsafah Islam. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sabah. Ini salah faham yang timbul di kalangan setengah-setengah orang Islam. Kalau kita melihat kepada sistem yang berjalan di sekolah-sekolah agama rakyat yang ada sekarang ini, saya kira ia mengikut perkembangan. Kerana sekarang ini lebih kurang 60% daripada pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah agama rakyat itu adalah mengikut sukatan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Hanya 40% dan setengahnya 50% sahaja daripada sekolah-sekolah agama itu yang mengajarkan mata pelajaran yang pure agama, misalnya Tauhid, Fekah. Dan Fekah, Fiqul-Muqharim, iaitu perbandingan Fekah. Bukan itu sahaja, malah perbandingan mazhab dan ideologi juga diajarkan di sekolah-sekolah agama.

Dengan sebab itulah mereka yang dari sekolah agama ini memahami tentang perkembangan ideologi yang ada di negara kita ini terutama di peringkat pengajian tinggi. Pengajian perbandingan ideologi dan akidah serta keyakinan dan kepercayaan adalah penting dalam membina kefahaman Islam di kalangan umat Islam.

Kalau hujah kita semata-mata hidup di dunia ini ada rumah besar dan kereta besar, itu yang kita katakan sebagai suatu kehidupan yang bahagia dan baik serta tenang. Tetapi berapa banyak pula orang yang ada kereta besar, ada rumah besar yang melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama? Malah ada orang yang menggunakan ilmu seperti kecurian. Sekarang ini dalam bank-bank dengan menggunakan kad ATM – itu juga salah satu daripada ilmu yang

disalahgunakan. Jadi, besok pencuri-pencuri, perompak-perompak ini makin lama makin moden, boleh jadi dia boleh ambil duit dari dalam poket kita dengan ilmu yang ada pada mereka, bukan sahaja di bank-bank.

Jadi, kalau itu dianggap sebagai ilmu, maka sesungguhnya ilmu yang seperti itu tidak memberikan apa-apa manfaat kepada kehidupan kita, apa lagi kalau sekiranya kehidupan kita ini sebagai kehidupan yang berteraskan kepada agama. Kalau apa yang ditimbulkan itu dilemparkan kepada sesetengah kalangan katalah ustaz-ustaz, tuan-tuan guru, saya rasa kalau kita perhatikan baik-baik secara cermat, kita akan melihat betapa setengah bekas-bekas orang yang mengaji di sekolah-sekolah agama rakyat, malah di sekolah pondok ini pun ada juga menjadi ahli-ahli perniagaan. Saya boleh contohkan, beliau baru meninggal iaitu bekas Timbalan Menteri, Tuan Haji Yusuf Rawa, dia adalah seorang ahli perniagaan. Walaupun dia mengajar di Sekolah Al-Mashur, kalau salah tolong betulkan, Datuk Zam ya – mengajar di Sekolah Al-Mashur. Neliau juga menjadi pemimpin, ulamak yang mempunyai percetakan yang terawal bagi orang-orang Melayu di negara ini.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat boleh menyambung selepas makan tengah hari. Masih panjang?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ada lagi sedikit. Tak apalah saya sambung kemudian.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.  
Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan, sila sambung.

**2.33 ptg.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum serta salam sejahtera. Bagi menyambung perbahasan yang telah saya mulakan pada sebelah pagi tadi, saya ingin menarik perhatian sekali lagi kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Saudara Datuk Zainudin Maidin yang telah membangkitkan soal pakaian – ketayap putih.

Sebenarnya, kalau kita hendak merujuk semula kepada sejarah pakaian kopiah hitam ini pun saya rasa bukanlah pakaian orang Melayu, ia pakaian orang



India atau asalnya orang India punya. Begitu juga ketayap putih ini kalau kita hendak rujuk balik kepada sejarahnya sekadar yang saya tahu, ia adalah pakaian orang Islam Cina dan memang kalau kita pergi ke China, ada suatu tempat di sana kita melihat bahawa pakaian ketayap putih ini banyak dipakai oleh orang Cina, cuma di sini sahajalah orang Cina tak pakai dan kopiah hitam pun orang India tak pakai, orang Melayu yang pakai, jadi maknanya Melayu mengambil budaya India dan Cina dari segi pakaian kalau kita hendak terima macam itulah, demikianlah toleransi dan terbukanya orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak sempurna kalau saya tidak menyentuh kerana bagi orang lelaki Islam, pakaian ialah menutup aurat, cuma aurat lelaki berbeza dengan aurat orang perempuan atau wanita Islam. Kadang-kadang orang pertikaikan dan saya selalu menyatakan bahawa sesungguhnya pakaian orang perempuan Melayu adalah pakaian yang paling dekat kepada budaya Islam, cuma tambah sedikit sahaja, iaitu tudung kepala, kerana sepanjang ingatan saya, bahawa bagi orang Islam ataupun bagi perempuan Islam tidak ada perselisihan pendapat di antara empat mazhab bahawa sesungguhnya rambut itu bagi orang perempuan adalah aurat.

Jadi, tutup rambut sahaja lagi, tidak banyak, tutup rambut. Kemudian bagaimana hendak tutup rambut itu diserahkan kepada kebijaksanaan kita, coraknya, warnanya, bagaimana cara memakainya, itu terserah kepada kebijaksanaan kita, tidak ada sebarang paksaan, asal tutup selesai.

Kemudian, dari segi corak, bentuk itu terserahlah kepada wanita-wanita ikut keselesaan mereka.

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Minta laluan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Saya tertarik hati dengan masalah aurat dalam Islam ini. Saya ingin hendak bertanya, adakah rambut sahaja termasuk dalam kategori aurat dalam Islam mengikut hukum syarie.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan, bagi orang perempuan, semua batang tubuhnya aurat termasuklah rambutnya, pandangan daripada mazhab Shafie, mukanya, dua tapak tangannya dan dua tapak kakinya bukan aurat. Ada pun mazhab yang lain ada yang berpendapat semuanya aurat termasuk muka kecuali dua biji mata.

Saya rasa pandangan Imam Shafie adalah pendapat yang paling sederhana kepada orang-orang Melayu ataupun orang-orang Islam di Malaysia ini. Saya tidak katakan aurat itu rambut sahaja – tidak. Itulah sebagai suatu penjelasan.

Lagi pun kalau kita pakai, ia bukanlah berat macam ‘stamp role’, tudung kepala itu ringan sahaja sebab itulah kalau kita lihat orang-orang perempuan pun sanggup pakai topi keledar apabila diperundangkan, kalau tidak pakai kena denda RM100 atau RM50. Jadi, mereka pakai walaupun panas dan berat – mereka pakai kerana ada dendaan, ada deraan dalam perkara itu, adapun dalam pakaian Islam itu tidak ada deraan apa-apa, terserahlah kepada iman, tepuk dada tanya iman masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh satu lagi perkara iaitu tentang pembangunan masyarakat dan desa. Ini adalah suatu peruntukan baru yang saya lihat, yang telah diperuntukkan, sebelum ini tidak ada, ianya melibatkan sebanyak RM436.3 juta, semuanya ini adalah dikira sebagai perbelanjaan pembangunan. Kalau sekiranya apa yang dimaksudkan ini sebagai suatu pembangunan kepada masyarakat desa, kita mengharapkan supaya agihan peruntukan ini dilakukan secara yang sebaik-baiknya semoga masyarakat desa akan dapat menikmati peruntukan yang dibuat itu.

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, memang tidak tepatlah kalau baru sahaja Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan RM430 juta bagi pembangunan masyarakat desa kerana kerajaan sendiri mewujudkan satu kementerian khas – Kementerian Pembangunan Luar Bandar, semasa Tun Razak dahulu lagipun sudah ada dari segi pembangunan. Jadi, saya rasa tidak mungkin Kerajaan Barisan Nasional tidak mewujudkan – mungkin dalam tajuk-tajuk tertentu yang tidak khusus tetapi pembangunan luar bandar sentiasa wujud dan masyarakat luar bandar sentiasa terbela.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan. Mungkin peruntukan-peruntukan ini, misalnya, ada perkhidmatan kebajikan dan kemasyarakatan, ini diperuntukkan lebih kurang RM818 juta. Mungkin pada peruntukan-peruntukan belanjawan yang telah lalu, agihan kepada masyarakat dan desa melalui peruntukan yang saya sebutkan tadi. Saya sebutkan di sini ialah secara khusus dan saya lihat daripada penyata ini – Penyata Kementerian Kewangan untuk perbelanjaan tahun 2000, takkanlah Kementerian Kewangan buat benda ini buat-buat sahaja. Jadi, saya hendak mengucapkan terima kasih kerana keprihatinan pihak yang

berkuasa untuk melihat masyarakat di desa-desa dan kita hanya mengharapkan supaya agihan yang akan dilakukan dalam melaksanakan rancangan-rancangan bagi pembangunan masyarakat desa ini benar-benar akan sampai kepada targetnya dan sasarannya. Kita tidak mahu wang yang seperti ini nanti akan lebih banyak 'meleleh' di tepi jalan, itu sahaja yang hendak saya sebutkan, semoga peruntukan itu betul-betul sampai kepada rakyat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, bagaimana wang boleh 'meleleh' di tepi jalan ini. *[Ketawa]* Boleh Yang Berhormat Ustaz menceritakan sedikit cara-cara 'meleleh' di tepi jalan ini.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Yalah, dia 'singgah' di tepi jalan, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana caranya 'singgah' di tepi jalan atau di tengah jalan, itu saya rasa Dato' Abdul Aziz yang berkecimpung begitu lama dalam bidang perniagaan, saya rasa dia tahu. Saya sebut 'meleleh' ini kerana ia kecil-kecil sahaja RM10 atau RM20 yang 'meleleh' di tepi jalan itu. Yang besar mungkin berjuta-juta yang 'meleleh' tepi jalan, itu maksud saya. Saya ingat Dato' Aziz boleh bersetuju.

Jadi, itulah yang saya hendak sebutkan pada petang yang mulia ini dan mudah-mudahan dengan peruntukan-peruntukan yang dibuat dalam Anggaran Belanjawan 2000 ini akan memberikan keselesaan kepada seluruh rakyat negara ini dan kita harus ingat bahawa sebahagian daripada peruntukan ini adalah wang rakyat dan ianya mestilah dikembalikan kepada rakyat. Kita tidak harus mendabik dada bahawa sesungguhnya wang yang diperuntukkan sebanyak lebih kurang RM78 bilion itu bukanlah hasil daripada mana-mana pertubuhan politik. Saya rasa ia adalah hasil usaha semua pihak – korporat pun ada menyumbang, buruh pun ada menyumbang, petani pun ada menyumbang, pekerja yang gajinya di bawah RM500 pun juga ada menyumbang asalkan mereka ada mencarum di dalam KWSP kerana wang-wang di dalam KWSP itu sebahagiannya digunakan oleh kerajaan untuk pembangunan negara ini.

Satu perkara lagi yang hendak saya sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Minta laluan sedikit. Saya sudah dengar dua, tiga kali tadi disebut tetapi masuk kali ketiga ini saya ingin menanya sedikit. Bila disebut 'wang rakyat'.... *[Ahli Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri masih berdiri]* Saya minta laluan, Yang Berhormat. *[Ahli Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri duduk]* Ini boleh dikelirukan. Bila kita kata 'wang rakyat', ianya mesti

wujud daripada kerajaan yang amanah, kerajaan yang bertanggungjawab, yang selama ini kita tahu Barisan Nasional telah diberi mandat sehinggalah Pilihan Raya Kesepuluh ini. Jadi oleh itu, tidak timbul masalah penyelewengan oleh kerajaan sendiri. Jadi, bila kita sebut 'wang rakyat ianya mesti diagih', ianya menimbulkan satu tandatanya, bukan sahaja di dalam Dewan ini, di luar Dewan. Sebenarnya apa yang kerajaan telah buat adalah satu pembangunan yang boleh kita lihat di sekeliling kita ini dan di dalam Dewan ini kita pun datang daripada akar umbi. Kita datang daripada rakyat, kita sentiasa menyoalkan masalah-masalah rakyat. Jadi, kalau kita kata 'wang rakyat' seolah-olah macam kerajaan melupakan hak dan tanggungjawab, saya rasa ini tidak benar.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membuat tuduhan. Saya tidak tahulah kalau ada orang dengar saya menyebut perkataan 'menyeleweng'. Saya tidak sebut. Saya tidak sebutkan perkataan 'menyelewengkan duit rakyat', saya tidak sebut. Saya kata sebahagian daripada kumpulan wang belanjawan ini adalah hasil daripada pungutan cukai dan berbagai-bagai macam lagi kemasukan yang sebahagiannya adalah daripada rakyat termasuklah pekerja-pekerja yang gajinya di bawah RM500 dan juga petani-petani. Saya rasa ini tidak boleh kita hendak nafikan. Saya tidak katakan Kerajaan Barisan Nasional menyelewengkan wang. Memanglah kerajaan yang berkuasa, sesiapa pun dia, itu adalah suatu amanah bagi sesebuah kerajaan sama ada yang dipilih oleh rakyat ataupun melalui kuasa tentera belanjawan telah dikemukakan kerana ia adalah satu amanah. Saya pun tidak mengatakan bahawa kerajaan telah menyelewengkan amanah rakyat. Saya tidak menyatakan ada penyelewengan, itu satu tohmahan yang tidak berasas kerana saya pun tidak sebut perkataan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dalam Anggaran Belanjawan ini tentang perumahan. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian berunding atau mengadakan perundingan-perundingan yang agak kerap dengan pihak kerajaan negeri bagi mendapatkan kawasan tanah supaya rakyat yang tidak mempunyai tanah untuk tapak perumahan dengan ehsan ataupun dengan melalui perundingan dan dengan kebijaksanaan pihak kementerian dan juga kerajaan negeri supaya kerajaan negeri akan memperuntukkan tanah untuk diberikan kepada rakyat, sama ada diberikan secara percuma, misalnya seluas 50' x 80' k/p, kita berikan kepada rakyat. Saya juga mencadangkan supaya bagi memurahkan ataupun merendahkan kos pembinaan

rumah-rumah ini supaya bukan sahaja kita bina di bandar-bandar tetapi di luar bandar misalnya, 20 batu atau 20 kilometer daripada bandar, kita cari tanah-tanah milik kerajaan yang di tepi jalan, sama ada jalan itu jalan negeri ataupun jalan mukim supaya kemudahan-kemudahan asas yang sudah sedia ada kita boleh gunakan. Ini boleh mengurangkan harga rumah-rumah tersebut. Kemudian, rumah-rumah yang dibina ini kita berikan kepada mereka yang berhak. Ini adalah satu cadangan jika sekiranya difikirkan perlu tetapi tentu ianya memerlukan kepada ehsan daripada kerajaan-kerajaan negeri di seluruh negara ini kerana ia bukan satu perkara yang mustahil sebab ia boleh dirundingkan dengan penuh kebijaksanaan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan kerana sehingga ini kita masih lagi mendengar rungutan-rungutan ada rakyat yang langsung tidak mempunyai tanah, hatta untuk tapak rumah sekalipun. Ini yang perlu kita utamakan.

Jadi, saya berharap supaya Dewan ini sekurang-kurangnya mencatatkan bahawa sesungguhnya kalau sekiranya pihak kerajaan negeri memberikan ehsan kepada pihak kementerian, maka satu langkah yang perlu ataupun satu langkah yang bijaksana perlu diambil oleh pihak yang berkuasa bagi memberikan tanah-tanah itu kepada rakyat yang tidak bertanah dan tidak mempunyai tapak rumah.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Minta laluan sedikit ya. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat mungkin bersetuju dengan saya bahawa pengalaman kita tentang permohonan tanah ini, pengalaman-pengalaman yang lepas melalui kerajaan – bila pemohon memohon tanah, tanah diberi, pembangunan tidak dibuat, ianya menjadi hutan belukar. Apa yang dasar kerajaan buat sekarang ialah memberikan rumah kos rendah, rumah sederhana di mana rumah sudah siap untuk mereka tinggal dan sebagainya. Kita lihat sekarang ini permohonan pun hendaklah melalui saluran yang betul dan sebagainya. Ianya lebih jelas.

Kita dapati bahawa dengan memberi tanah menjadi masalah balik kepada masalah sekeliling. Orang kiri-kanan buat, dia tengah-tengah tidak buat rumah dan tanah itu pula dimanipulate harganya, untuk mendapatkan harga yang lebih baik. Saya rasa ini menimbulkan satu masalah bagi kerajaan. Oleh sebab itulah kerajaan kita membuat dasar mengadakan perumahan yang bersistem di mana siap dengan kelengkapan-kelengkapan infrastrukturnya sekali. Saya rasa ini lebih tersusun dan lebih munasabah bagi pembangunan. Ini pandangan sedikit.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan seperti mana yang dinyatakan. Kerajaan negeri beri tanah tetapi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bina rumah itu, dia yang membina rumah mengikut peruntukan-peruntukan yang ditentukan untuk membina rumah-rumah murah kepada rakyat. Bukan maknanya kerajaan negeri beri tanah, kemudian kita biarkan tetapi yang saya maksudkan itu ialah pihak pusat menguruskan supaya tanah yang telah diberikan kepada rakyat itu dapat dibangunkan rumah-rumah harga murah dan diagih-agihkan kepada rakyat sama ada dengan cara jual ataupun dengan cara subsidi. Katalah kita jual RM25,000, kita lihat kalau orang itu tidak mempunyai wang, kita beri subsidi kepadanya RM10,000, kalau dia ada dua orang anak bekerja. Kalau anaknya bekerja hanya satu orang kita boleh beri subsidi RM15,000 sekiranya kita benar-benar hendak selesaikan masalah perumahan orang yang termiskin di negara kita ini.

Saya melihat di negeri Selangor misalnya, saya kasihan sudah 43 tahun merdeka masih ada orang-orang yang di bawah paras kemiskinan ini diberi tanah rizab, rizab jalan dan juga rizab JPS, ini ada, saya boleh buktikan. Saya ingat Yang Berhormat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang memberi itu?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang memberi tanah rizab itu?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** ...Yang memberi kebenaran mungkin Pejabat Tanah Daerah yang membina setengahnya ialah Amanah Ikhtiar. Itu yang ada di tempat saya, di satu kawasan dalam negeri Selangor.

Saya ingat Yang Berhormat dari negeri Selangor pun ada di sini, kalau kenyataan saya ini tidak benar beliau boleh nafikan tetapi saya rasa kenyataan saya ini bahawa rumah-rumah orang yang di bawah paras kemiskinan ini, yang rumah mereka dibina di atas tanah-tanah rizab kerajaan, rizab jalan dan juga rizab parit tali air ini ada di negeri Selangor.

Jadi, saya haraplah haFhal yang seperti ini dalam sebuah negara yang sudah merdeka 43 tahun, sedangkan bumiputera masih ada lagi tinggal di atas tanah-tanah rizab tadi. Oleh itu perlulah kita bantu mereka supaya tanah-tanah rizab yang seperti ini bukan menjadi tapak tempat tinggal kepada bumiputera di negara kita ini.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Selangor nampak hendak jawab.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasihlah atas pandangan daripada Yang Berhormat Senator. Cuma saya ingin menyatakan apakah Yang Berhormat maklum juga bahawa selain daripada rancangan jangka pendek ataupun satu crash programme untuk mengatasi masalah-masalah penduduk yang sangat-sangat memerlukan rumah bahawa kerajaan negeri juga telah banyak kali mengeluarkan rancangan-rancangan tanah khususnya di kawasan Sabak Bernam kerana Yang Berhormat datang dari Sabak Bernam.

Jadi, mungkin itu satu perkara yang benar untuk satu crash programme serta merta oleh kerana dalam masa yang sama kita masih lagi memikirkan program-program jangka panjang seperti yang dilakukan di Merbau Berdarah dan sebagainya memang kita lakukan program yang mendesak sangat.

Jadi, mungkin Yang Berhormat juga maklum, kita juga pernah mengeluarkan tanah seperti Rancangan Tanah Semenanjung, Bernam 1, 2, Merbau Berdarah dan sebagainya. Itu juga harus diberikan pengakuan di sini. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang pertama kerana Yang Berhormat mengakui bahawa benar ada rakyat yang tidak bertanah ditempatkan di atas tanah-tanah rizab seperti yang dinyatakan.

Yang keduanya, saya juga mengakui benar bahawa sesungguhnya ada rancangan di Merbau Berdarah untuk orang-orang di sekitar Sabak Bernam yang masih lagi di bawah paras kemiskinan dan saya mengharapkan supaya langkah-langkah yang seperti itu boleh diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup sekadar itu dan terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sekadar untuk berkongsi pengetahuan dalam soal ini serba sedikit iaitu atas perkara yang telah ditimbulkan oleh Ustaz Hassan tadi, iaitu tentang pemberian tanah kepada rakyat. Apa juga pemberian yang diberikan oleh kerajaan lebih dirasakan oleh orang yang mendapatnya sebagai suatu pemberian yang kadang-kadang tidak perlu dibayar ataupun dijual kembali.

Umpamanya, satu contoh ialah di atas Bukit Antarabangsa sendiri kerajaan negeri ada memberikan tanah-tanah lot (TOL) kepada orang-orang yang tidak bertanah, hanya menunggu masa. Apabila tanah itu sudah berharga, kalau dahulunya hanya dengan dibayar RM1,000 kemudian apabila menjadi harganya RM50,000, maka tanah itu pun telah berpindah tangan dengan pengetahuan ihsan dan jasa baik daripada Pejabat Tanah sendiri. Maka maksud utama kerajaan memberikan kepada mereka yang tidak bertanah tidaklah tercapai. Hal ini berlaku di mana-mana.

Kemudian, satu contoh lagi di mana bila kerajaan memberikan rumah dan tanah di Kuala Kedah sendiri untuk nelayan-nelayan tetapi akhirnya mereka tidak bayar, RM30 sebulan pun tidak dibayar, yang duduk itu cikgu Melayu, petani, nelayan dan sebagainya sebab itu pemberian kerajaan, tidak perlu dibayar.

Kemudian, apa jadi kepada – tidak usahlah kita ceritakan panjang tentang pemberian tanah dalam skim FELDA dan sebagainya. Ini masalah yang saya rasa perlu dikaji semula oleh kerajaan bagaimana suatu pembahagian berlaku secara adil, mantap dan tidak berubah tangan bahawa itulah matlamat utama. Dan di samping itu apa yang kita bimbang sekarang, apa yang lebih menyakitkan hati dan lebih merisaukan rakyat sendiri ialah bagaimana orang-orang yang datang secara haram dan menduduki tanah secara haram dan membina rumah-rumah secara haram, rumah-rumah yang indah, besar yang diketahui oleh kerajaan negeri, yang boleh dilalui di antara jalan daripada Jalan Hulu Kelang, daripada Gombak terus ke Ampang Jaya, di sebelah kiri rumah-rumah yang dibangunkan, rumah-rumah besar di atas tanah kerajaan secara haram dan terus dibina rumah-rumah yang indah-indah haram. Bagaimana hal ini berlaku?

Ini haruslah – sebab ini terlalu jelas kepada rakyat bagaimana orang-orang yang datang secara haram atau datang secara permit, kemudian membina rumah-rumah besar, telah didedahkan haram, bagaimana perasaan rakyat negeri ini sendiri dan hal ini terus berlaku.

Jadi, hal inilah, masalah ini suatu masalah sosial yang besar, cabaran-cabaran baru terus datang dan hal ini tidaklah seharusnya penyelesaian cara lama, tapi memerlukan cara dan tindakan cara baru.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya berucaplah.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Err.....



**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah jawablah itu.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tanya sayakah, tanya Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah, itu ambil ingatan sahajalah.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad.

**2.58 ptg.**

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberikan saya laluan dan peluang kepada saya untuk turut sama membahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2000 yang telah dibentangkan pada 24 April yang lalu.

Sebelum saya pergi kepada perkara yang lebih lanjut, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Dr. Zeti yang telah dilantik sebagai Gabenor Bank Negara dan saya mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t dan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi kepercayaan dan penghargaan yang besar kepada golongan kaum hawa iaitu kaum wanita sejajar dengan kebolehan dan kelayakannya.

Tidak syak lagi bahawasanya kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional telah memberi ruang dan peluang yang luas kepada wanita terutamanya di bidang politik sejak kita merdeka. Sejak kita sebelum merdeka tahun 1955 telah memberi kepercayaan kepada wanita untuk bertanding dalam pilihan raya tahun 1955 iaitu Allahyarhamah Puan Halimatun binti Haji Abdul Hamid. Inilah wanita yang pertama yang menjadi wakil rakyat dalam Kerajaan Perikatan pada ketika itu tahun 1955. Dan seterusnya telah melantik Menteri yang pertama di kalangan wanita iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim dan seterusnya dalam pilihan raya-pilihan raya yang lain dengan menempatkan wanita sama dalam Barisan Kabinet Kerajaan Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional.

Dan kini satu laluan lagi telah diberi oleh kerajaan kepada kaum wanita bukan saja di bidang politik tetapi di bidang pentadbiran iaitu dengan melantik KSU-KSU di beberapa kementerian dan diplomat di luar negeri dan kini kita menghargai dan menyanjung tinggi atas sanjungan kerajaan dengan memberi kepercayaan kepada

Yang Berbahagia Datuk Dr. Zeti dengan melantik beliau sebagai Gabenor Bank Negara yang mana dengan pengalaman dan kelayakan beliau dan saya berdoa kepada Allah s.w.t mudah-mudahan Allah sahaja akan memberi taufik dan hidayah dan keredaan semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab amanah yang besar kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang ekonomi mengenai krisis kewangan dan ekonomi serantau dan global yang telah kita hadapi dan alami bersama dengan izin Allah dan berkat doa serta usaha-usaha para pemimpin yang pragmatik dan inovatif, alhamdulillah ekonomi negara kita telah pulih dan saya amat bersyukur kepada Allah s.w.t dengan izinNya telah memberikan kekuatan kepada pemimpin kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin kita yang berwibawa dan saya sangat tertarik hati dengan usaha-usaha kerajaan seperti mewujudkan MTEN, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, Dana harta, Dana modal, menetapkan nilai mata wang ringgit, jawatankuasa penyusunan semula harta dana hutang korporat, tabung-tabung khas dan pelbagai lagi tindakan yang saya kira luar biasa tetapi nampak terancang, berstruktur dan sistematik di mana hasilnya sangat membanggakan.

Kini ekonomi kita telah pulih. Walau bagaimanapun, kita perlu berhati-hati dan bersatu menyokong usaha-usaha kerajaan dalam memulihkan ekonomi, mudah-mudahan mendapat keredaan Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan usaha-usaha pemulihan ekonomi yang dijalankan menerima pandangan positif daripada pakar-pakar ekonomi kewangan dunia, saya mencadangkan kini ekonomi kita telah pulih supaya segala tindakankita ini dikumpul dalam satu laporan khas bagi bahan-bahan rujukan sejarah atau ilmiah agar dapat diguna pakai oleh generasi anak cucu kita dan dijadikan satu panduan, iktibar. Saya rasa usaha-usaha ini amat penting dari segi aspek sejarah warisan negara kita dan sejarah ekonomi dunia dan sepatutnya sangat dijadikan bahan-bahan kajian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai B.35 Kementerian Dalam Negeri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Menteri Dalam Negeri yang juga merupakan Timbalan Perdana Menteri dan juga pasukan keselamatan yang telah berjaya menjaga ketenteraman negara terutamanya baru-baru ini berjaya mengelakkan berlaku cetusan tunjuk perasaan dan demonstrasi. Sebenarnya mereka yang masih menagih perusuh ini adalah mereka yang tidak dapat

menerima hakikat bahawa sistem pemerintahan negara yang berteraskan prinsip demokrasi dan bertunjangan pilihan raya dan sistem kehakiman yang bebas dan sistem Parlimen yang merupakan forum suara rakyat.

Ketiga, forum ini memberi kepada rakyat untuk mengemukakan rasa tidak puas hati, ketidakadilan dan rasa hasrat hati. Semuanya ini telah diteruskan dan ditunaikan dan rakyat telah memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional, hukuman di bawah membawa keadilan kepada rakyat dan pembangkang terus bersuara lantang sama ada di Parlimen ataupun di luar Parlimen tanpa sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.34 iaitu Kementerian Kesihatan. Dalam konteks kesihatan, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kesihatan yang baru-baru ini telah menyatakan usaha kementerian untuk mengawal kos khidmat kesihatan kepada rakyat. Saya amat mengalu-alukan usaha-usaha ini dan saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian menitikberatkan kualiti dan kos ubat-ubatan. Ubat ini bukan sahaja perlu dikawal rapi dari aspek harga tetapi juga ubat tiruan yang selalunya menjadi mangsa ialah orang di kawasan luar bandar malah juga di kawasan bandar. Sekalipun kita terpaksa berhati-hati kerana terdapat ubat-ubat yang diedarkan adalah tidak lagi mempunyai keasliannya.

Saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya mengawal lebih rapi lagi ubat-ubat keperluan asas, ubat-ubat penahan sakit seperti Panadol, ubat batuk, dialisis, sakit jantung dan lain-lain lagi yang perlu dikaji oleh pihak kementerian. Saya menyuarakan perkara ini kerana kita tahu harga ubat-ubat yang sebenar perlu diperlukan oleh pesakit. Pesakit mudah sangat tertipu dengan ubat kerana terdesak untuk mendapatkan ubat-ubat ini.

Saya ingin menyarankan pihak kementerian menggunakan Internet dan teknologi telekomunikasi untuk mengesan ubat-ubat dan menyenaraikan jenis dan harga ubat-ubat. Penggunaan menerusi internet banyak dapat memberi maklumat yang terperinci dan tepat untuk kemudahan maklumat kepada pesakit-pesakit dan waris-waris pesakit.

Saya menyarankan juga kerajaan memberi perkhidmatan dalam bentuk pendidikan kepada ibu bapa dan juga keluarga pesakit supaya keluarganya dapat memahami apa dia jenis-jenis penyakit dan ubat-ubat untuk diberi kepada pesakit kerana kadang-kadang pesakit yang tua-tua biasanya apakala membuat temujanji

dengan doktor, mereka masuk seorang-seorang, hanya dengan nurse. Kadang-kadang lain apa yang doktor cakap, lain pula yang difaham dan inilah menjadi satu kekeliruan dan menyebabkan tersilap makan ubat dan tersilap dapat maklumat yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Pendidikan berapa jumlah sebenarnya mereka yang cacat yang kian meningkat, contohnya masalah autism. Dalam perkara ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan dan Kebajikan jumlah mereka yang cacat otak, bercakap dan lain-lain jenis cacat.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi perhatian yang lebih serius mengenai mereka yang cacat ini kerana jumlahnya semakin meningkat. Dalam menyentuh kebajikan ini walaupun kita tahu kerajaan perlu banyak memberi bantuan tetapi rakyat perlu juga sedar bahawa kita juga mempunyai tanggungjawab untuk memberi kerjasama dalam bentuk secara sukarela untuk meringankan beban dan masalah masyarakat bersama. Contohnya, menambahkan kakitangan sukarela bagi memberi manfaat kepada rakyat dan juga orang-orang tua dan sakit, orang-orang uzur dan cacat, kerajaan perlu meningkatkan program 'sentuhan kasih' yang boleh merupakan rasa kasih sayang antara sesama kita, seterusnya menimbulkan dan mewujudkan masyarakat penyayang.

Saya ingin mencadangkan supaya kerja sepadu bagi mewujudkan sukarelawan ini antara Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Kesihatan perlu diadakan bagi mewujudkan sukarelawan ini untuk membantu rakyat di kampung-kampung dan di luar bandar. Kebajikan kepada orang tua dan masyarakat yang seumpama ini contohnya, masyarakat yang memerlukan pertolongan di luar bandar di mana keadaan di luar bandar ini pengangkutannya amatlah susah sekali dan perlu diwujudkan pasukan sukarela ini dengan menggunakan kemudahan-kemudahan seperti van dan lain-lain lagi bagi menolong masyarakat luar bandar yang uzur dan cacat ini. Sebenarnya, pengangkutan adalah satu masalah lama yang tentu sekali dalam alaf baru berteknologi ini pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah remaja. Hari ini ramai orang bercakap baik dalam Dewan ataupun di luar Dewan masalah remaja, masalah disiplin, masalah gengsterisme dan lain-lain lagi semua ditujukan kepada remaja. Bagi saya,

saya tidak begitu tertarik sangat untuk menuduh remaja-remaja kita ini. Sebenarnya, sejak merdeka kerajaan telah membuka ruang, peluang, pengajaran, kefahaman, pendidikan, dakwah, pelbagai dakwah kepada masyarakat terutamanya muda-mudi, generasi dan juga orang dewasa. Kita semua mesti faham bahawasanya masyarakat kita hari ini kalau kita mengikut kajian Islamnya ialah masyarakat dunia akhir zaman. Kita mesti faham baha wasanya manusia kita hari ini terdedah kepada hawa nafsu dan kebendaan. Kadang-kadang manusia ini tidak kenal lagi apa itu sebenar, apa yang tidak sebenar. Benarlah Tuan Yang di-Pertua, saya terkenang kepada satu hadis Rasulullah s.a.w. ketika balik dari satu peperangan dan mengatakan kepada sahabat-sahabatnya dengan sabdanya [*membaca sepotong hadis*] - “Kita balik daripada satu peperangan yang kecil dan akan menuju kepada peperangan yang lebih besar. Apa dia peperangan yang lebih besar ialah peperangan melawan hawa nafsu.”

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya umat Muhammad ini akan diduga dengan hawa nafsu tidak sebagaimana umat-umat di zaman dahulu, umat-umat Nabi Noh, umat-umat Nabi Lut yang diturunkan dengan pelbagai bala dengan terbalikkan tanah menjadi laut dan umat nabi Noh dengan diturunkan bala dengan ribu taufan tetapi umat Nabi Muhammad ialah Allah S.W.T. turunkan bala melawan hawa nafsu. Maka hari ini tidak dapat dinafikan bahawasanya umat Islam sedang teraba-raba walaupun dakwah Islamiah sejak kita merdeka hingga hari ini terlalu banyak kalau hendak dibandingkan pada masa sebelum kita merdeka semasa kita menjadi abdi kepada penjajah British dahulu. Kita tidak dapat belajar apa pun ilmu, hanya belajar sekadar fardhu ain di pondok-pondok dan menerusi guru-guru di kampung-kampung.

Maka hari ini umat Islam sendiri tidakkah merasa bersyukur kepada Allah S.W.T. yang telah memberi taufik hidayah kepada pemimpin-pemimpin kerajaan dengan membentuk pelbagai pembentukan rohani, pembangunan rohani dan fizikal? Kadang-kadang kita lupa, kita hari ini masih ramai yang menafi bahawasanya kerajaan tidak membuat apa-apa selama memerintah 43 tahun. Ini adalah suatu penafian bukan sahaja kepada manusia tetapi kepada Allah S.W.T. yang telah memberi sebegitu rahmat dan nikmat kepada kita. Kita berada di Dewan yang mulia ini ialah kerana taufik hidayah yang telah Allah S.W.T. berikan melalui kepimpinan UMNO yang ada hari ini. Tidak dapat dinafikan bahawasanya selagi kita berpegang kepada apa yang tercatat dalam perlembagaan UMNO bahawasanya hasrat dan niat UMNO ditubuhkan yang pertama, memerdekakan negara, meninggikan syiar Islam,

menjaga kepentingan Melayu, kepentingan ketuanan Melayu dan juga maruah bangsa, agama dan negara. Maka, hari ini kita sedarkah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hari ini bukan lagi satu bangsa yang menjadi hamba abdi kepada penjajah. Kita hari ini menjadi bangsa yang merdeka yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T. melalui Kerajaan UMNO, Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional.

Alhamdulillah, dari satu kepimpinan kepada satu kepimpinan kerajaan terus berusaha membangunkan negara ini baik dari segi rohaninya dan pembangunannya. Kalau dahulu saya ingatkan satu kisah di mana salam, Tuan Yang di-Pertua, "Assalamualaikum" itu bukan pakaian orang-orang macam dalam Dewan ini. Salam dikenal sebagai salam pengemis ataupun minta sedekah yang datang ke rumah kita "Assalamualaikum" itulah digunakan salam itu. Walhal "Assalamualaikum" yang begitu mulia yang diucapkan sebagai kalimah sejahtera itu kita tidak faham salam itu untuk kesejahteraan semuanya. Tetapi kita kata bila "Assalamualaikum" maknanya salam itu orang peminta sedekah. Tetapi Alhamdulillah sejak kerajaan memperkenalkan "Assalamualaikum" ini melalui TV, melalui radio ketika itu maka salam telah dipopularkan oleh kerajaan hingga ke hari ini, siapa sahaja yang bersua sesama Islam mengucapkan "Assalamualaikum" dengan yang bukan Islam, "Selamat Sejahtera". Tidakkah manis dan sejahtera kita semua. Inilah dakwah yang dimainkan oleh kerajaan hari ini dan pelbagai lagi usaha-usaha kerajaan dalam membentuk pembangunan rohani.

Saya kira di Terengganu sahaja, saya ingin mendedahkan kepada Dewan yang mulia ini, sejak 40 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah Terengganu, pelbagai pembangunan Islam telah diwujudkan seperti Maahad Tahfiz, Kolej Sains Pendidikan, Kolej Matrikulasi, Perpustakaan Negeri dan Daerah Bergerak, Taman Rahmat, dua ribu kelas fardu ain dan fardu kifayah. Dari segi pembangunan ekonomi, Kerajaan Negeri Terengganu telah mendirikan pajak gadai Islam, Tabung Warisan Islam, syarikat pengurusan aset harta Islam, syarikat sekuriti Islam dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional walau di mana-manapun, peka dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya baik dari segi agama ataupun dari segi hal ehwal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingat bahawasanya dalam pembentukan generasi al-Quran, Kerajaan Perikatan pada masa pemerintahan yang dipimpin oleh Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah memulakan tilawah al-Qurannul Karim sejak

tahun 1957. Sekarang hampir 42 tahun peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangnya ketika itu bagi negara-negara Islam di seluruh dunia hingga ke hari ini, selama 41 tahun. Dulu kita kenal negara-negara Islam yang minoriti yang menyertai tilawah al-Quran. Kadang-kadang kita ketawa kerana bacaan mereka itu tidak begitu betul dan sempurna. Maka Alhamdulillah, dengan sejak usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional dari sejak Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussien Onn sampailah kepada zaman Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi ruang dan peluang kepada negara-negara minoriti Islam untuk menyertai tilawah al-Quran di peringkat antarabangsa ini.

Alhamdulillah, kita tengok ramai yang datang itu mempelajari daripada apa yang kita buat, mereka meminta kaset-kaset al-Quran, mereka meminta bantuan guru-guru untuk mempelajari al-Quran secara betul, tajwid, fasahah, lagu dan sebagainya. Maka Alhamdulillah, pada tahun lepas kita tengok keluar juara daripada Kemboja sebagai Johan Tilawah. Ini adalah satu hasil pendekatan Islam menerusi al-Quran kerajaan kita dengan kerajaan-kerajaan Islam sama ada Islam di luar negeri yang minoriti atau sebaliknya. Maka inilah usaha-usaha kita yang saya kira amat membanggakan. Maka kita sebagai seorang Islam kita patut berterima kasih pada kerajaan dan bersyukur kepada Allah. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Saya sebut ini adalah amanah daripada al-Quran, *“Bahawasanya apa juga nikmat-nikmat yang Allah berikan kepada kamu itu hendaklah kamu menyebutnya.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Jabatan Perdana Menteri iaitu mengenai mahkamah syariah. Saya bersyukur dan berterima kasih dan ucap tahniah kepada kerajaan dalam usaha-usaha memperkemaskinikan hukum syariah dan mewujudkan mahkamah syariah walau bagaimanapun perlu diberi perhatian yang lebih serius lagi terutamanya daripada sistem mahkamah itu sendiri. Saya menyarankan di sini:

- (i) mewujudkan mahkamah khas untuk keluarga sahaja;
- (ii) mewujudkan cara perbicaraan dan konsep mesra keluarga supaya pihak yang bertelagah dapat menghadapi suasana yang lebih tenang dan tidak terlalu emosional sebagaimana kebiasaan yang berlaku di mahkamah yang menempatkan tertuduh di dalam kandang pesalah;

- (iii) mengadakan sistem permohonan 'ex-party' yang boleh dipohon pada bila-bila masa terutamanya yang melibatkan kes anak-anak seperti permohonan untuk tuntutan penjagaan anak;
- (iv) mengatasi kekurangan hakim-hakim dengan menambahkan bilangan hakim setiap daerah
- (v) skim gaji hakim juga masih ditanggung oleh skim perkhidmatan di bawah Kerajaan Persekutuan;
- (vi) penggubalan akta guna sama perkhidmatan pegawai syariah di negeri-negeri masih belum ada kekuasaan akta tersebut;
- (vii) mewujudkan jabatan kaunseling di bawah bidang kuasa jabatan khidmat, jabatan kehakiman dan kaunselor juga dikenali sebagai pegawai mahkamah; dan
- (viii) peruntukan kewangan mesti juga ditambah untuk menyiapkan seseorang kakitangan mahkamah dengan kemahiran dan latihan dan pengamalan.

Saya juga ingin menyarankan juga peningkatan kesedaran di kalangan rakyat perlu dipupukkan untuk mematuhi hak mereka di sisi undang-undang. Sebab-sebab wujudnya keraguan dan salah faham mengenai hukum Islam dan kurangnya kefahaman pihak masyarakat, maka pihak JAKIM perlulah meningkatkan program kesedaran kepada rakyat supaya rakyat faham berkenaan dengan apa juga yang dihakimkan perlu bantuan menegakkan hak-hak, tanggungjawab dan penyatuan sistem kehakiman dan pelaksanaan hukum-hukum Islam.

Dan juga saya menyarankan peningkatan imej, mahkamah syariah perlu juga memastikan peraturan-peraturan dan pelaksanaan hukum yang dijalankan sepenuhnya dan juga menjawab segala isu-isu yang berbangkit dan menangkiskannya dengan wajar sekiranya reputasi mahkamah syariah digembar-gemburkan melalui akhbar, pihak mahkamah perlulah menjawab dengan cara terbaik supaya mengukuhkan keyakinan masyarakat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit lagi mengenai remaja ini. Selain daripada mewujudkan kerjasama sepadu antara kementerian-kementerian, jabatan agama Islam di negeri-negeri juga perlu mewujudkan pusat bimbingan dan pusat latihan kepada belia-belia dan juga remaja-remaja yang terlanjur sebagai mana yang telah diwujudkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan



mewujudkan pusat pemulihan wanita yang dinamakan Darus Saadah. Dengan ini boleh menolong gadis-gadis yang terlibat dengan masalah ini sama ada mereka mengandung atau sebagainya dan juga boleh menolong ibu bapa yang merasa tekanan akibat anaknya ditimpa masalah yang sebegini dan boleh menyelamatkan bayi yang tidak berdosa.

Sejak Pusat Perlindungan Wanita Islam di bawah Majlis Agama Islam ini ditubuhkan, JAWI telah pun dapat memulihkan seramai lebih 300 orang gadis-gadis yang bermasalah dan balik ke pangkuan masyarakat dan anak-anak bayi yang tidak berdosa telah kita selamatkan. Saya amat dukacita bila dibuat kenyataan oleh Timbalan Menteri pagi tadi bahawasanya banyak bayi yang telah dibuang merata-rata dan ini menjadi satu keaiban kepada kita. Maka saya kira dan saya mengesyorkan supaya daripada Majlis Wang Zakat dan Baitulmal, Majlis Agama Negeri-negeri dapat membantu mewujudkan pusat-pusat seumpama ini bagi menolong bukan sahaja wanita tetapi remaja laki-laki.

Saya alhamdulillah syukur dan tahniah kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah dapat mewujudkan pelbagai pusat bimbingan dan pelbagai kemahiran untuk belia-belia di Wilayah Persekutuan, seumpamanya mewujudkan, mendirikan satu kompleks yang dinamakan Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam Wilayah Persekutuan yang terletak di Karak Highway, dan telah mewujudkan Pusat Kemahiran Baitulmal, di mana dapat mendidik dan memberi pengetahuan yang basic seumpama jahitan, elektrik, pendawaian dan sebagainya bagi menolong belia-belia dan beliawanis melatih kemahiran di situ dan sekarang sudah banyak saya kira yang telah menjalankan perniagaan sendiri. Maka saya syorkan supaya Majlis Agama Negeri-negeri memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat Islam di negeri masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada laluan nampaknya.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat To' Puan kerana memberi laluan kepada saya. Cuma dalam penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi mengenai program-program yang telah dijalankan di Wilayah ini kepada belia dan beliawanis apakah ianya dapat banyak menuju kepada pembelaan dan dapat menyelesaikan masalah-masalah belia, beliawanis Wilayah berbanding dengan negeri-negeri lain. Terima kasih.

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada angka kerana saya ini bukan Menteri, saya sama status dengan Yang Berhormat tetapi pada anggapan saya bahawasanya apa yang telah kita latih menerusi pusat pemulihan tadi saya kira dapat banyak membantu wanita-wanita dan gadis-gadis malang untuk balik ke pangkuan Islam, kerana mereka ini kadangkadangkang jahil dengan ajaran Islam oleh kerana keluarga masing-masing dan kadangkadangkang oleh kerana terpengaruh dengan keadaan sekeliling dan berbagai-bagai lagi yang saya kira banyak dapat membantu, tetapi kerana Wilayah ini saya kira tempat melimpah segala macam manusia, saya rasa itu terpulanglah kepada masyarakat Wilayah menilainya, tetapi sedikit sebanyak dapat menolong masyarakat, dapat menolong gadis-gadis yang menjadi mangsa keganasan dan mangsa sosial di ibu kota ini kerana yang datang itu pun bukannya orang Wilayah sendiri, kadangkadangkang yang datangnya daripada Kelantan banyaknya kerana mereka mencari pekerjaan di sini, kerana tidak ada kerja di tempat masing-masing. Ini terpaksa kita terima dan juga negeri-negeri lain. Inilah saya katakan satu bimbingan yang harus kita wujudkan di negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita bercakap mengenai tidak ada disiplin dan rosak akhlak, saya juga ingin menyarankan agar pihak kerajaan melihat kepada masalah gangsterism yang berleluasa. Takut nanti ada pula berlakunya kejadian tembak-menembak di sekolah. Maka ini hendaklah dipertingkatkan pengawasan terhadap murid-murid terutamanya diperiksa untuk memastikan senjata api tidak dibawa ke sekolah ataupun apa-apa jenis senjata yang boleh mencederakan manusia. Ini sebagai satu langkah beringat-ingat. Walaupun kejadian ini belum berlaku, kawalan yang lebih berkesan perlu dibuat ke atas penyiaran program-program TV yang berunsurkan keganasan dan juga kedai-kedai video yang perlu diawasi bukan sahaja daripada menjual video berunsur seks tetapi juga program-program yang berunsurkan keganasan.

Dalam menyebut tentang keganasan ini, saya suka menyebutkan tentang pendatang haram ke negeri kita ini yang banyak juga menyebabkan keganasan di negara kita ini yang merupakan keganasan seperti membunuh dengan kejam, seperti apa yang berlaku kepada isteri bekas Senator kita Dato' Rashid yang juga merupakan satu gejala sosial yang perlu dibendung. Maka saya mengesyorkan di sini selepas ini Tuan Yang di-Pertua membaca Fatihah dan bertafakur untuk isteri allahyarham bekas

Senator Rashid. Adalah amat dikhuatiri tentang masalah keganasan yang semakin menjadi, pihak Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan pelbagai usaha mengawal keadaan ini, kita ucapkan tahniah. Walau bagaimanapun usaha-usaha perlu dipertingkatkan.

Saya juga ingin menyentuh kebajikan penggunaan perkhidmatan bank atau masalah kad ATM. Masalah ini sebenarnya telah lama berlaku dan telah diberitahu kepada pihak kementerian tetapi dipandang tidak begitu serius. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk memastikan kecurian wang ATM ini dihentikan, jika tidak, pengguna akan hilang keyakinan daripada sistem tersebut.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali dan rombongannya kerana telah melakukan suatu lawatan peri kemanusiaan ke Iraq. Saya dengan ini melahirkan sokongan yang jitu dan mendesak PBB menghentikan semua sekatan yang dikenakan ke atas Iraq agar kesejahteraan anak-anak dan rakyat Iraq dapat dibela. Kita sesungguhnya insaf dengan nasib mereka dan di sini sekali lagi kita perlu bersama bersyukur ke hadrat Allah s.w.t di atas kesejahteraan dan keamanan kita.

Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Sekian, terima kasih. Wassalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun dahulu lebih awal nampaknya. Kena lompat cepat sikit boleh. *[Ketawa]*

**3.40 ptg.**

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta dalam perbincangan Akta Perbekalan dan Belanjawan Tahun 2000. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan, walau bagaimanapun kata rakan saya tadi, Ustaz Hassan, dia kata kerajaan pinjam duit banyak daripada luar negara RM9 bilion, maknanya 12.3% daripada Belanjawan yang dibentangkan. Kalau tidak pinjam mungkin masyarakat saya tidak merasa. Jadi dengan pinjam inilah rasanya yang kerajaan beri kepada masyarakat saya. Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih dengan pembangunan kebajikan sebanyak RM30.5 juta, manakala projek penempatan semula kampung Orang Asli termasuk projek sosio ekonomi dan bekalan air bersih sebanyak RM46 juta.

Tuan Yang diPertua, yang pertama, B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya memohon kepada kerajaan perlu melihat kedudukan kekuatan jabatan sayalah, Jabatan Orang Asli. Menurut ajaran Islam ada menyatakan bahawa “tiada kaum lain yang boleh memajukan kaum itu kecuali kaum itu sendiri”. Berpandu kepada ajaran ini saya percaya Jabatan Perkhidmatan Awam bersetuju dengan saya kalau dilihat dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak terdapat seorang pun pegawai yang memegang jawatan dalam kategori pengurusan dan professional iaitu Kumpulan A dahulunya. Biasanya kumpulan inilah yang merangka dasar, membuat perancangan mahupun pelaksanaan di dalam sesuatu agensi. Saya percaya dan yakin setakat 31 Januari 1999 terdapat 51 anak-anak Orang Asli yang telah lulus di peringkat sarjana muda, 2 orang sarjana dan 2 orang kelulusan Ph.D. Mereka ini saya percaya boleh dipanggil untuk datang memberi khidmat di dalam jabatan tersebut untuk memberi khidmat bagi membangunkan kaumnya seperti ajaran Islam yang saya nyatakan sebelum ini. Saya memohon Jabatan Perkhidmatan Awam merealisasikan ajaran Islam tersebut.

Tuan Yang diPertua, yang kedua adalah B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Di kalangan atlet yang menyumbang kejayaan daripada luar negara terdiri daripada kaum-kaum etnik peribumi di mana kekuatan luar biasa yang terdapat di kalangan mereka memang luar biasa. Tidak dinafikan semasa saya dalam alam persekolahan dahulu anak-anak bangsa saya tidak kurang hebatnya dalam pelbagai arena sukan. Tetapi pada ketika itu, walaupun ketika ini tidak terdapat kesungguhan oleh pihak kerajaan untuk melahirkan atlet-atlet atau ahli sukan yang perlu diasah menjadi ahli sukan bertaraf dunia. Tambahan pula.....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Minta laluan, terima kasih. Kita ingin tahu apakah rahsianya anak-anak kita Orang Asli ini hebat-hebat. Jadi mungkin Yang Berhormat Datuk Long dapat menerangkan. Sebab kita sekarang ini memang memerlukan ubat-ubat kuat seumpama ini.

**Datuk Long bin Jidin:** Kuat yang pertama, Tongkat Ali, [*Ketawa*] yang semua orang minat tetapi malangnya Tuan Yang diPertua, Tongkat Ali yang ada dalam pasaran itu bukan Tongkat Ali sebenarnya, yang itu adalah pasak bumi tetapi dieksploitasi disebut Tongkat Ali. Tongkat Ali sebenarnya tidaklah sebesar peha, sebesar betis, ia tidak lebih daripada ibu jari sahaja, itu Tongkat Ali sebenar. Manakala bagi yang hendak suka berjaga disebut Ubi Jaga. Bagi perempuan yang

memerlukan kehebatan disebut Kacip Fatimah pun ada, macam-macam. Jadi kalau saya hendak sebut panjang. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat berminat selepas ini di luar Dewan saya boleh beritahu satu persatu.

Tambahan pula kerajaan pada masa ini telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam menyediakan kemudahan sukan, janganlah kita hanya diiktiraf sebagai negara penganjur sukan terbaik di dunia tetapi tidak menyumbang sebarang pingat untuk negara. Saya mencadangkan kepada kerajaan kenapa tidak Kementerian Belia dan Sukan menyediakan sekolah khas sukan yang bukan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan kerana ianya mempunyai agenda yang berlainan. Saya melihat komitmen ini amat perlu kalau dilihat atlet-atlet kita terpaksa melupakan atau berehat sementara kerana tumpuan mereka terhadap pelajaran lebih diutamakan. Adalah disedari bahawa terdapat sekolah sukan iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Menengah Bandar Sri Petaling yang mana atlet ini mengikuti pakej pendidikan dengan Kolej Yayasan Pelajaran Mara dan ianya merupakan private tuition, dengan izin, dan sekolah-sekolah sukan di negeri-negeri. Tetapi saya mencadangkan komitmen kerajaan supaya sekolah ini seharusnya ditaja dan dilaksanakan oleh kerajaan secara total dan dengan cara lebih meluas lagi dan kalau boleh melalui Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada fakta terdapat 65% pertubuhan belia yang telah dibatalkan di bawah seksyen 14 Akta Pertubuhan 1966. Ini merupakan petunjuk bahawa keupayaan persatuan-persatuan belia didapati 'hidup segan mati tak mahu'. Tidak ada yang menarik dan yang memberi manfaat kepada mereka. Belia dan beliawanis merupakan aset penting kepada negara. Saya berkeyakinan untuk kita mewujudkan ke arah perpaduan dan jati diri, ianya boleh dipupuk dengan lebih berkesan seandainya persatuan-persatuan belia ini boleh berjalan dan aktif dengan bantuan pejabat-pejabat belia di daerah-daerah. Untuk mengelakkan terlalu banyak persatuan belia, saya mencadangkan kepada kementerian supaya hanya dalam sesuatu daerah itu bolehlah diwujudkan persatuan belia seperti Majlis Belia Daerah dan Persatuan Belia Mukim atau Jajahan.

Rasionalnya adalah pemimpin-pemimpin belia setempat memang sukar dicari yang mempunyai komitmen yang tinggi dan betul-betul berkemampuan. Di samping itu ianya mampu memupuk perpaduan di antara kaum di negara ini, tidaklah seperti apa yang berlaku sekarang ini ianya wujud persatuan-persatuan yang berbentuk

perkauman. Manakala pegawai-pegawai belia dalam sesuatu daerah itu haruslah ditambah, tidak seperti sekarang ini hanya seorang pegawai dan kadangkala ada seorang pembantu, kadangkala tidak ada langsung.

Tuan Yang diPertua, yang ketiga, B.19 Kementerian Pertanian. Negara kita memang masih lagi mengimport makanan utama seperti beras. Mengikut laporan akhbar sama ada betul atau tidak betul, lebih kurang RM23 milion bagi setiap tahun, ini merupakan satu jumlah yang besar. Seandainya negara pembekal makanan utama ini menghadapi masalah, kita akan menerima tempas atau mungkin kebuluran, rakyat akan menderita.

Tuan Yang diPertua, apabila kita bercakap berkaitan dengan padi dan beras fikiran kita terus berfikir sama tentang tanah, bekalan air untuk pengairan sawah dan kos pengeluaran yang tinggi termasuk subsidi harga dan baja. Tuan Yang diPertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah ada sebarang kajian terhadap padi-padi yang dianggap kuno iaitu padi bukit yang ditanam oleh masyarakat yang tidak berteknologi tinggi dalam pertanian. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanaman padi ini tidak memerlukan sistem pengairan dan perparitan walaupun ianya nampak kuno dan ketinggalan zaman tetapi saya memohon kepada kerajaan cuba buat kajian.

Semasa saya berkempen di Sanggah, Pahang baru-baru ini, semasa berkempen pengundi-pengundi telah menghidangkan saya nasi beras yang wangi dan enak rasanya dan padan dengan ikan masin dan sangat menyelerakan. Di sini saya maklumkan maklumat yang saya terima berkaitan dengan spesis padi bukit di antaranya ialah:

- (i) Padi yang banyak hasil disebut padi coreng.
- (ii) Padi dan beras yang wangi tarafnya sama dengan beras Siam - padi nandung, padi sungkai, keluing, perak dan tambun.
- (iii) Padi beras ringan bertaraf MR211 yang dikeluarkan oleh MARDI boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh 90 hari iaitu padi pancur dan padi bemban.
- (iv) Padi yang boleh ditanam di kawasan berair atau bukit-bukit, dalam air boleh, atas bukit pun boleh, padi lebat cekur.
- (v) Padi yang boleh menghasilkan nasi yang lembut, padi julai ataupun padi bujuk.

- (vi) Padi yang boleh melawan padi angin ataupun 'uraiza satiwa complex' termasuk 30 jenis padi angin adalah padi merak. Padi angin ini yang ia berbuah habis bertabur ia gugur tetapi padi merak ini kekal, tiup angin taufan pun masih macam itu juga.
- (vii) Terdapat 44 jenis padi bukit dan termasuk padi pulut yang masih ditanam dan popular di kalangan mereka iaitu padi lebir, lebar, dokong, jawa, serai, dokong jawi, tampoi, siamang dan lain-lain. Banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi maklum bahawa baru-baru ini pihak MARDI telah pun mengambil sampel-sampel padi tersebut dan saya memohon kepada kerajaan memberi sedikit peruntukan supaya padi-padi ini dapat dikaji, dihybrid dan kalau boleh dimajukan kerana ianya tidak memerlukan kos yang tinggi dalam kos pengeluarannya termasuk juga padi-padi bukit daripada rakan saya daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, B.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dalam kementerian ini terdapat sebuah jabatan yang telah pun diwujudkan berpandukan Akta 134, Akta Orang Asli 1954. Dalam akta ini, lebih kepada isu-isu keselamatan yang mana masyarakat ini terdedah kepada ancaman anasir komunis pada masa itu. Sehingga kini, jabatan ini telah pun diletakkan di bawah pelbagai kementerian daripada Kementerian Dalam Negeri ke Kementerian Luar Bandar dan akhir sekali pada masa ini telah diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun berada di millenium baru, di abad ke-21. Saya mencadangkan nama jabatan ini daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kepada Jabatan Pembangunan Orang Asli yang lebih fokus berasaskan "development oriented", dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, dengan nama yang lama seolah-olah masyarakat Orang Asli mempunyai sifat bergantung kepada kerajaan dalam pelbagai urusan. Agensi lain seolah-olah tidak boleh terlibat dalam pelbagai aktiviti untuk masyarakatnya dan menimbulkan pelbagai persepsi sehingga ada kerajaan-kerajaan negeri tidak mengambil kira kepentingan masyarakat Orang Asli dan ianya merupakan tanggungjawab Persekutuan.

Sebagai contoh, di negeri Perak dan Johor baru-baru ini dalam akhbar menyatakan tidak ada orang miskin di kedua-dua negeri, sedangkan di kedua-dua negeri ramai terdapat daripada Orang Asli yang miskin dan termiskin. Dalam banyak perancangan, Orang Asli sentiasa dilupakan kecuali ..... tidak payah sebutlah. Tuan Yang di-Pertua, hendak tahu? Tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua, di kementerian yang sama berkaitan dengan pembiayaan pendidikan, walaupun kerajaan ada memperuntukkan sebanyak RM7 juta khas untuk pendidikan Orang Asli, tetapi terdapat ruang yang masih perlu diisi dan sentiasa tidak mencukupi terutama tentang pembiayaan luar jangka bagi pelajar-pelajar yang telah diterima masuk ke IPTA-IPTA. Sehingga kini, terdapat yang saya jumpa, tiga orang yang terpaksa meninggalkan pengajian mereka dengan alasan tidak cukup kewangan dengan pe lbagai keperluan semasa dalam masa pengajian mereka.

Adalah diketahui bahawa terdapat pelbagai tabung pendidikan yang telah wujud di peringkat jabatan melalui Tabung Pendidikan Koperasi Kijang Mas Negeri Kelantan dan Pahang, Tabung Pendidikan Koperasi Daya Asli negeri Johor, Tabung Pendidikan Orang Asli negeri Selangor melalui Yayasan Negeri Selangor. Kesemua tabung ini mengambil sikap tunggu dan lihat, setahu saya tidak lebih hanya memberi ganjaran kepada pelajar yang cemerlang sahaja. Tabung-tabung ini diwujudkan adalah dari hasil memajukan tanah dan pembalakan yang dikurniakan oleh kerajaan negeri dan swasta. Ianya tidak bermakna setakat ada tabung tetapi tidak digunakan dan tidak memberi faedah kepada yang berhak.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingat kebanyakan masyarakat saya terdapat 81.4% adalah golongan miskin, mengikut paras garis kemiskinan (DGK) 1993, dan ia lebih daif lagi 48.8% adalah golongan termiskin dan menduduki 60% di kawasan pedalaman dan kalau tidak ada usaha dan komitmen yang bersungguh-sungguh, masalah keciciran dan memberi pendidikan sebagai satu cara merubah penghidupan, masyarakat saya akan menemui kegagalan. Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara yang harus Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pelajari adalah tentang bagaimana Yayasan Sabah, Yayasan Selangor dan Yayasan Pahang yang memberi komitmen mereka terhadap pelajar dan pelbagai bidang pendidikan perlulah dicontohi.

Oleh hal yang demikian, adalah tidak salah kalau saya mencadangkan kepada kementerian untuk menubuhkan sebuah “Yayasan Orang Asli” di peringkat kebangsaan, ini bertujuan membantu masyarakat ini dalam pelbagai bidang sebagai



alternatif kepada jabatan itu sendiri. Saya juga turut memohon kepada kementerian yang sama dapat mengkaji semula kadar bantuan yang diagihkan kepada pelajar selaras dengan biasiswa ataupun pinjaman tabung pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyentuh tentang pembangunan prasarana pendidikan, khasnya masyarakat Orang Asli. Semasa penyerahan tanggungjawab pendidikan anak bangsa saya kepada Kementerian Pendidikan, satu masalah yang masih berlarutan sehingga ke hari ini adalah isu penyerahan tanah. Saya diberi maklum ada terdapat sekolah dan lain-lain prasarana tidak dapat dibina baru atau diperbaiki. Ini disebabkan status tanah masih lagi tidak dimiliki oleh Kementerian Pendidikan. Saya memohon di antara kementerian, dapat menyelesaikan masalah secepat mungkin supaya 92 buah sekolah dan 47 buah asrama ini setaraf dengan kemudahan sekolah-sekolah yang sedia ada di bawah Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya kira tidak kurang pentingnya adalah supaya mana-mana universiti tempatan menubuhkan satu kursi Orang Asli atau dengan izin, "Chair of Orang Asli" dengan pembiayaan kerajaan dan swasta yang berminat. Ramai pihak yang berminat tentang orang Asli boleh menyumbang pelbagai sejarah, maklumat penyelidikan, kebudayaan, sosial dan pelbagai penemuan dapat dikumpulkan menjadi bahan yang berguna untuk masa hadapan. Siapa yang mempertikaikan penulisan penemuan Barat tentang kedatangan manusia ke tanah air kita. Ada yang menyatakan 4,000 tahun dahulu atau 35,000 tahun dahulu.

Adakah asal-usul orang Melayu sekarang datangnya daripada orang Asli? Ataupun kalau saya menyeberangi Laut Cina Selatan, mungkin saya menjadi orang Iban atau Bidayuh atau Dayak dan begitu juga halnya kalau orang Bidayuh ke Semenanjung menjadi sebaliknya. Rakan saya Datuk Haji Karim Ghani, selalu apabila bertemu saya, dia kata dia amat kecewa kenapa saya disebut Orang Asli, dia tidak asli. [Ketawa] Jabatan Orang Asli memperkenalkan 'Sewang' sebagai tarian budaya orang Asli. Tetapi adakah disedari bahawa zapin, dondang sayang, pantun dan joget lambak merupakan amalan harian budaya yang diamalkan oleh turun-temurun sebahagian daripada suku Orang Asli.

Bagaimana ianya boleh datang? Siapa yang meniru siapa atau ianya datang dengan tidak sengaja. Banyak jampi mentera Orang Asli menyebut nama Muhammad, Allah, bismillah dan sekalian malaikat, nabi dan rasul. Bagaimana ia

boleh wujud dan datang dengan sendirinya atau bagaimana? Saya tahu seperti beberapa orang...

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya peminat budaya sastera. Jadi, apabila Yang Berhormat sebut tentang sejarah kebangkitan budaya seni dari orang Asli, saya ingin bertanya khabar kepada Yang Berhormat Datuk, ada atau tidak dibukukan segala sejarah ini supaya dapat kita jadikan bahan rujukan dan boleh dijadikan asas untuk kita membuat perancangan masa depan kerana asal-usul kita pun hendak kita tahu juga. Terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Datuk Ghazi. Sebenarnya memang ada. Dewan Bahasa dan Pustaka pernah mengeluarkan satu buku yang ditulis oleh sasterawan Melayu yang pertama Munshi Abdullah, kalau tidak silap saya, apa nama saya lupa. Dia ada menulis tentang Batin Orang Asli yang pertama – Batin Awang Bercangai Besi, namanya dan cucu kepada Batin Awang Bercangai Besi ini bernama Dayang Selida, pernah berkahwin dengan kerabat diraja Johor. Ada sejarahnya. Termasuk rakan-rakan saya dari Negeri Sembilan, suku kaum Biduanda merupakan di antara suku yang di antara yang boleh jadi Undang dan dialah di antara Batin-batin yang layak mentabal raja di Negeri Sembilan dan Demang Lebar Daun adalah di antara Batin Orang Asli yang pertama yang ada dalam buku sejarah..

Jadi, saya hendak cerita satu-persatu banyak, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin di luar Dewan, saya ceritalah.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit. Saya amat tertarik hati dengan komitmen sahabat saya dari negeri yang sama, negeri Pahang Darul Makmur ini, Yang Berhormat Datuk Long Jidin. Tetapi amat bersimpatilah kerana setelah kita merdeka 43 tahun, setelah kita melangkah ke alaf baru, masih wujud Jabatan Orang Asli. Saya pernah mengutarakan satu ketika dulu, apa perlunya wujud Jabatan Orang Asli kerana sebenarnya mereka terpaksa sebagai satu ethnic group, terpaksa dimasukkan dalam arus perdana pembangunan. Tidak kiralah kementerian mana, soalnya Orang Asli atau orang Melayu atau orang Cina, termasuk dalam golongan arus pembangunan negara.

Bererti ianya termasuk dalam kementerian-kementerian yang terlibat. Kalau sekiranya mereka di luar bandar, Kementerian Luar Bandar. Jadi, kalau kita asingkan, mewujudkan nama Orang Asli, Jabatan orang Asli seolah-olah mereka ini dalam

bahasa Inggerisnya, *excluded* dan tidak *inclusive*, tidak termasuk dalam golongan. Jadi, konsep mengeluarkan dan memasukkan ini perlu dihapuskan dan kita anggap Orang Asli sebagai suku kaum di negara ini yang boleh kita bangunkan bersama dan tidak wujudlah dengan masalah sekarang ini yang timbul kerana kalau mereka termasuk dalam itu, segala belanjawan yang kita sebut sekarang ini semuanya meliputi segala aspek pembangunan etnik Orang Asli.

Jadi, saya minta perhatian dan pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Long.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato'. Dari segi peribadinya saya bersetuju, kalaulah Orang Asli itu serupa macam saya ataupun serupa macam Dato' tidak mengapa tetapi malangnya Orang Asli ini 60% duduk di pedalaman. Saya tidak tahulah di kalangan masyarakat pegawai-pegawai kerajaan, mampu atau tidak memberi perkhidmatan kepada masyarakat Orang Asli, empat hari berjalan kaki. Ini yang jadi masalah.

Jadi, memang satu ketika dahulu ramai pihak terutama masyarakat Orang Asli sendiri menyatakan bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli perlu ditutup tetapi bila survey kita buat, ramai anak bangsa saya di pedalaman bahawa dia tidak pernah jumpa Pejabat Pertanian, tok penghulu pun tidak jumpa, jangan cakap pejabat, tok penghulu pun tidak jumpa. Sebabnya empat hari jalan kaki, ada yang terpaksa naik helikopter, terpaksa dua, tiga hari naik perahu, ini yang jadi masalah.

Saya ingin tahu, adakah di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang pada hari ini, sama ada mampu atau tidak memberi servis kepada masyarakat saya? Kalau mampu, saya yakin boleh, kalau tidak mampu, Jabatan Orang Asli memang perlu, sebab di kalangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli itu ramai anak-anak Orang Asli yang di peringkat bawahan bekerja di jabatan yang berkenaan. Itu sebabnya pertama kali tadi saya menyatakan kalau boleh di peringkat pengurusan dan profesional meletakkan masyarakat Orang Asli memegang tampuk supaya mereka boleh membuat perancangan dan di bawahnya pun Orang Asli yang mampu berjalan kaki, mungkin kalau macam saya empat hari, mungkin dia dua hari sahaja, itulah keadaannya. Terima kasih Dato'.

Saya tahu seperti Profesor Dr. Hood Saleh, Dr. Hasan Mohd. Nor daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan ramai lagi sudah tentu berminat kalau

dipertanggungjawabkan kepada mereka dan banyak perkara yang masih tersembunyi yang perlu dibongkar dan akan menjadi kita insaf, mungkin sedar diri dan akan menjadi bahan warisan kepada anak cucu cicit kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam, di bawah B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bagi memperbaiki kualiti hidup masyarakat saya, hanya 40% daripada 840 buah kampung Orang Asli menerima bekalan air yang dibekalkan oleh kerajaan, manakala 60% lagi menggunakan sumber alam semula jadi. Di dalam Belanjawan tahun 2000, kerajaan telah pun membelanjakan RM129 juta dan dianggarkan lebih kurang 1,000 projek dapat dilaksanakan. Saya merayu kepada kerajaan dapat mempertimbangkan masyarakat luar bandar daripada masyarakat saya.

Manakala bekalan elektrik hanya 286 kampung atau 34% sahaja daripada keseluruhan kampung masyarakat saya menerima bekalan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada kerajaan dapat memberi perhatian kepada perkara seperti yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kemudahan jalan luar bandar, terdapat 60.79% kampung-kampung yang wajar diberi kemudahan jalan, ini bermakna setakat ini kerajaan telah menyediakan kemudahan bagi 267 kampung Orang Asli seluruh negara meliputi 39.21%, jadi saya juga memohon kepada kerajaan memberi pertimbangan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketujuh, B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya. Satu perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan berkempen dan memancing undi semasa pengujaan undi. Saya mencadangkan semasa hari pengujaan undi seharusnya dijadikan tidak boleh sebarang kempen dijalankan, maksud saya hari bertenang termasuklah aktiviti-aktiviti merayu undi di luar tempat mengundi. Sebagai contoh, apa yang berlaku di pilihan raya Sanggang baru-baru ini, cara memancing di luar kawasan mengundi didapati suatu suasana yang menakutkan kepada pengundi-pengundi. Bagi yang mengamalkan peluk cium sebagai satu budaya, tidak mengapalah walaupun baru sekali berjumpa tetapi seharusnya menghormati budaya masyarakat lain terutamanya masyarakat saya yang terkenal dengan rendah budi bahasanya. Saya memohon SPR mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali ialah tentang Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya dapat mencari jalan dalam penyelesaian urusan tanah masyarakat saya. Kita tahu bahawa masalah tanah di bawah kuasa kerajaan

negeri, walau bagaimanapun, di peringkat Persekutuan seharusnya mempunyai satu dasar pelupusan tanah yang jelas, yang harus diterima pakai oleh kerajaan-kerajaan negeri. Tanah yang didiami Orang Asli sebagai “penghuni atas ehsan” atau dengan izin, *tenant-at-wills*, saya berbangga dengan negeri Pahang dan Perak yang mempunyai dasar yang jelas dalam pelupusan tanah kepada masyarakat saya.

Dan yang paling merunsingkan saya adalah tentang kedudukan tanah masyarakat saya daripada negeri Kelantan. Tanah yang diluluskan sebanyak 1.66 hektar untuk 38 Orang Asli, itupun diluluskan semasa pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional dahulu dan tidak terdapat seinci pun tanah yang diwartakan untuk mereka sedangkan penduduk Orang Asli negeri Kelantan menghampiri 10,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rintihan itu, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato’ Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Puan Hajah Melati.

**4.06 ptg.**

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum melihat iltizam dan komitmen secara berterusan yang telah ditunjukkan oleh kerajaan dalam usaha pembasmian kemiskinan, contohnya melalui peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam melaksanakan program perumahan rakyat termiskin iaitu PPRT.

Tidak dinafikan sejak dimulakan beberapa tahun yang lalu, kerajaan telah berjaya membantu golongan miskin untuk memiliki sebuah rumah pada satu keluarga miskin. Program seumpama ini wajar untuk diteruskan demi untuk memastikan kesejahteraan rakyat khususnya golongan yang tidak berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan sedemikian realitinya merupakan satu tuntutan di dalam agama Islam sendiri yang sering menekankan kepada tindakan membantu golongan miskin. Antaranya, di dalam surah al-Baqarah ayat 269 hingga 273 Allah s.w.t. telah menyatakan akan tanggungjawab dan ganjaran membantu golongan fakir, di dalam ayat 271 Allah berfirman, “*Jika kamu lahirkan sedekah*

*maka itulah sebaik-baiknya dan jika kamu sembunyikan dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka itulah yang lebih baik bagimu dan menutupi kesalahanmu dan Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan.'*

Tuan Yang diPertua, namun begitu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya membuat kaji semula jumlah peruntukan yang diberikan untuk mendirikan sebuah rumah kepada keluarga PPRT. Kajian semula tersebut adalah perlu untuk menentukan adakah jumlah yang diberikan yang kini sebanyak RM5,000 adalah bersesuaian dengan situasi semasa dengan mengambil kira kos-kos yang terlibat.

Selain itu, pertimbangan juga wajar diberikan tentang tahap penyelesaian para peserta di bawah program tersebut termasuk jumlah bilik tidur, kemudahan-kemudahan asas yang lain. Contohnya, kita tidak boleh nafikan akan keperluan untuk memiliki sekurang-kurangnya tiga bilik bagi sebuah rumah meliputi bilik untuk pasangan suami isteri, bilik anak-anak lelaki dan juga bilik anak-anak perempuan.

Tuan Yang diPertua, kita juga wajar untuk menyedari akan kepentingan dan keperluan untuk memiliki sekurang-kurangnya rumah yang selesa dengan kemudahan-kemudahan asas tertentu untuk sesebuah keluarga. Ini adalah kerana keadaan rumah yang tidak selesa boleh membawa kepada perkembangan gejala yang tidak sihat seperti anak-anak yang melepak di luar daripada rumah, keadaan yang tidak mengizinkan untuk anak-anak mengulang kaji pelajaran dan juga berjemaah bersama keluarga, kemungkinan membawa kepada gejala anak lari daripada rumah. Oleh yang demikian, adalah amat perlu bagi kerajaan membuat pertimbangan untuk menambah jumlah peruntukan yang sedia ada untuk pelaksanaan Program Rakyat Termiskin ini.

Tuan Yang diPertua, yang kedua, berhubung dengan masalah ibu-ibu tunggal dalam negara. Menyentuh tentang golongan yang tidak berkemampuan ini, suka saya untuk mengutarakan isu golongan ibu-ibu tunggal. Seperti yang pernah dilaporkan, jumlah ibu-ibu tunggal di negara kita semakin meningkat dari masa ke semasa seiring dengan peningkatan jumlah tersebut. Bilangan permasalahan yang mereka hadapi juga pastinya bertambah banyak lebih-lebih lagi dalam keadaan kini di mana kos sara hidup semakin meningkat. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan satu dana untuk ibu tunggal yang antara lain bakal digunakan untuk memastikan kebajikan ibu-ibu tunggal dan ahli-ahli keluarga di

bawah tanggungannya. Dana ini boleh digunakan untuk memberi bantuan sara hidup khususnya terhadap ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan mempunyai anak-anak yang masih kecil serta yang sedang bersekolah seperti yang dilakukan terhadap golongan tua di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan seumpama ini adalah amat penting demi untuk memastikan pendidikan anak-anak tidak akan tergendala selain mengelakkan para ibu tunggal yang berkenaan terdedah kepada aktiviti-aktiviti yang negatif natijah daripada tuntutan keperluan seperti wang untuk sara hidup keluarga. Selain daripada itu, dana berkenaan juga boleh digunakan untuk program-program pembangunan ibu-ibu tunggal yang lain seperti bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan kursus-kursus kemahiran yang berkaitan yang mana diperlukan oleh ibu-ibu tunggal ini.

Saya juga amat mengharap agar pihak kerajaan mengkaji ke manakah peruntukan-peruntukan yang digunakan untuk pembangunan wanita kini disalurkan. Biarlah peruntukan berkenaan disalurkan untuk aktiviti-aktiviti yang berkenaan yang benar-benar menjurus kepada usaha membangunkan wanita dan melibatkan golongan sasaran yang lebih luas. Aktiviti-aktiviti seperti jamuan makan dan lawatan-lawatan yang kurang relevan ke arah pencapaian matlamat-matlamat utama kerajaan dalam agenda pembangunan wanita perlulah dikurangkan dan sekiranya dana yang sedia ada ini adalah terhad, hentikanlah sahaja program-program yang seumpama itu yang kita rasakan tidak mendatangkan manfaat kepada ibu-ibu tunggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambahkan satu lagi. Sekiranya pihak kerajaan bersetuju untuk menubuhkan dana ini, bolehlah kita namakan dana ini Dana Al-Amin iaitu dana yang beramanah dan kita mengharapkan supaya pengurusan yang dibuat oleh pihak dana ini, biarlah orang-orang yang beramanah yang boleh membawa manfaat kepada ibu-ibu tunggal ini.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menimbangkan tentang pengeluaran wang KWSP kepada ibu-ibu tunggal yang bekerja sama ada dengan kerajaan atau pun swasta. Umpamanya, dalam satu kes yang berlaku pada hari ini, seorang suami yang bekerja dengan kerajaan ataupun swasta, apabila meninggal dunia, secara automatik dalam masa sebulan pihak isteri boleh mendapatkan wang simpanan suami daripada KWSP. Apa akan terjadi kepada ibu-ibu tunggal yang suaminya bukan bekerja dengan kerajaan dan juga swasta tetapi ibu tunggal ini adalah

merupakan seorang kakitangan kerajaan? Saya fikir masalah ini kita fikirkan bersama. Jangan kita fikirkan bahawa hanya suami sahaja meninggal, barulah si isteri dapat ganjaran daripada wang simpanan KWSP suaminya, sedangkan apa akan terjadi kepada isteri-isteri yang suaminya bukan kakitangan kerajaan dan bukan juga pekerja swasta tetapi mempunyai tanggungjawab serta tanggungan keluarga yang besar, yang tidak mempunyai pendapatan yang tinggi, walhal isteri dan wanita ibu tunggal ini adalah merupakan seorang ibu tunggal yang bekerja dengan kerajaan. Apa salahnya kalau pihak kerajaan membenarkan juga dalam masa yang sama simpanan wang KWSP ini kepada isteri juga diberikan kelonggaran untuk mengeluarkan wang simpanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman alaf baru dan melalui kegunaan multimedia, dunia sudah menjadi kecil kerana hubungan di antara individu negara boleh dilakukan dalam sekelip mata menerusi Internet. Wanita yang dahulunya tidak boleh turut serta secara aktif dalam proses pembangunan negara, mungkin kerana terikat kepada keluarga di rumah, kini boleh turut serta secara aktif tanpa meninggalkan tempat kediaman kerana banyak kerja, boleh dilakukan daripada rumah, usaha untuk mendapatkan pekerjaan boleh dicari dengan menggunakan Internet. Modal untuk mendapatkan pekerjaan adalah kepakaran menggunakan komputer dan juga keupayaan membeli komputer serta khidmat Internet.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan cepat melalui Internet juga akan mendedah wanita kepada pelbagai ilmu dan juga pelbagai pengalaman, sama ada yang positif mahupun yang negatif. Daripada Internet pelbagai maklumat boleh diperolehi dan diamalkan. Maklumat ini boleh meningkatkan lagi imej wanita ataupun meruntuhkannya. Bagi membantu wanita untuk membuat pilihan terbaik dari segi apa yang terdapat daripada komputer, mereka seharusnya mendapat bimbingan secara bijak, membuat pilihan yang akan menguntungkan, bukan sahaja dirinya malahan juga keluarga serta masyarakat tempatan. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan anggota masyarakat yang bermaklumat, seharusnya terdapat satu sistem yang boleh menyediakan rangkaian kemudahan yang membolehkan wanita mendapatkan maklumat keperluan harian mereka supaya dalam apa juga aspek kehidupan harian mereka, keputusan dibuat berasaskan fakta yang berkaitan. Dengan cara ini wanita akan boleh mempengaruhi setidak-tidaknya harga pasaran barangan keperluan harian keluarga seperti harga barangan bahan asas makanan, pakaian dan



sebagainya. Harga-harga ini boleh dikawal jika wanita dapat digemblengkan untuk bermuafakat.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman yang amat mencabar ini, bagi membolehkan wanita terlibat dalam proses pembangunan secara bijak, mereka amat perlu mendapat pendidikan secara kemahiran yang sewajarnya supaya mereka tidak terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak menguntungkan sesiapa pun. Pendidikan ini boleh disampaikan melalui kumpulan-kumpulan organisasi-organisasi yang sedia ada seperti KEMAS, Perkumpulan Wanita (WI), jiran wanita dan lain-lain. Wanita amat perlu diberi peluang untuk menyediakan diri untuk lebih berfungsi dalam apa jua bidang pilihan mereka. Usaha-usaha yang akan dijalankan ini hendaklah dilaksanakan oleh mereka yang benar-benar mempunyai kebolehan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan wanita juga perlu dilihat sebagai satu sumber terpenting dalam memastikan negara kita ini dibangunkan. Sumber tenaga manusia yang berjumlah lebih 50% di negara ini harus dilihat sebagai satu aset negara yang perlu digemblengkan. Dengan penggemblerangan ini, tenaga manusia dari kalangan warga asing secara automatik dapat dikurangkan. Mereka perlu dilatih dalam bidang-bidang yang diperlukan. Untuk ini, Kementerian Sumber Manusia seharusnya ada satu perancangan khusus supaya kementerian ini dapat juga mengadakan latihan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa satu daripada peranan jantina adalah untuk mengasuh serta mendidik anak-anak. Peranan ini amat terpenting dalam pelbagai peranan lain. Ibu-ibu di zaman abad ke-19 dan 20-an boleh melaksanakan tanggungjawab ini dengan mudah kerana pada zaman-zaman itu institusi keluarga masih kukuh, dunia masih luas dan hubungan juga masih sukar.

Kini apa juga perkara yang berlaku luar dari rumah atau negara dapat diperolehi dengan cepat melalui Internet. Maklumat-maklumat yang sihat dan yang tidak sihat dapat disebar segera dengan meluasnya. Bagi membantu wanita, ibu-ibu, mereka sendiri perlu disediakan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran supaya dapat berfungsi sebagai seorang ibu di zaman alaf baru, ibu-ibu yang boleh bekerja dan dalam masa yang sama dapat juga memenuhi tanggungjawab sebagai ibu dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, kini sudah banyak terdapat penemuan-penemuan baru dari segi usaha untuk meningkatkan kecemerlangan anak-anak. Wanita seharusnya mendapat pendedahan mengenai ini kerana mereka adalah pendidik pertama dan utama bagi anak-anak mereka. Kebolehan mereka mendidik anak-anak akan melahirkan anak-anak yang cemerlang, yang sekaligus menjadi warga cemerlang. Kerajaan juga harus menyediakan institusi tabika serta taska yang berkualiti dari segi premis, kemudahan, guru, pengasuh dan penyeliaan yang rapi bagi membantu ibu-ibu mendidik anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan ini perlu diperbanyakkan terutama di luar bandar di mana keluarga tidak mampu untuk menghantar anak ke tabika, taska swasta. Dengan adanya kemudahan ini, maka usaha bersama di antara ibu bapa dan kerajaan akan terlaksanalah hasrat untuk melahirkan warga yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai gejala sosial berlaku di kalangan sebahagian dari warga tidak kira kumpulan umur. Perkara ini dapat dibendung jika terjadi di kalangan warga kita. Puncanya bermula daripada dalaman keluarga, maka itu institusi keluarga amat perlu diperkukuhkan.

Usaha memberi kursus kepada bakal-bakal pengantin adalah satu usaha yang baik tetapi kurikulumnya perlulah diperbaiki lagi. Mereka seharusnya dibimbing dengan ilmu serta kemahiran untuk menguruskan keluarga. Menjadi pasangan suami isteri dan seterusnya ibubapa tidak semudah mendapatkan Sijil Nikah Kahwin sahaja. Banyak lagi perkara yang perlu mereka ketahui, sepatutnya pendedahan awal secara menyeluruh dari segi kekeluargaan perlu mereka ikuti sebelum sijil perkahwinan diberi. Dengan secara ini mereka akan memulakan hidup berumahtangga dengan mata hati yang lebih terbuka dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan yang serba mencabar, keadaan *stress* juga telah meningkat sama ada dalam keluarga atau tempat kerja. Khidmat kaunseling keluarga harus diwujudkan dan boleh didatangi ahli keluarga dengan kos tambang menambang yang rendah atau lebih baik lagi diadakan khidmat ini secara tempatan kerana personnel kerajaan atau ahli masyarakat yang layak boleh diberikan latihan. Ia boleh beroperasi di kalangan masyarakat dengan tidak memerlukan tempat yang khas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan wanita terlibat secara aktif dalam proses pembangunan negara. Saranan kerajaan supaya di tempat kerja disediakan tabika dan taska seperti mana yang diadakan di Kementerian Kewangan patut dicontohi oleh mana-mana kementerian, jabatan dan juga pihak swasta. Khidmat sokongan yang tersedia ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti pekerja malahan kualiti didikan serta asuhan anak-anak mereka juga meningkat dan pekerja bahagia, majikan juga turut serta.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Puan Chia Chui Ket.

**4.24 ptg.**

**Puan Chia Chui Ket:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000, yang dibacakan kali yang kedua oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 24 April 2000 di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan yang akan memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat dan akan menentukan arah tuju yang akan membawa negara ke arah pembangunan yang lebih mantap.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, sejak keruntuhan komunisme disebabkan perpecahan Soviet Union dan beberapa negara blok Timur, nampaknya Amerika Syarikat telah menggunakan kedudukannya sebagai kuasa besar untuk memperkecil-kecilkan negara-negara dunia ketiga seperti Malaysia. Banyak tindakan oleh pihak Amerika Syarikat jelas menunjukkan bahawa ianya telah menyalahgunakan kuasa untuk menekan dan memaksa negara-negara kecil supaya mematuhi keinginannya, tunduk kepada pengiktirafnya ataupun penerima nilai-nilainya yang tidak sesuai dengan keadaan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, semasa penunjuk-penunjuk perasaan merusuh dan membuat kekacauan dan membakar kenderaan di Kuala Lumpur tidak lama dahulu, seorang pemimpin Amerika Syarikat, sekarang dia bertanding untuk menjadi Presiden Amerika Syarikat, secara terbuka memberi sokongan kepada penunjuk-penunjuk perasaan ini dan telah menggelarkan mereka sebagai '*peace loving citizen*', dengan

izin. Walaupun keadaan ini dikawal dan warganegara Malaysia dapat meneruskan kehidupan mereka seperti biasa, media-media di Amerika Syarikat ataupun yang dikuasai oleh orang-orang Amerika, melaporkan seolah-olahnya negara kita telah kehilangan keamanan dan oleh itu tidak sesuai untuk pelancong ataupun pelabur.

Baru-baru ini apabila pihak polis kita mengambil tindakan untuk mengelakkan demonstrasi yang mungkin mengancam keamanan negara, States Department Amerika Syarikat mengkritik kita. Mereka mengatakan bahawa kita ini tidak demokratik. Kritikan mereka itu dilemparkan seolah-olah pegawai-pegawai Amerika Syarikat lebih memahami keadaan Malaysia daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis kita. Mereka cakap tidak serupa bikin. Ini jelas kerana baru-baru ini di Washington, Amerika Syarikat sendiri beratus-ratus penunjuk perasaan yang berhimpun secara aman di suatu mesyuarat IMF telah juga ditangkap dan ditahan oleh polis.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia pada umumnya memahami tentang bahayanya jika kuasa memerintah dikonsentrasikan ataupun *concentration of power*, dengan izin, pada suatu pihak. Ramai pengkritik kerajaan yang berfikir singkat sedia menerima pandangan demikian yang datangnya daripada pihak berkuasa Amerika Syarikat ataupun negara-negara Barat tetapi mereka enggan menyokong pandangan kerajaan tentang bahayanya jikalau kuasa dunia dikonsentrasikan dalam tangan Amerika Syarikat sahaja. Kekuasaan Amerika Syarikat dan kemampuannya menyalahgunakan kuasa dalam pertubuhan-pertubuhan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Bank Dunia, IMF dan lain-lain telah menunjukkan ketidakadilan dan diskriminasi kepada pihak yang lemah. Ini jelas menunjukkan bahawa kita harus menyokong gesaan pemimpin-pemimpin kita bahawa suatu pembaharuan diperlukan untuk mencerminkan perkongsian kuasa dalam konsep dunia demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia terutama sekali mereka yang minat style Barat seperti tunjuk perasaan dan memaki hamun pemimpin-pemimpin kerajaan harus sedar bahawa walaupun Amerika Syarikat itu satu negara maju dan makmur tetapi cara ataupun standard Amerika Syarikat itu bukannya cara ataupun global standard, dengan izin. Malaysia dan kebanyakan negara-negara dunia ketiga telah sekian lama bebas dari penjajahan dan kita tidak perlu terus menjadi pak turut kepada

sesiapa. Konsep globalisasi hanya ada erti jika kita diiktiraf seperti warga dunia dan tidak kehilangan keunikan masyarakat kita, nilai budaya dan identiti kita.

Tuan Yang di-Pertua, proses globalisasi masa kini telah mempengaruhi keadaan di seluruh dunia bukan sahaja dari segi ekonomi bahkan juga dari segi sosio kebudayaan, politik dan persekitarannya. Liberalisasi perdagangan dan kewangan telah membantu pertumbuhan ekonomi pesat di kebanyakan negara tetapi liberalisasi ini tidak menguntungkan pada negara-negara yang belum atau sedang membangun. Oleh sebab kekurangan tawaran dan peraturan bagi perdagangan dan kewangan dunia, negara-negara yang kecil ataupun sedang membangun sering menjadi mangsa kepada pasaran kewangan yang lebih maju dan lebih besar. Contoh yang terbaik dan terkini ini ialah krisis ekonomi yang melanda Asia pada tahun 1997 sehinggalah ke 1999. Krisis ekonomi baru-baru ini telah mengedarkan negara-negara dunia ketiga seperti Malaysia tentang bahaya di sebalik kebaikan konsep globalisasi dan apa yang dinamakan knowledge economy, dengan izin ataupun ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan kepakaran.

Ada di antara kita yang rasa takut kerana tidak pasti akan kemampuan dan daya persaingan negara kita dalam ekonomi dunia yang terbuka. Secara umumnya Malaysia telah mendapat faedah daripada konsep globalisasi. Pertumbuhan dan prestasi ekonomi Malaysia sejak 40 tahun kebelakangan ini jelas membuktikan kebaikan globalisasi. Pelaburan asing terus menambah tahun demi tahun dan jumlah eksport Malaysia ke seluruh dunia juga meningkat sehingga Malaysia menduduki tempat ke 20 dalam senarai negara-negara pengeksport utama dalam dunia.

Walau bagaimanapun kedudukan Malaysia dalam arena ekonomi dunia masih vulnerable, dengan izin. Ini disebabkan kelemahan kita dari segi teknologi dan pengetahuan jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Keadaan ini menimbulkan masalah bahawa Malaysia terpaksa bersaing dalam kedudukan yang tidak seimbang sebelum kita berupaya bersaing secara terbuka. Liberalisasi pasaran kewangan dan perdagangan kita harus dijalankan secara berperingkat-peringkat. Ini adalah untuk mengelakkan tertubuhnya kumpulan-kumpulan raksasa yang akan memonopolikan ekonomi negara. Kita perlu menggubalkan dasar untuk memastikan saingan seimbang dan adil dan dalam masa yang sama mengadakan institusi penguat kuasa agar dasar tersebut dipatuhi. Di Amerika Syarikat suatu enakmen yang dinamakan 'Sherman Act' diadakan khas untuk memastikan supaya syarikat-syarikat

yang tidak begitu besar dapat meneruskan perniagaan di samping syarikat-syarikat raksasa.

Malaysia tiada undang-undang yang sedemikian. Jika pasaran kita dibebaskan di masa akan datang syarikat-syarikat asing mungkin mengancam kehidupan syarikat-syarikat yang kurang berupaya. Oleh itu, saya mencadangkan agar kerajaan kita dapat meninjau keadaan tersebut dan menggubalkan undang-undang yang sesuai untuk melindungi syarikat-syarikat dimiliki oleh warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas atas usaha kerajaan menggubalkan satu ke-ekonomi master plan. Usaha ini tepat pada masanya sebab di dalam ekonomi global kekayaan sesebuah negara tidak dapat terus didatangkan daripada ekonomi yang berasaskan pengeluaran sahaja ataupun production base, dengan izin. Kebanyakan negara-negara Asia telah membangunkan ekonomi mereka dengan sumber semula jadi seperti tenaga manusia yang murah. Keadaan ini telah dan akan terus berubah. Oleh itu, negara-negara itu perlu mengadakan “paradigm shift” kepada ekonomi yang berasas pengetahuan dan daya saing yang berasaskan teknologi canggih.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekonomi konsep globalisasi bererti kita perlu meningkatkan daya persaingan kita dalam suatu kesekitaran tanpa sempadan atau boarderless environment, dengan izin. Dalam konteks ini saya ingin bercakap sedikit tentang konsep BIMP-EAGA ataupun Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippines, East-Asean Growth Area. Konsep ini telah dilancarkan beberapa tahun lalu. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kerjasama dan perdagangan di antara wilayah-wilayah di Brunei, kawasan Kalimantan dan Sulawesi di Indonesia, kawasan di Selatan Filipina dan negeri Sabah dan Sarawak di Malaysia. Dari pandangan negeri Sabah selain daripada potensi perdagangan konsep BIMP-EAGA juga bertujuan yang berunsur geopolitic iaitu untuk membantu pertumbuhan ekonomi di wilayah-wilayah Kalimantan, Sulawesi dan Selatan Filipina agar dapat menggalakkan kepulauan ratusan ribu pendatang tanpa izin yang berada di Sabah khasnya ke negara masing-masing.

Potensi perdagangan di BIMP-EAGA begitu jelas sekali. Penduduk di wilayah-wilayah berkenaan berjumlah lebih 30 juta, lebih daripada jumlah penduduk Malaysia. Tetapi oleh sebab-sebab yang tidak diketahui kerajaan nampaknya kurang serius untuk merealisasikan konsep ini, ini jelas. Dalam kerajaan negeri, tiada

menteri atau jabatan yang ditugaskan khas untuk menjayakan konsep ini. Dalam Kerajaan Pusat pula ramai pemimpin kerajaan dan pegawai-pegawai kanan tidak tahu langsung apakah BIMP-EAGA ini. Kelemahan ini mungkin punca yang menyebabkan keputusan kerajaan untuk peruntukan RM400 juta untuk pembangunan pelabuhan di Labuan dan RM70 juta untuk pembangunan Bintulu. Tetapi pembesaran pelabuhan di Tawau dan Sandakan yang diinginkan itu tidak perlu mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan laut di antara wilayah-wilayah BIMP-EAGA penting. Pelabuhan Tawau dan Sandakan berada dalam tengah-tengah wilayah BIMP-EAGA. Kekurangan ataupun kelemahan saluran penghantaran kargo laut semasa ini merupakan batu penghalang untuk pembangunan BIMP-EAGA.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembuatan adalah puncak utama pembangunan pesat ekonomi Malaysia. Tetapi perkilangan-perkilangan di Sabah *miss the train*, dengan izin, oleh kerana Sabah diletakkan jauh daripada pusat pembangunan industri perkilangan, iaitu Semenanjung Malaysia. Selain daripada masalah geografi, kemudahan infrastruktur seperti pelabuhan, perkapalan dan lain-lain sebab kekurangan di Sabah untuk menjayakan dasar industrialisation. Dari segi geografi pula, Sabah mempunyai banyak kelebihan, kalau dilihat daripada BIMP-EAGA. Oleh yang demikian, kerajaan di peringkat negeri dan di peringkat pusat perlu mengisytiharkan BIMP-EAGA sebagai suatu agenda utama. Kita perlu ingat bahawa kejayaan BIMP-EAGA bukan sahaja dapat meningkatkan dan mempelbagaikan ekonomi negeri Sabah, bahkan ia juga dapat membantu sedikit sebanyak dalam proses penyelesaian masalah pendatang tanpa izin di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah bercakap mengenai daya saingan kita dan pentingnya k-ekonomi. Kedua-dua perkara ini ada kaitan dengan konsep Koridor Raya Multimedia ataupun MSC yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pelancaran MSC telah mendapat perhatian dunia. Untuk memastikan kejayaan projek ini dan meningkatkan penggunaan teknologi maklumat ataupun IT di negara kita, kerajaan telah menumpukan apa yang dipanggil Multimedia Development Corporation ataupun MDC. Sejak MSC dilancarkan, negeri-negeri di seluruh Malaysia telah mengalu-alukan saranan Perdana Menteri. Mereka masing-masing menumpukan Jawatankuasa Khas IT, menumpukan agenda IT dan ada juga di antara mereka yang menumpukan

jawatankuasa-jawatankuasa e-government dan e-commerce. Nama-nama jawatankuasa tersebut memang menarik perhatian. Tetapi jika kita meneliti jawatankuasa-jawatankuasa itu secara terperinci, keputusan mungkin tidak begitu menggalakkan.

Sebagai contoh, kebanyakan negeri sudah pun melancarkan website masing-masing. Tetapi maklumat yang ada dalam website itu tidak lagi relevan kerana tidak diperbaharui ataupun *update*, dengan izin. Perdana Menteri kita telah menyatakan betapa pentingnya k-ekonomi. Soalan saya ialah bagaimana kita dapat mengadakan k-ekonomi dalam keadaan di mana kebanyakan kerajaan negeri belum mempunyai sistem e-government? Dan walaupun e-commerce telah mengubah dan mempengaruhi persekitaran perdagangan di seluruh dunia, perkara ini masih menjadi tajuk seminar dan cerita kedai kopi. Oleh yang demikian, saya menggesa MDC dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia agar memainkan peranan yang lebih luas, positif dan efektif supaya implementasi e-government dan e-commerce dapat berjalan dengan lebih lancar.

Tuan Yang diPertua, di samping ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak MDC mengadakan satu kajian di seluruh negara untuk menentukan kelebihan ataupun kepakaran setiap negeri dalam perkara IT. Saya dimaklumkan bahawa hampir semua negeri dalam Malaysia telah mewujudkan agensi dan institusi mahupun di sektor awam ataupun di sektor korporat untuk membangunkan kegunaan IT dan Internet. Maklumat yang diperolehi dari kajian yang saya cadangkan itu boleh dijadikan sebagai asas untuk melantik negeri yang sesuai dan yang mempunyai kelebihan untuk kajian pusat penyelidikan dan pembangunan bidang ataupun aspek tertentu dalam industri IT dan kegunaan internet. Dengan cara itu, negeri-negeri di Malaysia masing-masing akan jadi pakar dalam sesuatu bidang. Proses *specialization*, dengan izin, akan membolehkan negeri-negeri membangunkan kepakaran bidang IT yang berbeza. Jika berjaya suatu hari Malaysia mungkin mempunyai 14 buah institusi raksasa dengan kepakaran yang berlainan dan mereka akan berupaya bersaing dengan syarikat ataupun institusi IT di luar negeri.

Tuan Yang diPertua, pewujudan k-ekonomi dan kejayaan agenda IT negara kita memerlukan kepakaran dalam beberapa bidang. Saya sungguh gembira kerana Kerajaan Malaysia bercadang menghidupkan semula apa yang dipanggil Returning Scientist Programme. Melalui program ini, kerajaan akan dapat menarik balik ramai



pakar Malaysia yang sedang bertugas di luar negeri. Jika program ini dijalankan dengan penuh ikhlas, saya yakin ramai pakar-pakar kita yang berkhidmat di luar negeri, sanggup kembali dan berkhidmat di negara Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali pendidikan adalah asas kepada semua impian negara kita. Justeru itu, saya mengalukan peruntukan yang besar dalam Belanjawan 2000 untuk Kementerian Pendidikan. Peruntukan itu jelas mencerminkan betapa seriusnya pandangan kerajaan atas perkara pendidikan. Program-program pembangunan pendidikan juga mendapat perhatian luas di Dewan Rakyat dan di Dewan yang mulia ini. Di dalam Dewan yang mulia ini, perkara perbezaan keputusan peperiksaan dalam subjek-subjek seperti English, Science dan Mathematics di antara murid-murid di sekolah rendah jenis kebangsaan dan SRJK (Cina) dan sekolah yang lain mahupun di bandar ataupun di luar bandar telah menjadi satu tajuk perbahasan.

Saya setuju bahawa perbezaan yang dipanggil 'digital divide' itu disebabkan oleh pendedahan murid dalam komputer di mana murid-murid di SRJK (Cina) dan SRJK bandar ada kelebihan kerana sekolah-sekolah mereka mempunyai komputer dan mereka mulai belajar melalui kegunaan komputer sejak peringkat umur kecil. Manakala SRJK yang lain terutama sekali mereka yang diletakkan di luar bandar kurang upaya untuk mendapatkan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat penyelidikan yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang membesar tanpa pengetahuan komputer akan memulakan hidup mereka dalam serba kekurangan berbanding mereka yang berpengetahuan. Menurut ramai pakar neurologi pendedahan IT di peringkat umur yang awal didapati efektif dalam penjaan kecergasan dan kecerdasan minda kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya memastikan semua murid-murid dapat kemudahan komputer di sekolah masing-masing, yang lebih mustahak di sekolah-sekolah luar bandar. Pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula harus menimbang semula dasar mengeluarkan wang KWSP untuk kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas. Saya fikir ibu bapa harus dibenarkan mengeluarkan wang KWSP mereka membeli komputer untuk kanak-kanak yang muda dari umur sepuluh tahun. Ini akan memberi kesempatan kepada lebih kanak-kanak memulakan kegunaan komputer sejak peringkat umur yang lebih kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya ingin memohon untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah.

**4.53 ptg.**

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dalam ucapan ini. Saya sebenarnya memohon untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2000 di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan Belanjawan tahun 2000. Saya rasa Belanjawan tahun 2000 yang tersebut adalah belanjawan yang terbaik yang akan dapat memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi serta mengukuhkan daya saing dan daya tahan negara. Saya lihat tumpuan Belanjawan diberikan pada tahun 2000 ini adalah bagi memajukan lagi sektor perkhidmatan dan sektor pertanian sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negara di samping meneruskan agenda pembangunan sosial.

Rakyat Malaysia sewajarnya merasa bangga dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kita di bawah pimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia kerana telah berjaya mengambil langkah-langkah yang positif untuk memulihkan dan menstabilkan ekonomi negara dengan menggunakan formula kita sendiri. Mengikut ucapan Belanjawan tahun 2000 yang tersebut Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang sebenar pada tahun 1999 telah kembali meningkat kepada 4.5% sementara inflasi pula pada kadar 2.8% dan penggunaan 3%. Sementara itu, indeks komposit BSKL telah mencecah kepada 1,000 mata. Ini menunjukkan bahawa tahap pemulihan ekonomi negara sebenarnya lebih baik daripada yang kita jangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun prestasi ekonomi negara kita telah meningkat begitu membanggakan kita mestilah sentiasa mengingatkan kepada kerajaan dan rakyat negara kita supaya tidak leka dan supaya terus memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan lagi taraf pendidikan ekonomi negara kita. Seperti yang tersebut di dalam ucapan Belanjawan 2000 bahawa di antara penekanan yang diberikan ialah memajukan lagi sektor pertanian dan meneruskan lagi agenda pembangunan sosial.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di dalam mengambil berat kedua-dua sektor ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan akan terus memberikan tumpuan kepada kedua-dua sektor utama iaitu sektor pelancongan dan juga sektor perindustrian. Penumpuan ini memanglah sentiasa disokong kerana sektor perindustrian dan pelancongan inilah yang menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara. Sektor pertanian ini adalah penting diberi tumpuan kerana ianya juga adalah salah satu sektor yang juga menjadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi khususnya ekonomi luar bandar.

Saya menyeru kepada pihak kerajaan di dalam pihak kerajaan memberi tumpuan sektor pertanian ini janganlah hanya memberi tumpuan kepada pertanian yang besar-besar seperti ladang-ladang yang besar dan juga industri menangkap ikan di laut dalam sahaja. Kerajaan perlulah terus memberi perhatian yang lebih kepada petani-petani, pekebun-pekebun kecil dan juga nelayan-nelayan kecil di luar bandar. Kita tidak dapat menafikan bahawa kerajaan telah pun banyak memberikan sumbangan kewangan dan juga program-program yang meningkatkan pendapatan golongan ini iaitu golongan petani, penternak, pekebun-pekebun kecil dan juga nelayan-nelayan. Tetapi kita juga sedia maklum, golongan rakyat miskin di negara ini adalah terdiri daripada mereka.

Dalam Belanjawan tahun 2000 adalah difahamkan kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM210 juta untuk pekebun-pekebun kecil melalui RISDA. Tahniah saya ucapkan kepada pihak kerajaan. Saya harap pihak kerajaan akan dapat menyalurkan segala peruntukan hinggalah sampai ke sasarannya dan pihak petani khususnya petani-petani kecil akan dapat nikmat daripada program-program yang kerajaan rancangkan ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pada tiap-tiap tahun kita telah membelanjakan beratus juta ringgit bagi meningkatkan lagi pendapatan penduduk luar bandar. Tetapi kita lihat masih ramai lagi rakyat yang miskin di negara ini terutama sekali di kawasan pedalaman. Saya sangat-sangat berharap supaya pihak kerajaan memantau pendekatan program-program dan projek-projek pembangunan luar bandar ini dengan begitu rapi supaya hasrat kerajaan untuk menaikkan pendapatan penduduk luar bandar dan membasmi kemiskinan akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga saya ucapkan kepada kerajaan di atas perhatian kerajaan kepada peniaga-peniaga kecil yang mana kerajaan telah banyak

memberikan bantuan-bantuan, memberikan khidmat-khidmat nasihat, mengadakan kursus-kursus, memberikan pinjaman-pinjaman secara menyediakan tabung-tabung pinjaman, memberikan khidmat-khidmat bank dan sebagainya. Saya berharap supaya kerajaan sentiasa dan terus membantu pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kecil diteruskan dari masa ke semasa.

Saya berharap kerajaan dapat mengkaji semula sistem pembahagian kontrak kepada pengusaha-pengusaha besar seperti menyerahkan kepada konsortium di mana kita lihat pengusaha-pengusaha kecil yang mempunyai lesen yang kecil seperti kelas A, kelas C, kelas D, kelas F tidak dapat peluang sampaikan projek di luar bandar di dalam kampung membuat longkang, buat parit, buat balai raya semuanya dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar ini dan langsung tidak dapat peluang kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai kelas F ataupun kelas C. Saya berharap kepada pihak kerajaan dalam kegawatan ekonomi ini sama-samalah kita mengagihkan projek-projek ini supaya semua dapat rasa. Ibarat kita membahagikan sebuah kek. Kek itu kita belah-belah kita bahagi-bahagi, sekurang-kurangnya sebanyak sedikit seorang sejoreng pun dapat merasanya. Janganlah syarikat-syarikat besar sahaja yang dapat projek-projek ini.

Saya rasa projek-projek luar bandar haruslah diserahkan balik supaya dikelolakan oleh pegawai daerah agar dapat diagih-agih kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Dan dari segi kualiti yang kita lihat kalau diserahkan kepada pihak pegawai daerah saya rasa lebih baik daripada diserahkan kepada syarikat-syarikat besar ini kerana dari segi pengawasannya tidak terurus. Dan juga saya berharap supaya syarikat-syarikat ini juga tidak monopoli semua projek sama ada besar sehingga kecil langsung tidak dirasai oleh orang-orang di pihak anak-anak tempatan sendiri yang mempunyai lesen.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya sentuh sedikit tentang pengusaha-pengusaha kantin sekolah. Seperti mana kita semua tahu Kementerian Kewangan telah mengeluarkan beratus-ratus lesen bekalan makanan bermasak di sekolah-sekolah asrama seluruh Malaysia. Dengan adanya lesen-lesen ini telah lahirnya pengusaha-pengusaha kantin yang terdiri daripada bumiputera serta kebanyakan pengusaha-pengusaha kantin adalah terdiri daripada syarikat keluarga. Pembekalan makanan bermasak di sekolah-sekolah asrama telah berjalan dengan baik bermula daripada tahun 70'an lagi, dengan kadar yang dikatakan tahun 70'an itu RM2.00 sehari dan

sekarang RM4.50 sehari, di mana pihak-pihak pengusaha kantin perlu menyediakan sarapan pagi, kena sediakan makan tengah hari, kena sediakan minum petang, makan malam, minum malam dengan harga RM4.50.

Segala menu telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan dengan bertukar-tukar, satu minggu menu lain, satu minggu menu lain, minggu kedua, minggu ketiga, dan minggu keempat. Menunya berubah-ubah dengan menyediakan makanan yang berzat kepada anak-anak kita yang mana makanan setiap minggu ada ayam, ada ikan, ada sayur, ada buah, ada air dan sebagainya, telah diawasi oleh warden-warden yang menjaga dari mutu penyediaan makanan supaya tidaklah pengusaha-pengusaha kita ini memberikan anak-anak kita makanan sayur-sayur layu, daging-daging import yang sudah lama dan sebagainya. Ianya sentiasa diawasi oleh pihak sekolah yang mana sayur-sayuran segar bugar dimakan oleh anak-anak kita untuk melahirkan anak-anak kita di asrama, anak-anak yang luar bandar ini otak yang cergas dengan memberikan makanan-makanan yang berzat.

Begitu juga dengan adanya pengusaha-pengusaha kantin terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan hubungan di antara pihak sekolah dengan pihak pengusaha amat baik kerana kita tahu sekolah-sekolah ini apabila mereka menghadapi masalah, masalah yang perlu berunding dengan pengusaha-pengusaha mereka boleh berurusan sendiri. Misal kata kalau ada anak-anak yang sakit, menu perlu diubah, kalau ada anak-anak yang hendak pergi berkelah, misal kata pihak pengusaha boleh bungkus nasi dan sebagainya. Kalau lambat balik pihak pengusaha boleh diberitahu dan sebagainya. Tetapi sekiranya pihak sekolah juga dari segi kualitinya juga kita lihat memanglah baik yang mana selama ini tidak ada satu pun rungutan daripada anak-anak kita atau ibu bapa atau sekolah juga sendiri mengatakan bahawa segala pengurusan kantin sekolah hari ini telah begitu baik dari segi kebersihan dan sebagainya.

Berbanding dengan sekiranya pihak kantin sekolah ini juga akan di monopoli oleh syarikat-syarikat yang besar yang mana bekalan makanan akan dibuat secara berkelompok, iaitu masakannya akan dibuat di satu tempat, misal kata di sebelah utara satu, tengah satu, selatan satu, makanannya beribu-ribu hendak di masak dandisupply seperti makanan dalam kapal terbang hendak dihantar, saya rasa ini dari segi mutunya pun saya rasa kurang memuaskan.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat sekalian, dengan adanya pengusaha-pengusaha kita ini yang daripada tempatan Tuan Yang di-Pertua, kita dapat membantu peniaga-peniaga kecil seperti dapat supply kuih-kuih, kelapa, sayur-sayuran dan sebagainya. Tetapi malangnya, sekarang ini saya difahamkan semua kantin sekolah akan diserahkan kepada MAS Catering dengan cara penswastaan, dengan kadar harga RM9.50. Jika benar saya berharap kerajaan perlu membuat kajian sedalam-dalamnya agar syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi tidak terus monopoli menjalankan segala kerja-kerja selama ini diuruskan oleh pengusaha-pengusaha kantin kecil yang dapat lesen daripada Kementerian Kewangan.

Di manakah mereka yang ada pengalaman dan telah mengeluarkan modal itu hendak pergi, bukannya cara ini akan menutup periuk nasi syarikat-syarikat kecil. Saya rasa syarikat-syarikat kecil ini akan gulung tikar. Kerajaan, saya berharap perlu ingat peniaga-peniaga kecil, pengusaha-pengusaha kecil inilah penyokong kuat kerajaan. Penyokong kuat kerajaan terdiri daripada peniaga-peniaga kecil. Kerana kita telah nampak banyak pengusaha-pengusaha besar yang sudah kaya raya kebanyakannya menentang kerajaan. Mereka sudah senang, mereka akan tentang kerajaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada pihak kerajaan jangan dok bela syarikat-syarikat besar sahaja. Syarikat-syarikat kecil mati. Janganlah fikir ikan besar sahaja hendak makan, ikan seluang pun hendak makan juga, ikan seluang pun hendak hidup juga. Saya berharap syarikat-syarikat besar ini masuklah tender, pergilah ke hotel-hotel, carilah peluang-peluang swasta-swasta, janganlah masuk ke kementerian kerajaan sahaja. Saya pun cukup hairan kenapa MAS sudah terukkah?. Bukankah lebih baik MAS tumpukan perhatian terhadap perkhidmatan penerbangan supaya kualiti bertambah baik. Makanan dalam kapal terbang pun bukannya sedap sangat. Janganlah kerugian MAS hendak ditampung dengan Kementerian Pendidikan. Saya berharap kerajaan dapat mengkaji sedalam-dalamnya agar saranan saya ini diambil kira oleh pihak kementerian demi kepentingan pengusaha-pengusaha kecil dan bumiputera khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor pembangunan sosial ini antara bidang penting yang perlu diberi penekanan dan tumpuan ialah kebudayaan dan kesenian. Kerajaan telah berusaha mewujudkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan mencukupi nilai dan pembentukan masyarakat yang bersahsiah dan memiliki moral dan etika

yang tinggi. Usaha ini jelas menunjukkan ketegasan kerajaan tentang kepentingan elemen ini dalam membantu membentuk sesebuah negara, bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Dalam kita menilai akar umbi dan sejarah silam, nenek moyang adalah membentuk nilai-nilai budaya yang wujud pada hari ini sama ada dalam bentuk cara hidup dan adat resam yang pelbagai ragam. Memelihara nilai-nilai budaya yang di miliki bererti menanamkan keazaman yang kukuh demi memastikan generasi penerus wawasan dapat berkongsi, seterusnya memiliki jati diri dan semangat cintakan kesenian dan kebudayaan sebagai identiti bangsa kerana budaya adalah satu ciri penting dalam pembentukan masyarakat yang bertamadun.

Tuan Yang diPertua, masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, adat dan keturunan telah mewujudkan berbagai pengenalan atau identifikasi kaum. Nilai-nilai budaya yang unggul dapat membentuk masyarakat Malaysia yang yakin mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh. Penyayang dan berbudaya merupakan salah satu antara sembilan cabaran menangani wawasan 2020. Sehubungan dengan itu, di dalam mengejar kemajuan dan kepesatan perkembangan sains dan teknologi maklumat hari ini, sewajarnya kita tidak leka dan lalai terhadap pengekalannya nilai-nilai budaya ini.

Teknologi akan terus berkembang tetapi ciri dan nilai budaya yang utuh adalah benteng yang kukuh, kental dan mantap berlandaskan pegangan dan keimanan yang jitu serta mapan dalam mewujudkan jati diri dan semangat patriotisme yang unggul. Kerajaan menerusi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mengambil langkah bijak dan tersusun dalam mewujudkan kompleks-kompleks yang dapat dijadikan tempat sebagai medan penggiat seni dan budaya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka seperti penubuhan istana budaya untuk persembahan kebudayaan, teater dan sebagainya. Penubuhan akademik seni antara lain untuk melahirkan generasi pelapis dalam pelbagai cabang seni dan budaya agar usaha pemulihan budaya dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Di samping itu, kerajaan juga seharusnya menubuhkan taman-taman seni di seluruh negara bagi mempergiatkan seni dan budaya, melaksanakan aktiviti-aktiviti di setiap negeri. Justeru itu, adalah jelas bahawa dalam konteks pengekalannya ciri dan nilai budaya inilah maka majlis kebudayaan di setiap negeri perlu menggembelng tenaga serta memainkan peranan yang penting di samping peruntukan kewangan yang mencukupi dan pakar-pakar yang berpengalaman dalam seni dan budaya ini agar

dapat menghasilkan idea yang bernas dalam memastikan warisan budaya yang diwarisi turun-temurun terus kekal dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama seharusnya berbangga dengannya.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat lagi berapa panjang.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Ya.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Berapa lama lagi?

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Sekejap lagi, sedikit sahaja lagi.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Cepat sedikit.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Saya baca dengan pantas. Kerajaan juga disarankan agar memberi tumpuan yang lebih di samping memperuntukkan sumber kewangan yang mencukupi untuk disalurkan kepada badan-badan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan budaya di seluruh negara bagi merealisasikan setiap aktiviti yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Untuk itu, disiplin seni dan budaya yang menjadi warisan turun-temurun sebagai contoh di negeri Melaka, dondong sayang, permainan gasing dan congkak serta sepakraga seharusnya diambil perhatian, agar tidak luput di telan zaman dan generasi masa depan khususnya pada belia dan beliawanis dapat menjadikan sebagai khazanah budaya bangsa yang tidak ternilai harganya.

Saya amat berkeyakinan kerajaan akan dapat melaksanakan secara tersusun dan teratur dengan perancangan yang efisien dan berlandaskan kepada faktor pekekalan warisan budaya identiti khazanah warisan sesuatu bangsa. Saya percaya usaha kerajaan ini yang menyeluruh sehingga ke Sabah dan Sarawak akan dapat mendekatkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama ke arah kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang berkekalan. Sesungguhnya ini merupakan sumbangan yang tidak ternilai kepada generasi pelapis agar dapat menjadikan seni dan budaya sebagai teras dan membentuk ketamadunan dan peradaban masyarakat pada masa akan datang. Sebagai pelapis negara adalah perlu generasi ini diperkukuhkan dengan asas seni dan budaya bangsa agar dapat dijadikan salah satu pegangan dan pengukuhan diri supaya tidak mudah terpedaya dengan budaya-budaya asing yang boleh mempengaruhi kekuatan dan jati diri. Dengan kemajuan teknologi hari ini tidak menghairankan sekiranya generasi ini terpesong dengan dakyah-dakyah Barat dan sememangnya dapat diperolehi dengan mudah menerusi Internet dan sebagainya.



Melalui perutusan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, Timbalan Menteri Kewangan I pada 24 April lalu, membentangkan teras strategi Belanjawan adalah termasuk untuk meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat serta alam sekitar. Langkah-langkah yang diambil ini adalah persediaan awal bagi membolehkan ekonomi negara berkembang pada kadar 5.8%. Antara faktor-faktor yang diberi penekanan ialah sektor pelancongan yang menggalakkan kepada perkembangan industri budaya negeri ini bagi tujuan menarik lebih ramai pelawat ke negeri ini. Faktor kebudayaan tidak harus dipandang remeh kerana di sinilah terletak kelebihan dan keistimewaan penduduk di negeri ini yang bersifat majmuk ini di mata asing.

Pembentangan Belanjawan tersebut juga mengambil kira pengecualian cukai pendapatan terhadap syarikat-syarikat pelancongan dilanjutkan sehingga tahun 2001. Sedangkan ini harus dipandang positif bagi penggiat kebudayaan di negara ini memandangkan ini merupakan peluang besar kepada mereka untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti yang menarik dan berwarna-warni yang tidak pernah gagal menarik perhatian pelawat dari luar mahupun dalam negeri sendiri setiap kali diadakan. Semoga hasrat cita-cita kerajaan untuk melahirkan generasi yang berwibawa, luhur, seimbang dan berpekerti mulia selaras dengan nilai budaya yang unggul dan cemerlang akan dapat dilaksanakan seterusnya direalisasikan bagi memenuhi tuntutan Wawasan 2020.

Tuan Yang diPertua, usaha-usaha ke arah memulihkan ekonomi negara pada jangkaan pertumbuhan 5.8% adalah perlu disokong supaya hasil pemulihan ini dapat meyakinkan rakyat negara ini khususnya tentang kepimpinan negara yang sedia ada di samping membuktikan imej dan maruah negara di mata luar. Malaysia satu-satunya negara yang berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada pembiayaan luar seperti IMF dan kesannya boleh dilihat daripada mana-mana jiran kita di rantau Asia, misalnya Indonesia. Sebaliknya Malaysia mampu menggunakan sumber dalam negeri untuk mengawal berlakunya inflasi yang ketara. Pengangguran, kemuflihan usahawan-usahawan dan sektor korporat merudum dengan teruk sekali seperti negara lain. Alhamdulillah, negara kita Malaysia tidak seperti negara-negara lain di dunia misalnya di Utopia yang dilanda pelbagai masalah dan kemarau panjang di mana lebih 7.7 juta orang mengalami masalah tidak cukup makan dan kebuluran.

Walaupun kemelesatan teruk melanda negara kita, masalah kebuluran dan tidak cukup makan masih belum lagi berlaku. Dengan demikian kita seharusnya bersyukur ke atas rahmat kemakmuran yang dianugerahi oleh Allah (s.w.t) kepada negara kita yang aman, damai dan sejahtera di mana rakyat masih boleh berusaha untuk mencari peluang-peluang rezeki di segenap ceruk rantau penjujur negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia amat bertuah mempunyai pemimpin yang berwawasan, teknokrat, tidak lupa juga saya kepada pegawai-pegawai yang bijaksana dan berwibawa di mana dalam tempoh yang begitu singkat sahaja negara kita dapat mengatasi kadar penguncupan 7.5% pada tahun 1998 kepada kadar pertumbuhan 5.4% dalam tahun 1999. Ini bermakna negara kita berjaya menyusun langkah pemulihan yang begitu drastik pada kadar 12.9% di mana pada separuh tahun pertama 2000 kita menjangkakan kadar pertumbuhan pada kadar 5.4% sebaliknya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) satu masa dahulu begitu sangsi akan pertumbuhan ekonomi negara dan meramalkan negara kita akan dapat melepasi kadar pertumbuhan sebanyak 7%. Malahan IMF ada menyatakan bahawa Malaysia mencatatkan kemajuan rancangannya mengukuhkan sektor kewangan menerusi penggabungan besar-besaran antara institusi-institusi bermasalah dan bank-bank yang menguntungkan. Keadaan ini begitu menakjubkan dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada peneraju negara Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tumpuan kepada pemulihan ekonomi negara dirangkakan dengan begitu memberangsangkan di mana tidak melupakan masalah dan pengorbanan rakyat di segenap lapisan melalui strategi Belanjawan 2000 yang dicadangkan, misalnya dari segi penyediaan rumah kos sederhana, kos rendah, rumah awam diberikan keutamaan di mana sejumlah RM4.3 bilion disediakan di bawah beberapa dana khas, prasarana bekalan air di luar bandar, juga dijangka seribu projek akan dilaksanakan yang akan memberi manfaat kepada 30,000 keluarga di seluruh negara pada tahun ini.

Saya mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk memperluaskan ekonomi berteraskan pengetahuan atau disebut k-ekonomi di mana sekiranya boleh setiap penduduk di negara ini perlu didedahkan kepada dunia teknologi maklumat (IT) melalui konsep 'satu rumah satu komputer' supaya mereka lebih sensitif dengan perubahan dan kehendak semasa. Kelonggaran pembiayaan dan pinjaman untuk membeli komputer misalnya melalui pengeluaran KWSP, pinjaman berkelompok

melalui agensi-agensi seperti MARA, RISDA, FELCRA dan lain-lain perlu disegerakan. Insentif dan pengecualian cukai yang lebih ketara perlu diberikan peluang kepada mana-mana usahawan tidak kira kecil, sederhana atau berteknologi tinggi yang terlibat dalam membantu mempertingkatkan kemahiran teknologi maklumat selaras dengan wawasan kerajaan melalui Multimedia Super Corridor.

Sungguhpun dasar galakan perkembangan IT ini diberikan keutamaan tetapi beberapa cabaran utama perlu dikaji misalnya dari segi persaingan di antara sektor awam kerajaan yang memerintah dan sektor korporat di dalam mengendalikan dan mengawal sesuatu krisis terutamanya krisis ekonomi daripada berlaku. Perkembangan IT juga memberi kelebihan kepada syarikat-syarikat besar terutama yang bertaraf multimedia yang bersaing dengan kerajaan dalam mempengaruhi sistem ekonomi sesebuah negara. Ini membawa kepada perdebatan sempadan ekonomi dan tidak semestinya berkait dengan sempadan politik. Masa depan sesebuah negara akan bergantung kepada keupayaan sesebuah negara mengatasi IT sama ada negara kita bersedia menyediakan prasarana yang cukup untuk menghadapi ancamannya.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, dua helai lagi - pengenalan sistem taksiran cukai semasa (STS) bagi menggantikan sistem taksiran cukai kebelakangan secara berperingkat-peringkat perlu mengambil kira kelonggaran masa sebelum penguatkuasa sepenuhnya undang-undang dilaksanakan. Ini memandangkan bahawa masyarakat sebenarnya belum lagi terdedah sepenuhnya kepada kesedaran dan pengetahuan percukaian atau boleh disebut sebagai care tax. Dalam suasana baru pulih daripada kegawatan ekonomi, pengenalan penalti, denda dan penguatkuasaan undang-undang percukaian perlu disemak dengan teliti terlebih dahulu di mana kesan digresif akan berlaku sekiranya penguatkuasa ketara boleh menjejaskan dan melemahkan para usahawan sektor korporat untuk bergiat semula dalam sektor permigaan.

Dalam usaha untuk merancang aktiviti ekonomi, pengurangan kadar cukai individu dan syarikat perlu dikurangkan misalnya cukai syarikat dicadangkan dikurangkan daripada 28% kepada sehingga 25% atau cukai individu dikurang daripada 29% kepada 25% secara berperingkat-peringkat. Penubuhan perkara ini secara tidak langsung akan menjadi pemangkin dan daya penarik dalam menggalakkan pertumbuhan aktiviti perniagaan dengan lebih pesat lagi. Dengan penubuhan sektor cukai khususnya dicadangkan supaya masyarakat Islam boleh

membuat salah satu pilihan sama ada melaporkan pendapatan kepada Lembaga Wakaf dan Baitulmal di setiap negeri melalui penyelarasan Majlis Zakat Negara ataupun mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Di samping itu berkaitan dengan pelepasan diri yang dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM8,000 masih lagi begitu kecil memandangkan kos kehidupan semakin meningkat dan perlu dinaikkan kepada pelepasan sebanyak RM12,000 setahun manakala pelepasan anak-anak yang bersekolah sebanyak RM800 setiap orang anak tanpa mengira bilangan anak. Dicadangkan perlu dinaikkan kepada RM1,500.

Ini memandangkan kos untuk menanggung anak-anak misalnya, untuk ke nurseri sekolah adalah sebanyak RM100 hingga RM200 seorang sebulan adalah begitu tinggi pada masa sekarang. Dalam usaha kerajaan untuk mendapatkan kutipan hasil cukai yang tertunggak dan sebagainya, Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu membuat pengagihan kuasa kutipan melalui penubuhan cawangan-cawangan kutipan pungutan di setiap negeri di Malaysia dan tidak ditumpukan hanya di sekitar cawangan pungutan Jalan Duta, Kuala Lumpur sahaja. Dengan penubuhan cawangan pungutan di setiap negeri ini dapat membantu mempercepatkan proses kutipan dan memudahkan urusan pembayar cukai untuk berhubung secara lebih dekat di negeri masing-masing.

Instrumen kewangan untuk pembiayaan perlu dikawalselia oleh pihak kerajaan dengan lebih sempurna lagi dalam usaha untuk membantu masalah kecairan di kalangan usahawan dan sektor korporat yang terjejas akibat daripada kegawatan ekonomi. Usaha-usaha pemulihan ini akan melibatkan masa yang panjang di samping alternatif menggalakkan lebih ramai lagi pihak-pihak yang berminat menceburi perniagaan melalui skim-skim dan insentif tertentu perlu dipergiatkan lagi. Dengan adanya galakan demikian ini membolehkan aktiviti perniagaan bergerak dengan lebih aktif di samping mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan dan seterusnya menambahkan hasil negara.

Sebagai negara yang sejahtera, kita perlu mengambil beberapa pengajaran daripada kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara baru-baru ini.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Masih belum habiskah Yang Berhormat?

**Puan Hajah Hazizah binti Mohd. Noor:** Satu helai lagi. *[Ketawa]*

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Ada lagi dua tiga orang.

**Puan Hajah Hazizah binti Mohd. Noor:** Belum puas lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi. Sebagai negara yang sejahtera, kita perlu mengambil beberapa pengajaran daripada kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara baru-baru ini. Walaupun tanda pemulihan lebih ketara dengan pencapaian KNK 5.6% berbanding dengan penguncupan 7.5% dalam tahun 1998, sebagai masyarakat Islam, kita perlu mengambil iktibar ayat Al-Quran, surah Yusuf, ayat 47 hingga 48, juz 12. Firman Allah di dalam Al-Quran yang bermaksud: *“Bercucuk-tanam tujuh tahun sebagaimana biasa, seberapa yang telah kamu potong hendaklah kamu simpan bersama tangkainya kecuali sedikit untuk makan, kemudian datang sesudah itu, tujuh tahun kemarau sehingga menelan apa yang telah kamu simpan itu, kecuali sedikit yang kamu simpan untuk menjadi benih”*.

Akhir sekali, di Dewan yang mulia ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia. Ini membuktikan kepercayaan kerajaan terhadap kaum wanita di mana kaum wanita juga mampu melaksanakan tugas penting jika diberi peluang. Perlantikan tersebut merupakan satu penghormatan dan kepada seluruh wanita negara ini. Mudah-mudahan perlantikan beliau ini menjadikan wanita lebih bersemangat dan terus berbakti kepada negara.

Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Puan See Too Mee.

### 5.23 ptg.

**Puan See Too Mee:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas. Pertama, izinkan saya timbulkan beberapa masalah yang menimpa sistem pendidikan di negara kita.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh sedikit ialah mengenai isu kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Isu kekurangan guru di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil merupakan satu topik hangat, khususnya di masyarakat Cina. Contohnya, bagi 20 buah sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Johor Bahru sahaja walaupun sebahagian kekosongan jawatan diisi oleh 220 orang guru sandaran tidak terlatih, masih terdapat 228 kekosongan jawatan guru yang tidak dapat diisi. Ini bermakna kekurangan guru yang sebenarnya bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Johor Bahru adalah seramai 448

orang atau puratanya lebih 22 orang setiap sekolah. Situasi tersebut memang teruk. Sebahagian besar guru sandaran tidak terlatih akan meletakkan jawatan mereka menjelang bulan Mei dan Jun ini.

Kedudukan tersebut akan amat serius memandangkan statistik yang saya gunakan tersebut adalah bagi 20 buah sekolah jenis kebangsaan di daerah Johor Bahru sahaja. Kita boleh bayangkan bagaimana kedudukan bagi 213 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan 70 buah sekolah Tamil di negeri Johor dan betapa teruknya kedudukan bagi seluruh negara.

Tuan Yang diPertua, isu tersebut bukanlah satu isu baru. Ia satu isu lama yang seolah-olah kerajaan belum lagi memberi jawapan. Sekolah-sekolah jenis kebangsaan khasnya sekolah-sekolah Cina, bukan lagi tempat pelajaran untuk anak-anak kaum berkenaan sahaja. Kini sesungguhnya anak-anak berbilang kaum mendapatkan pendidikan di situ. Bagi 20 buah sekolah jenis kebangsaan Cina, di daerah Johor Bahru sahaja terdapat hampir 2,000 orang murid bukan Cina yang menuntut di situ, maka masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina seharusnya dianggap satu masalah kebangsaan dan bukan sahaja masalah yang dihadapi oleh kaum-kaum tertentu sahaja.

Tuan Yang diPertua, satu lagi perkara yang saya ingin tegaskan di sini ialah mengisi jawatan kosong dengan guru-guru sandaran tidak terlatih seharusnya merupakan satu cara jangka pendek sahaja untuk mengatasi masalah kekurangan guru “Tiada rotan, akar pun berguna”. Malangnya akar itu sudah dianggap seperti rotan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

Tidak boleh dinafikan bahawa ia bukanlah cara yang profesional kerana faktor-faktor yang berikut:

- (i) Perguruan adalah satu profesion Pengetahuan dan latihan yang secukupnya diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Sebaliknya, guru-guru sandaran tersebut tiada latihan yang diperlukan.
- (ii) Ramai guru sandaran tersebut hanya berkhidmat beberapa bulan sahaja sambil mereka menunggu tawaran tempat di universiti atau maktab. Pihak sekolah penat mencari pengganti sepanjang tahun. Murid-murid sering perlu menyesuaikan diri dengan guru yang berlainan serta pendekatan pengajaran yang

lain-lain. Timbullah masalah tiada kesinambungan di segi kaedah pengajaran dan pembelajaran.

- (iii) Oleh kerana kekurangan pengalaman, sebahagian guru-guru sandaran tersebut selalunya lemah sedikit di segi kawalan disiplin di dalam dan di luar bilik darjah. Ini akan menambah masalah kawalan disiplin di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata perlantikan guru sandaran tidak terlatih harus dianggap “Berjagung-jagung dahulu, sementara padi masak”. Biarlah kita jangan lupa, jagung tetap jagung ia tidak boleh digunakan untuk masak nasi. Kementerian Pendidikan harus menggiatkan usaha lagi untuk mengisi tempat-tempat kosong di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dengan guru-guru terlatih. Kementerian Pendidikan harus berjanji bahawa masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah Cina dan Tamil tidak lagi timbul dalam tempoh tiga hingga lima tahun dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan telah berulang kali berjanji akan mempercepatkan perlantikan guru kontrak untuk tujuan mengisi kekosongan jawatan guru yang semakin serius di sekolah-sekolah Cina dan Tamil, malangnya, izinkan saya kata, sekurang-kurangnya di negeri Johor, ia merupakan “Melepaskan batuk di tangga” sahaja. Saya difahamkan bahawa hingga ke hari ini, belum ada seorang pun guru kontrak baru yang dilantik atau ditawarkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru kontrak merupakan guru-guru terlatih yang dalam pengalaman dan pengetahuan di dalam profesion perguruan. Kebanyakan mereka masih sihat dan cergas. Mengisi kekosongan jawatan guru dengan guru-guru kontrak boleh mengurangkan masalah-masalah yang saya sebut sebentar tadi. Memang bayaran gaji guru kontrak lebih tinggi daripada guru-guru sandaran yang tidak terlatih tetapi biar kita ambil pengajaran daripada bidalan Melayu yang berbunyi “Alah membeli, menang memakai”.

Maka, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan agar mengatasi segala *constraint* berkaitan dengan perlantikan guru kontrak dan mengambil tindakan segera untuk melantik guru-guru kontrak tersebut. Saya berharap semoga kerajaan kita yang bijaksana lagi berwawasan itu jangan

mengorbankan masa depan generasi muda yang merupakan aset negara kita semata-mata ingin menjimatkan sedikit wang.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat boleh menyambung.....

**Puan See Too Mee:** Dengan demikian, saya menyokong ....

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Sudah habis?

**Puan See Too Mee:** ...usul Belanjawan [Ketawa] 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Saya punya mesej sudah sampai kepada Timbalan Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.*

LAMPIRAN

24 April 2000

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,



B.K.M. (Kedah)

- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara:**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha:**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha:**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH****PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid II****Bil. 9****Selasa****2 Mei 2000**

---

**K A N D U N G A N****MENGANGKAT SUMPAH:**

– Y.B. Dato' Poo Yew Choy

(Halaman 1)

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

(Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

(Halaman 26)